Bil. 58

Khamis
1 November 2012

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2013
Jawatankuasa:-
Jadual:-
Maksud B.27 (Halaman 19)
Maksud B.48 (Halaman 60)

USUL-USUL:
Usul Anggaran Pembangunan 2013
Jawatankuasa:-
Maksud P.27 (Halaman 19)
Maksud P.48 (Halaman 60)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.

2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB

3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO

3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*

4. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO

5. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO

6. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

7. " Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO

8. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO

9. " Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

10. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO

11. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO

12. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO

13. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS

14. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB

15. " Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

16. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. " Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO

19. " Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA

20. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

21. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC

22. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

23. " Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

24. " Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

25. " Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO

26. " Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*

27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*

28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*

29. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M., S.S.A.P (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS

2. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

3. " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO

4. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS

5. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

7. " Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

8. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. " Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

10. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

11. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M., D.S.A.P (Sungai Besar) – UMNO

12. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP

13. " Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA

14. " Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP

15. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB

16. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN

17. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC

18. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

19. " Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*

20. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

21. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

22. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

23. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO

24. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*

25. " Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO

26. " Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*

27. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. - *Senator*

28. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

29. " Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

30. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO

31. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO

32. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO

33. " Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA

34. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB

35. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*

36. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*

37. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*

38. " Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP

39. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS

2. " Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO

3. " Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO

4. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO

5. " Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO

6. " Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO

7. " Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO

8. " Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB

9. " Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO

10. " Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO

11. " Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB

12. " Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB

13. " Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO

14. " Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO

15. " Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO

16. " Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS

17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO

18. " Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP

19. " Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA

20. " Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO

21. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO

22. " Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB

23. " Dato' Henry Sum Agong (Lawas) – PBB

24. " Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO

25. Yang Berhormat Dato' Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. " Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. " Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. " Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. " Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. " Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. " Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. " Dato' Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. " Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. " Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. " Datuk Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. " Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. " Dato' Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. " Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. " Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. " Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. " Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. " Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. " Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. " Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. " Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. " Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. " Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. " Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. " Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. " Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO

58. Yang Berhormat Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. " Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. " Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. " Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. " Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. " Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. " Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. " Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. " Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. " Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. " Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. " Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. " Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. " Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. " Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. " Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
77. " Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. " Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. " Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. " Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. " Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. " Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. " Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. " Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. " Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. " Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. " Dato' Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. " Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)

14. Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. " Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. " Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. " Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. " Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. " Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. " Dato' Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. " Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. " Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. " Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. " Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. " Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. " Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. " Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. " Tuan John Fernandez (Seremban)
12. " Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. " Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. " Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. " Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. " Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. " Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. " Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. " Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. " Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. " Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. " Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. " Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. " Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. " Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. " Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. " Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. " Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. " Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. " Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. " Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. " Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. " Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. " Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. " Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. " Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. " Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. " Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. " Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. " Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. " Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. " Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. " Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. " Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. " Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. " Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau)
2. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar)
3. " Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
4. " Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
5. " Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort)
4. " Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
5. " Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. " Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. " Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing,S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran)
8. " Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. " Dato' Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)

Kosong

1. - Tiada - (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 1 November 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Kewangan menyatakan rakyat masih mengeluh bahawa mereka terbeban dengan bayaran premium insurans kenderaan yang tinggi. Bagaimana masalah ini dapat diselesaikan dan rakyat memahami tentang tanggungjawab mereka serta bayaran tersebut juga tidak terlalu tinggi terutama ke atas kenderaan kecil dan lama yang menjadi kenderaan utama mereka.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Untuk makluman Yang Berhormat, premium insurans motor di Malaysia secara puratanya adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia. Premium insurans motor di Malaysia adalah berdasarkan tarikh motor yang tidak pernah dikaji semula sejak tahun 1978 untuk mengambil kira persekitaran yang semakin berubah seperti perubahan dalam profil risiko bagi pemandu dan kenderaan, pengalaman tuntutan yang kian meningkat disebabkan kemalangan jalan raya dan kecurian kenderaan yang lebih kerap berlaku serta kos perniagaan yang semakin tinggi.

Walaupun dalam keadaan di mana premium dikenakan tidak seimbang dengan pengalaman tuntutan, perlindungan insurans motor masih tetap disediakan oleh penanggung insurans di Malaysia sehingga keadaan telah sampai ke satu tahap di mana jurang di antara premium yang diterima oleh industri insurans dan tuntutan yang harus dibayar adalah sangat ketara. Untuk makluman pada tahun 2011, bagi setiap RM1 premium yang dikutip, RM3 telah dibayar keluar oleh penanggung insurans sebagai pampasan bagi kematian dan kecederaan pihak ketiga dan ini belum masuk lain-lain kos.

Bagi memastikan perlindungan insurans motor dapat disediakan oleh penanggung insurans secara berterusan atau *sustainable* beberapa pembaharuan telah dilaksanakan. Pertamanya, membaiki akses kepada perlindungan insurans terutamanya bagi kenderaan lama dengan memerlukan semua penanggung insurans dan Pos Malaysia menawarkan polisi perlindungan insurans di bawah program MMIP iaitu *insurance pool.* Ini secara keseluruhannya telah menyelesaikan masalah akses yang pernah kita dengar pada satu masa dahulu.

Keduanya dengan melaksanakan rangka kerja motor baru yang dipersetujui oleh pihak kerajaan dan industri. Rangka kerja ini merangkumi dua bahagian iaitu:

(i) penyelarasan kadar premium insurans motor seperti lebih mencerminkan risiko terkini; dan

(ii) pelaksanaan penambahbaikan kepada proses penyelesaian tuntutan motor agar lebih cekap supaya orang awam dapat menerima pampasan lebih awal khususnya bagi kematian dan kecederaan pihak ketiga.

Penyelarasan kadar premium insurans di bawah rangka kerja baru ini adalah begitu kecil dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat selama empat tahun sehingga 2015 supaya ia tidak membebankan pemilik kenderaan. Setelah tamat tempoh ini dan tarikh motor dinyahkan, premium insurans motor akan ditentukan mengikut profil risiko sesuatu kenderaan di mana kenderaan yang berisiko rendah akan dapat menikmati kadar premium yang lebih kompetitif dan sebaliknya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba buat *survey* menggunakan laman media dan setelah saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, umumnya Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu pandangan pun daripada orang ramai bahawa bayaran premium insurans kenderaan murah ataupun berpatutan. Umumnya, 100 peratus mereka katakan mahal. Persoalan yang mereka bangkitkan ialah kos *repair* mahal, kos pengangkutan mahal, kos stor mahal, kos orang tengah termasuk *adjuster* juga mahal. Kos *repair* sebenar RM2,000 tetapi mereka *adjust* kepada RM4,000. Jadi kalau- saya baca dalam laman sesawang Bank Negara tentang insurans mengatakan bahawa kerana syarikat insurans atau syarikat perlindungan insurans terpaksa menanggung kos yang mahal atas sebab kos yang saya sebut itu mahal.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada satu cadangan supaya buat satu kajian apakah faktor-faktor mengapa berlaku, bagaimana berlaku dibuat supaya akhirnya kita dapat satu kos perlindungan insurans yang berpatutan. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian dan kerajaan bersedia untuk mewujudkan insurans kenderaan 1Malaysia bagi pilihan kepada rakyat Malaysia mendapatkan perkhidmatan tersebut dengan kos yang lebih murah berbanding dengan kos insurans yang mahal sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Jelas terdapat persepsi yang berlainan, yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat.

■1010

Kalau kita lihat umpamanya statistik yang diberikan oleh Bank Negara kepada saya tadi, motosikal sepuluh tahun umurnya, 100cc, insuransnya ialah RM81 purata. Kereta sepuluh tahun, 1,500cc, insuransnya RM203. Kalau kita lihat kajian yang dibuat oleh MITI iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) yang mengeluarkan kos perbandingan di rantau ini dalam kos premium insurans kereta umpamanya setahun, ini termasuk komprehensiflah. Di Malaysia secara puratanya insurans tahunan premium adalah RM3,062, di Singapura - RM7,960, di Thailand - RM6,736 dan Indonesia - RM4,593. Jadi, memang kalau dibandingkan secara perbandingan serantau, Malaysia masih rendah.

Akan tetapi sama ada soal rakyat Malaysia masih merasakan mahal, ini susahlah kita hendak terima kerana memang hakikatnya kos semua di seluruh, bukan sahaja di Malaysia tinggi. Jadi perbandingan yang saya buat tadi jelas kalau Malaysia puratanya RM3,000, Singapura RM7,000, Thailand RM 6,000, Indonesia RM4,000. Maka Malaysia masih lagi rendah. Hakikatnya bahawa penanggung insurans masih lagi terpaksa membayar lebih banyak daripada yang diterima. Setiap RM1 yang diterima yang saya sebutkan tadi, RM3 telah dibayar untuk kos-kos insurans kematian dan kecederaan.

Jadi, kita perlu mengimbangi ini supaya sistem tanggungan insurans ini dapat diteruskan. Jadi sebab itulah pakej pembaharuan yang dibuat dan dipersetujui oleh industri dan Bank Negara Malaysia ini yang dibuat secara berperingkat-peringkat, diharapkan dalam tahun 2015 nanti masalah ini dapat diselesaikan dengan lebih baik supaya pembayaran insurans ini lebih mencerminkan risiko. Sesiapa yang mempunyai profil risiko yang rendah, sepatutnya dapat membayar premium yang lebih rendah. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Lanjutan soalan rakan saya dari Ledang dan setelah mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, terutama merujuk pada kajian MITI. Kalau komponen atau juzuk insurans berbanding negara ASEAN, jawapan itu tepat. Namun, komitmen bayaran bagi pengguna kenderaan di negara kita itu kalau hendak dibandingkan negara ASEAN yang lain, berbeza. Contohnya kalau Thailand, pengguna jalan raya tidak terbeban dengan bayaran tol misalnya ataupun cukai jalannya cuma dibayar sekali seumur hayat kereta itu. Kita cukai jalan juga setiap tahun.

Kedua, komponen harga kereta. *Vios* 150, di negara kita RM93,000, di Filipina baru RM62,000. Jadi saya fikir, itu belum masuk kos *maintenance* pengguna kenderaan. Kalau jawapan tadi cuma tertumpu pada juzuk pembayaran insurans, betul tetapi ada dua tiga lagi komponen pembayaran yang lain yang akhirnya isunya adalah beban yang besar. Oleh sebab itu, saya bersetuju dengan rakan saya dari Ledang soal keperluan untuk kerajaan meneliti semula aspek ini sambil saya menerima penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, soal insurans yang berasaskan kepada risiko. Jadi, saya mohon pandangan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih. Apa yang kita tumpukan dalam soalan ini ialah tentang premium insurans. Apa yang dinyatakan berhubung dengan kajian yang dibuat oleh MITI ini juga adalah dalam aspek insurans premium untuk menyatakan walaupun umpamanya harga kereta mungkin di sesetengah negara rendah sedikit tetapi daripada segi premium insurans dan lain-lain, kita masih lagi kompetitif. Jadi, saya tidak mahu merangkumi soal-soal aspek kos pengendalian kereta secara lebih umum kerana soalannya tertumpu khusus kepada insurans premium. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai] minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah bentuk latihan dan berapakah kekerapan ia dijalankan untuk melatih kakitangan bagi membantu kewujudan perkhidmatan sokongan untuk pesakit mengerjakan ibadah semasa berada di hospital.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai di atas soalan yang diajukan. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan satu soalan yang lain yang menyentuh isu serupa iaitu pertanyaan daripada Yang Berhormat Hulu Langat yang bertarikh 20 November 2012.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sedia maklum tentang keperluan menunaikan ibadat oleh pesakit-pesakit Muslim di hospital. Justeru itu, pihak kementerian bekerjasama dengan pihak JAKIM bagi menempatkan pegawai-pegawai hal ehwal agama di hospital-hospital kerajaan di bawah Unit Hal Ehwal Islam hospital. Setakat ini, sejumlah 24 pegawai JAKIM telah ditempatkan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia seluruh negeri. Pegawai-pegawai ini bukan sahaja membantu pesakit dalam melakukan ibadah seperti solat, azan dan iqamat kepada bayi yang baru lahir tetapi juga kaunseling terutama kepada pesakit-pesakit Muslim yang bermasalah. Kebanyakan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerapkan konsep hospital mesra ibadah yang mana pesakit boleh melakukan ibadah dengan selesa semasa berada di wad sambil dibantu oleh kakitangan hospital yang telah dilatih.

Program-program seperti bengkel pengurusan jenazah pesakit dalam, bengkel pengurusan jenazah, khemah ibadah dan *continuous medical education* (CME) dengan izin, yang diadakan secara berkala anjuran Unit Hal Ehwal Islam hospital dan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia tidak menetapkan jadual ataupun kekerapan latihan yang perlu dilaksanakan. Program-program ini bertujuan untuk memberikan kefahaman, melatih, memantapkan pengetahuan dan kesedaran kakitangan hospital mengenai tatacara pengurusan ibadah pesakit termasuk berwuduk, tayamum dan solat ketika sakit. Terdapat juga buku panduan solat pesakit, poster berkenaan dengan kaifiat solat pesakit dan kit solat yang mengandungi botol *spray* untuk berwuduk, debu tayamum dan bahan bacaan berbentuk Islam turut disediakan di wad untuk rujukan dan panduan kepada pesakit. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang saya rasa cukup menarik dan bertepatan dengan keperluan yang ada kepada pesakit pada hari ini kerana hospital kita merupakan tempat yang perlu melaksanakan program holistik selain daripada kita memberikan rawatan fizikal, penguatan mental dan juga spiritual. Kita tahu bahawa rawatan holistik ini akan menambahkan lagi peluang untuk sembuh yang lebih cepat dan lebih lengkap kepada pesakit kita. Dalam konteks ini, saya bertanyakan soalan ini kerana ingin mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan menyediakan latihan ini dalam program-program latihan rasmi mereka kepada kakitangan sokongan seperti jururawat, pembantu perubatan dan sebagainya, supaya ia menjadi sebahagian daripada kokurikulum biasa mereka. Ini tidaklah terlalu susah untuk dilaksanakan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk keselesaan mengamalkan ibadah ini di hospital, saya sebenarnya tidak mengehadkan soalan ini kepada pesakit Islam semata-mata kerana mungkin pesakit-pesakit yang beragama lain pun mempunyai sensitiviti untuk melaksanakan urusan mereka. Akan tetapi bagi kita tentulah keselesaan melakukan ibadah ini memerlukan suatu *environs* ataupun suasana fizikal yang tidak mengganggu keadaan di dalam wad tersebut.

■1020

Jadi Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bercadang dalam membangunkan fasiliti yang baru, hospital atau pusat-pusat pemulihan, akan mengambil kira keperluan beribadah ini dalam pembinaan baru ataupun pengubahsuaian supaya tidak menimbulkan sebarang gangguan terhadap perkhidmatan di dalam wad itu ataupun kepada pesakit-pesakit lain? Sebelum saya duduk, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana kedudukan Hospital Kuala Krai? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai di atas soalan tambahan. Pertamanya saya ingin menjawab dari segi penyediaan program-program latihan rasmi oleh kementerian. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bahawasanya pegawai hal ehwal agama Islam ini juga yang ditempatkan di hospital-hospital dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri dan sudah tentu serta dibantu oleh kementerian, sebenarnya mereka ini yang menganjurkan kursus dan latihan secara berkala, Yang Berhormat. Dari segi kekerapan, adalah menjadi satu amalan kepada pegawai hal ehwal agama Islam ini untuk melaksanakan kursus yang melibatkan semua bidang disiplin di hospital sebulan sekali dan disiplin-disiplin tertentu sekurang-kurangnya sekali dalam *rotation* pelaksanaan program-program ataupun kursus seperti yang dinyatakan.

Kursus serta latihan secara berkala juga dilaksanakan kepada staf-staf hospital bagi membantu mereka membuat penerangan kepada pesakit bagaimana melakukan ibadah. Terdapat juga kursus-kursus anjuran badan NGO dan pengurusan masjid tentang ibadah bagi pesakit yang dihadiri oleh anggota-anggota sokongan hospital. Sekiranya anggota hospital ini mempunyai masalah atau kesukaran, mereka boleh merujuk kepada pegawai yang bertugas ini terutama sekali dari hal-hal ehwal fatwa dan sebagainya.

Bagi pertanyaan yang menjurus kepada perlunya tidak ada had untuk juga agama lain, memang sebenarnya pihak hospital mengalu-alukan. Bagi pesakit yang bukan beragama Islam, mereka ini sering dikunjungi oleh sukarelawan-sukarelawan pendakwah-pendakwah agama masing-masing. Ini tidak ada sekatan daripada pihak hospital untuk membenarkan mereka untuk berjumpa dengan pesakit-pesakit.

Seterusnya dari segi cadangan berbentuk fasiliti bagi menempatkan pusat-pusat pemulihan, pengubahsuaian dari segi perkhidmatan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi, sebenarnya setakat ini tidak ada perancangan pihak hospital untuk membenarkan mana-mana badan untuk mewujudkan pusat-pusat di dalam hospital tetapi kita membenarkannya sekiranya ia dilaksanakan di luar hospital. Yang Berhormat, ini penting kerana kita bimbang ianya bakal akan mengganggu *day-to-day basis* hospital. Akan tetapi dari segi amalan, dari segi kunjungan dan sebagainya, itu kita tidak mempunyai masalah untuk membenarkan badan-badan dakwah agama apa sekali pun untuk datang untuk bertemu dengan pesakit-pesakit. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalaamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Sebelum itu mukadimah... *[Ketawa]* Hebat Kerajaan Barisan Nasional ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Kementerian Kesihatan, konsep baru Hospital Mesra Ibadah (HMI) ini. Setakat ini, setahu saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membuat pembetulan, ada 11 buah sahaja hospital baru yang mengamalkan konsep mesra ibadah ini. Ada tak rancangan ditambah lagi? Itu yang pertama.

Kedua, saya hendak ucap tahniah kepada hospital swasta yang telah pun menyediakan kemudahan mesra ibadah seperti ini. Jadi saya harap contoh-contoh hospital swasta yang baik ini dapat dicontohi dan diberi galakan oleh Kementerian Kesihatan untuk mereka menurut jejak langkah hospital-hospital swasta yang sudah mengamalkan HMI ini.

Ketiga, bolehkah agaknya secara khusus diletakkan pegawai-pegawai agama kita di wad-wad yang bersalin ini? Jadi lahir sahaja anak, memang menjadi sunat, ibadah di azan dan diiqamatkan bayi yang baru lahir ini. Kalau ada agaknya kemudahan-kemudahan seperti itu, maklum sahajalah isteri dan suami ini muda-muda dan waktu lahir itu pun dia tidak tahu kadang-kadang masa bila anak dia lahir, mungkin dia masih berada di luar hospital, kalau ada disediakan bilal-bilal kah apa yang boleh mengazankan atau mengiqamatkan.

Ini menjadi satu ibadah jugalah kepada Kerajaan Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua. Wah, hebat Kerajaan Barisan Nasional Tuan Yang di-Pertua. Dari yang baru lahir sampailah mati, rakyat ini sentiasa diberikan segala kebaikan. Jadi tahniah, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh lantik Yang Berhormat Sri Gading lepas pencen ini jadi tukang azan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading di atas beberapa soalan yang dikemukakan sebagai soalan tambahan. Pertamanya Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan, walaupun kita mempunyai 24 pegawai ataupun dari segi perjawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Agama yang ditempatkan di hospital-hospital kebanyakan hospital-hospital negeri kita termasuklah Hospital Kuala Krai, namun Yang Berhormat, sebenarnya kebanyakan hospital Kementerian Kesihatan bukan hanya setakat 11 Yang Berhormat tetapi kebanyakan hospital Kementerian Kesihatan telah pun menerapkan konsep mesra ibadah ini.

Untuk menjawab kepada persoalan sama ada hospital swasta juga melaksanakan mesra ibadah, ya memang terdapat beberapa hospital swasta yang juga menjalankan ataupun melaksanakan konsep mesra ibadah ini dan sudah tentu kita di peringkat Kementerian Kesihatan mengalu-alukan supaya perkara yang sama juga dapat dilaksanakan oleh hospital-hospital swasta yang lain.

Pertanyaan Yang Berhormat yang bertanyakan khusus mengenai penempatan pegawai-pegawai di wad-wad bersalin untuk tujuan azan, iqamat dan sebagainya, sebenarnya Yang Berhormat, ini adalah sebahagian daripada fungsi Pegawai Hal Ehwal Agama ini. Selain daripada itu Yang Berhormat, mereka ini juga menjadi rujukan bagi memberikan kaunseling dan khidmat nasihat, bukan sahaja kepada pesakit Yang Berhormat tetapi kepada waris pesakit. Mereka juga memberikan bantuan kebajikan kepada pesakit dari segi menyampaikan bantuan-bantuan daripada baitulmal seperti peralatan prostesis ataupun sokongan termasuklah bahan-bahan keperluan seperti ubat gigi, tuala, *pampers*, susu dan sebagainya. Mereka ini menjadi perantara untuk menyampaikan bantuan baitulmal ataupun bantuan-bantuan daripada badan-badan yang berkaitan. Selain daripada itu Yang Berhormat, mereka juga berperanan dari segi isu forensik contohnya, membantu pihak hospital dalam isu perebutan jenazah.

■1030

Ini juga di bawah fungsi Pegawai Hal Ehwal Agama kita. Ini termasuklah bagi bayi-bayi yang tidak mempunyai ayah. Mereka ini menawarkan perkhidmatan memberikan azan, iqamat dan sebagainya untuk bayi-bayi yang tidak mempunyai ayah ini. Dari segi contoh khidmat nasihat kepada ibu muda, kepada keluarga mengenai isu anak tidak sah taraf juga dilaksanakan oleh Pegawai Hal Ehwal Agama ini.

Perkara yang saya ingin juga kongsikan dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, dari segi peranan terutama sekali dari segi pengurusan *transplant* contohnya. Ia memberi khidmat kepada keluarga dari isu pendermaan organ juga dilaksanakan oleh pegawai ini bagi memberikan nasihat dari segi perspektif Islam tentang hukum pendermaan organ dan sebagainya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

3. Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, peranan yang dapat dimainkan oleh kerajaan khususnya membantu dalam keupayaan syarikat Malaysia di peringkat antarabangsa di negara lain sama ada melibatkan syarikat milik kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan serta syarikat persendirian dalam usaha meningkatkan keupayaan kepakaran negara di mata antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sering menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk menerokai peluang-peluang perniagaan di luar negara.

Negara-negara yang sedang membangun umpamanya mewujudkan peluang-peluang perniagaan dari segi pembangunan projek infrastruktur.

Antara lain, pembidaan tender antarabangsa dilaksanakan oleh syarikat-syarikat Malaysia secara terus kepada kementerian, agensi ataupun pemilik projek dari luar negara. Lazimnya, kerajaan tidak campur tangan dalam urusan pembidaan tender antarabangsa di luar negara yang disertai oleh mana-mana syarikat Malaysia termasuklah syarikat berkaitan kerajaan atau GLC.

Kementerian ini melalui MATRADE telah mewujudkan sebuah sistem aplikasi penyebaran maklumat tender kepada syarikat-syarikat Malaysia bagi membantu syarikat Malaysia untuk mendapatkan maklumat awal berkenaan tender antarabangsa. Sistem tersebut dinamakan *International Tender Notices* dengan izin yang boleh diakses dari portal MATRADE melalui *MyExport* iaitu paparan maklumat yang diberikan kepada syarikat Malaysia yang berdaftar dengan MATRADE.

Pengguna boleh mendapatkan maklumat tersebut dengan menggunakan internet dan peranti mudah alih seperti *smart phone*. Selain daripada itu, maklumat notis tender juga disalurkan kepada syarikat-syarikat Malaysia melalui persatuan-persatuan, majlis-majlis industri perkhidmatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Maklumat tender antarabangsa ini dikumpulkan menerusi rangkaian pejabat MATRADE luar negara dan sumber lain seperti pejabat Kedutaan Malaysia, pejabat kedutaan luar negara di Malaysia, laman-laman web berkaitan dan media massa.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya kejayaan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara adalah bergantung antara lain kepada kepakaran dan keupayaan sesebuah syarikat dalam sesuatu bidang berkaitan projek-projek yang dibida, pengalaman dan *track record* dengan izin sesebuah syarikat tersebut di dalam melaksanakan projek-projek yang berjaya dimenangi sama ada di dalam mahupun di luar negara, kekuatan sokongan kewangan syarikat untuk melaksanakan sesebuah projek yang di bida dan tender yang dikemukakan oleh sesebuah syarikat tersebut memenuhi kriteria yang diperlukan oleh penender.

Secara amnya, kerajaan membantu syarikat-syarikat Malaysia dari segi menyediakan sokongan pembiayaan kewangan melalui Bank EXIM mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan dan juga mempromosi keupayaan dan kepakaran syarikat-syarikat Malaysia melalui rombongan perdagangan dan pelaburan serta pameran-pameran perdagangan yang disertai di negara-negara yang dilawati.

Kejayaan syarikat-syarikat Malaysia ini pasti meningkatkan profil Malaysia di luar negara. Pengiktirafan syarikat-syarikat Malaysia tersebut menjadi contoh kepada syarikat-syarikat Malaysia yang lain.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedang menuju ke arah negara maju pada tahun 2020 nanti *insya-Allah* dan negara yang berpendapatan tinggi. Sudah tentu kita memberi galakan kepada syarikat-syarikat negara kita yang terlibat dalam pelbagai sektor. Bukan setakat satu sektor seperti penerokaan gas, telekomunikasi, perbankan dan macam-macam perkilangan dan lain-lain- infrastruktur dan sebagainya. Dilihat lebih daripada 100 syarikat yang telah pun membuat pelaburan hampir ke semua sektor ekonomi yang ada di luar negara ini.

Tadi Yang Berhormat Sri Gading beritahu kalau ada rombongan MITI ke luar negara, jangan lupalah bawa Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat... *[Ketawa]* Sekarang ini nampak macam Ahli Parlimen tidak dijemputlah untuk bersama-sama mendapat pendedahan sekurang-kurangnya. Jadi, pelaburan langsung Malaysia di luar negara ini adalah menyeluruh dan bukan bermakna kata syarikat-syarikat Malaysia ini hilang kepercayaan kepada negara kita. Akan tetapi, memandangkan kedudukan asalnya syarikat-syarikat di negara kita ini tahu bahawa pasaran negara kita ini agak terhad, jadi kerajaan telah memberi insentif untuk mengeksport bakat dan perkhidmatan kita ke luar negara.

Kita sedar bahawa kerjasama ini bukan sahaja terlingkup dalam pasaran Asean yang merupakan di antara tumpuan dan fokus kita untuk AEC pada 2015 nanti, tetapi juga kita melihat Bank Negara sendiri. Tahniah kepada Bank Negara yang telah memberikan peraturan pentadbiran pertukaran asing yang lebih liberal untuk pasti memberi galakan dan insentif kepada syarikat-syarikat kita ini untuk melabur di luar negara.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat apakah inisiatif yang kita boleh berikan dalam menolong syarikat-syarikat negara sama ada yang melibatkan *GLC's, GOC's* dan sebagainya tetapi asalkan syarikat daripada negara kita.

Langkah memperluaskan sebab tadi Yang Berhormat katakan kita tidak campur tangan tetapi sekurang-kurangnya kita memberi sedikit pendedahan. Ini kerana wakil-wakil kita, MATRADE di luar negara, dia harus ada *knowledge* dan juga kecukupan peruntukan untuk kadang-kadang mereka mengadu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bertanyakah, berhujah Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Baru datang sudah buat sibuk. Jadi, peruntukan yang mencukupi untuk mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab ini. Di samping, duta-duta kita pun harus ada yang *business minded* untuk menjual negara. Jadi, apakah kerjasama ekonomi dan perindustrian ini yang boleh diberi oleh pihak kementerian untuk membuka peluang kepada syarikat-syarikat daripada Malaysia ini? Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat Arau di atas soalan tambahan tersebut. Yang pertamanya, suka saya nyatakan di sini bahawa apabila syarikat tempatan kita melabur di luar negara, ia langsung tidak bermaksud mereka sudah kehilangan keyakinan di dalam pertumbuhan ekonomi kita sendiri. Ia sebenarnya menunjukkan kepada kita bahawa syarikat-syarikat tempatan kita ini sudah berkeupayaan untuk melebarkan sayap mereka ke peringkat antarabangsa. Ini satu yang harus kita banggakan.

Kita dapati bahawa syarikat-syarikat yang telah melebarkan sayap adalah syarikat perladangan yang terlibat di dalam industri contohnya kelapa sawit di Indonesia dan lain-lain. Selain itu, kita mendapati juga ada syarikat perbankan kita yang telah membuka cawangan mereka di sekitar ASEAN khususnya. Kita juga mendapati kebelakangan ini, syarikat tempatan kita yang terlibat di dalam sektor perkhidmatan seperti perundangan, syarikat guaman kita yang sekarang ini sudah membuka cawangan di sekitar ASEAN. Ini sudah tentu bukan setakat mengharumkan nama Malaysia tetapi juga kita lihat bahawa repatriasi dengan keuntungan yang mereka bawa balik ke negara ini pun pada tahap yang agak tinggi. Ia bukannya jumlah pelaburan yang besar, yang keluar daripada negara tetapi keuntungan mereka juga, mereka bawa pulang ke negara ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, soal yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi mengenai peluang untuk Ahli-ahli Parlimen ke luar negara ini, memang dari semasa ke semasa kita bawa.

■1040

Lagi-lagilah kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sendiri yang mengetuai rombongan tersebut. Saya sendiri pun kadang-kadang memohon bantuan daripada Ahli-ahli Parlimen yang mempunyai kepakaran tertentu untuk membantu kita dalam soal mempromosikan negara sebagai satu destinasi pelaburan dan juga rakan dagang. Contohnya, Yang Berhormat Simpang Renggam pernah ikut saya ke Jepun kerana beliau sendiri adalah salah seorang daripada...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: *[Ketawa]* ...Graduan daripada universiti di Jepun. Memang mahir dalam bahasa Jepun dan itu membantu saya dalam berurusan dengan pelabur-pelabur Jepun. Maklumlah, di sana kalau kita pandai cakap bahasa dia, dia lebih mudah hendak berurusan dengan kita.

Jadi, kalau ada kepakaran-kepakaran tertentu, yang itu banyak membantu kita. Macam-macam kepakaran. Bagi tahun 2012 sahaja, salah satu agensi di bawah MITI iaitu MATRADE telah dan akan menjalankan sejumlah 121 program yang meliputi 66 pameran perdagangan antarabangsa, 21 gerai promosi, 29 misi pemasaran khusus, tiga misi perdagangan, satu misi belian dagangan serta satu promosi perdagangan bersama.

Apa yang kita jalankan sepanjang tahun ini sahaja, tidak kira lagi yang kita lakukan tahun lepas ataupun sebelum-sebelum ini dan yang ke depan. Sudah tentu ini akan membantu kita untuk meningkatkan lagi perdagangan dan membuka peluang ataupun membuka pintu kepada peluang-peluang perniagaan syarikat tempatan kita di luar negara.

Kita dapati bahawa memanglah kalau kita hendak ikutkan peruntukan yang kita sediakan bagi pegawai-pegawai kita di luar negara itu dirasakan macam tidak pernah cukup.

Akan tetapi saya lihat bahawa daripada apa yang telah disediakan itu, mereka telah berusaha dengan begitu gigih sekali dan telah berjaya untuk meningkatkan kedua-keduanya, pelaburan dan perdagangan bagi negara kita walaupun menghadapi kekangan kewangan. Ini saya ingat membuktikan bahawa pegawai-pegawai kita di luar negara ini yang sentiasa dilatih untuk meningkatkan keupayaan mereka telah berjaya melaksanakan tugas dengan begitu baik. Akan tetapi memanglah kita macam tidak pernah puas hati, kita akan terus meningkatkan keupayaan mereka itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya rasa semua di kalangan kita pun bersedia membantu dan juga berharap/berhasrat untuk melihat berlakunya penambahbaikan dalam usaha untuk menggalakkan aktiviti penggalakan eksport di luar negara terutamanya yang dimainkan oleh pihak MATRADE, sebagaimana yang diberitahu oleh Timbalan Menteri.

Cuma saya hendak tanya dalam premis ini, semakan saya Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan tahun terbaru MATRADE. Meletakkan kedudukan aliran tunai untuk MATRADE itu sendiri pada tahun ini, tahun 2011, maksudnya yang terbaru. Agak teruk, kemerosotan hampir 30 kali ganda daripada RM35 juta sehingga tinggal RM1.6 juta sahaja. Berlaku kemerosotan yang agak teruk. Saya bimbang kemerosotan ini menyebabkan terjejasnya kapasiti MATRADE untuk membantu atau memainkan peranan seperti mana biasa.

Jadi, keadaan ini nampaknya tidak pernah berlaku sebelum ini. Juga ada satu perkara lagi yang perlu saya rasa dapat penjelasan daripada pihak kementerian. Mengapa pihak SME Corp. telah pun memberhentikan sumbangan ataupun terimaan peruntukan daripada SME Corp. Biasanya pada tahun lepas hingga RM24 juta, tahun ini langsung tidak ada diberikan kepada MATRADE. Adakah ini dasar baru ataupun ada masalah yang berlaku di kalangan MATRADE ini? Penjelasan kalau boleh, terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota atas soalan tambahan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan yang diberikan kepada MATRADE ini walaupun dalam laporan tahunnya nampak macam ada menurun tetapi kita ada banyak cara lagi untuk menggunakan dana-dana daripada semua agensi kerajaan dan kementerian. Di mana kerjasama yang kita pupuk itu dapat menjayakan matlamat dan objektif kita.

Contohnya, baru-baru ini di dalam satu program besar-besaran yang dianjurkan di London, ianya bersama dengan Kementerian Penerangan, Kementerian Pelancongan dan MATRADE juga turut terlibat secara langsung. Ianya tidak semestinya menggunakan peruntukan daripada MATRADE tetapi tugas dan tanggungjawab MATRADE itu masih menyerlah di dalam program-program seperti itu. Jadi, saya rasa tidak perlu kita khuatir bahawa dengan penurunan ini dikatakan bahawa MATRADE tidak berkeupayaan untuk melaksanakan tugasnya. Ia masih berjalan lancar tetapi inilah caranya untuk kita memastikan bahawa setiap ringgit yang kita belanja itu membawa hasil yang berlipat ganda. Kita tidak boros dalam perbelanjaan. Sambil-sambil itu kita memberi keutamaan kepada keberhasilan setiap program yang kita anjurkan itu. Terima kasih.

4. Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik] minta Menteri Pelajaran menyatakan, keperluan guru mengikut opsyen juga masih belum dapat diatasi walaupun kita telah merdeka lebih 54 tahun. Kekurangan guru opsyen utama terutamanya bahasa Inggeris masih berlaku, apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini secara total.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memastikan keperluan guru bagi semua mata pelajaran termasuklah mata pelajaran Bahasa Inggeris sentiasa mencukupi. Anggaran keperluan guru mengikut opsyen bagi suatu mata pelajaran dibuat berdasarkan peruntukan waktu yang diputuskan dalam Jawatankuasa Kokurikulum Pusat sama ada yang melibatkan mata pelajaran sedia ada ataupun mata pelajaran baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat kekurangan guru bahasa Inggeris di sekolah rendah sebanyak 1,638 orang, manakala di sekolah menengah kekurangan sebanyak 271 orang.

Antara faktor lain yang diambil kira dalam usaha membekalkan guru mengikut opsyen adalah norma perjawatan guru, kelulusan perjawatan pada tahun semasa, jumlah guru mengikut opsyen yang berada dalam sistem serta perubahan dasar dan program pendidikan. Antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi kekurangan tersebut ialah:

(i) melalui pelbagai program latihan perguruan seperti Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru dan juga Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di institusi pengajian tinggi awam;

(ii) pengambilan berdasarkan kepada opsyen *major*, *minor* dan elektif diberi latihan kepada guru. Pada masa ini, opsyen *major* dan *minor* dilaksanakan untuk guru sekolah menengah, manakala bagi sekolah rendah, latihan diberikan berfokuskan opsyen *major* dan dua lagi elektif;

(iii) penempatan semula guru dilaksanakan bagi mengisi keperluan sekiranya terdapat kekurangan guru opsyen berkaitan termasuk untuk opsyen bahasa Inggeris; dan

(iv) Kementerian Pelajaran juga memperkenalkan Program Intervensi Tambah Opsyen atau dikenali sebagai PITO untuk mengatasi masalah tersebut.

Dengan adanya langkah-langkah ini, Kementerian Pelajaran menjangkakan keperluan guru mengikut opsyen di sekolah KPM dapat dipenuhi. Pada masa ini, Kementerian Pelajaran melaksanakan PITO untuk guru opsyen pengajian bahasa Cina ke bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu seramai 2,000 orang untuk tahun ini khas untuk SJK(C).

Sebagai kesimpulan, situasi kekurangan guru mengikut opsyen di sekolah KPM adalah tidak serius jika mengambil kira opsyen *major, minor* dan elektif yang diberikan latihan kepada guru. Pada hakikatnya, perkara ini berlaku di peringkat operasi iaitu setiap guru akan diberi *multi grade teaching.*

Dengan langkah-langkah yang dijalankan, kementerian berkeyakinan masalah tersebut dapat diatasi. Terima kasih.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Dalam usaha untuk mencapai pendidikan yang bertaraf global yang selalu ditekankan oleh kementerian, adalah mendukacitakanlah kerana kita masih belum dapat menyelesaikan masalah profesion guru ini. Walaupun telah lama kita merdeka dan kita mengambil tindakan. Saya rasa ini berkait juga dengan perancangan. Adakah kementerian bersetuju kalau kita mencadangkan supaya kementerian menghidupkan balik. Kalau dulu maktab, sekarang IPG, yang berdasarkan keperluan mata pelajaran.

■1050

Dahulu kita ada Maktab Perguruan Bahasa, kita ada Maktab Perguruan Ilmu Khas. Adakah elok atau apakah pandangan kementerian kalau kita hidupkan IPG, melatih guru-guru ini, kita boleh tahu banyak mana guru yang dilatih sebenarnya dan mengikut keperluan opsyen yang dikehendaki. Jadi kalau boleh begitu, saya rasa masalah opsyen ini dapat diselesaikan.

Kedua, adakah kementerian ingin meneruskan matlamat untuk menubuhkan maktab khas ataupun IPG khas bagi melatih pengetua-pengetua maktab terutamanya dalam bidang profesional? Sukatannya bolehlah kita ambil daripada sistem ataupun sukatan *Training of Trainers* (TOT) yang kita buat dahulu dan kita ambil pensyarah-pensyarah pakar ataupun guru-guru cemerlang yang ada di sekolah untuk melatih guru-guru ini di maktab khas yang kita cadangkan ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Sik sebagai bekas PPD di bawah sistem kita. Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan tentang perkara ini. Saya minta izin supaya dapat memberikan sedikit gambaran, apa yang berlaku sebenarnya tohmahan ataupun kritikan pihak tertentu yang mengatakan kita tidak selesaikan masalah, itu tidak betul. Ini kerana kalau kita lihat perancangan kita, kita memulakan dengan perancangan secara opsyen pada tahun 2000.

Kalau sebelum itu pada zaman Yang Berhormat menjadi cikgu, kita hanya ada opsyen berdasarkan pada jenis aliran sekolah. Sebagai contoh di SK kita ada opsyen am di mana mengajar Bahasa Melayu dan tidak boleh mengajar bahasa Inggeris dan agama sahaja.

Dia boleh ajar semua subjek Sains dan Matematik. Begitu juga SJK(C) dan SJK(T) dia ada tiga opsyen iaitu bahasa Cina atau bahasa Tamil, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris ataupun amlah. Bermakna dalam konteks ini, dahulunya kita ada sistem ini dan apabila melangkah tahun 2000, kita telah membuat perancangan berdasarkan kepada opsyen subjek tersebut. Apabila berlakunya pelaksanaan PPSMI, subjek Sains, Matematik dan semua secara pengkhususan mengikut kepakaran. Jadi apabila mulanya tahun 2000, kita telah mula di sekolah menengah dan beberapa tahun kemudian di sekolah rendah.

Perlu dinyatakan bahawa kita melihat opsyen ini semata-mata satu pelabelan kepada guru apabila di memijak masuk ke kementerian. Ini tidak bermaksud apa program yang kita lakukan selepas kita memperkenalkan pensiswazahan guru, pendidikan jarak jauh (PJJ), itu juga melibatkan dari segi *enrichment of knowledge,* dengan izin, di peringkat universiti. Ini bermaksud kalau dia opsyen BM atau BI di peringkat sekolah rendah mungkin apabila di peringkat ijazah dia mengambil Geografi dan Sejarah.

Jadi kita bukan sahaja melihat itu dan kita perlu mengambil kira, ini sebenarnya kementerian dalam satu perancangan yang memang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran untuk melihat pelabelan, bukan sahaja lihat opsyen kemudian mengambil kira kelayakan ikhtisas kemudiannya. Maksudnya selepas pengkhususan. Dengan adanya cara ini, lebih khusus. Kita tidak boleh letak seorang guru hanya mengajar satu bahasa sahaja.

Saya beri contoh sekolah kurang murid, tidak bolehlah ada seorang guru mengajar 40 waktu dan ada yang guru hanya mengajar 12 waktu. Jadi kita perlu memperkenalkan *multi grade teaching*. Jadi ini adalah satu isu yang amat kompleks tetapi percayalah bahawa kita dalam perancangan untuk membuat pelabelan yang lebih komprehensif supaya kita dapat menggambarkan dan memenuhi kehendak di peringkat bawah.

Mengenai soalan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa boleh kita hidupkan semula maktab perguruan. Saya ingin menyatakan bahawa sejak Kementerian Pelajaran ini dipisahkan kepada dua iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, latihan guru sekolah menengah itu dibuat di peringkat IPTA, bermaksud di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Untuk Kementerian Pelajaran, kita IPGM ini terbatas kepada latihan untuk guru sekolah rendah sahaja. Oleh sebab itu dari segi fungsi ini, sudah dipisahkan dan saya rasa kita mengalu-alukan semua pandangan.

Namun apa yang penting ialah kita perlu menerima bahawa dalam situasi tertentu macam baru-baru ini kita lihat ISPN yang tamat daripada IPTA. Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran membuat pengumuman, kena terima walaupun kita tahu mungkin ada opsyen yang tidak padan. Kita cuba mencari kaedah untuk menyerap mereka masuk ke profesion perguruan. Jadi kalau kita lihat perancangan ini, akhirnya apabila kita berdepan dengan realiti, inilah satu perkara yang perlu kita lihat dan itu pun yang di bawa oleh Yang Berhormat dalam kalangan Pakatan Rakyat ataupun BN. Jadi saya rasa kita melihat mengikut realiti yang berlaku pada ketika itu.

Keduanya, saya ingin memberitahu Yang Berhormat, apa yang kita lakukan sekarang sejak tahun 2008, kita berpandukan kepada aliran sekolah. Sebagai contoh, semua kursus atau subjek yang ada di sekolah jenis sekolah kebangsaan atau sekolah kebangsaan, ianya diberikan pengkhususan mengikut opsyen. Seperti mana yang saya katakan tambah dua elektif lagi, memastikan seorang cikgu itu bukan sahaja boleh mengajar opsyen major, dua elektif itu boleh diguna pakai. Dengan cara ini kita mengambil sedikit masa kerana ia diperkenalkan beberapa tahun yang lalu, kenalah sedikit masa. Kalaulah kita membuat secara *redeployment*, secara mendadak, ramai yang guru tidak mahu beranjak dari satu negeri atau ke daerah lain. Jadi kita perlu lihat dalam satu konteks yang lebih kompleks. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini forum UNESCO di Paris di dalam rangka pemantauan laporan global atau *Global Monitoring Report (GMR) Education For All* yang menjanjikan pencapaian kepada *millennium development goals (MDG)* pada tahun 2015 bahawa setiap anak di dalam bidang umur empat tahun hingga ke 16 tahun mesti pergi ke sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekarang ini seluruh dunia kita ada lebih kurang 210 juta anak-anak ke yang sepatutnya ke sekolah tidak ke sekolah. Dalam masa yang sama *Overseas Economic Cooperative Development* (OECD) mengatakan bahawa kualiti pembelajaran adalah bergantung pada kualiti pengajaran, manakala kualiti anak-anak di sekolah bergantung pada kualiti guru. Malaysia mengambil tindakan drastik dengan memperkenalkan pilihan atau opsyen-opsyen kepada guru khas supaya mereka mengajar anak-anak ini tepat, objektif dan kena pada tempatnya.

Soalannya Tuan Yang di-Pertua mengikut kata Putatan, hari ini terdapat skim pertukaran guru yang tidak semena-mena, tiba-tiba tukar sedangkan guru itu opsyen adalah guru-guru pilihan khas. Jadi bagaimana kementerian menangani ini? Itu pertama. Kedua adakah kementerian sedia untuk memperkenalkan selain daripada insentif khusus yang ada pada hari ini istimewa dengan memperkenalkan lagi insentif-insentif untuk guru-guru ini supaya mereka menawarkan diri mereka untuk berkhidmat di sekolah-sekolah yang memerlukan guru-guru opsyen ini bersama mereka. Bagilah elaun lebih sedikit, barulah *reward* sistem akan tepat kena pada tempatnya. Adakah kementerian bersedia untuk melaksanakan kedua-dua perkara ini?

Ini adalah anjuran *Global Monitoring Report* (GMR) UNESCO *forum, Reward System For Teachers*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini saya cuba hendak kaitkan soalan tentang UNESCO dengan OECD tentang soalan yang kedua ini, mungkin saya hendak lihat. Pertama, saya bagi respons sedikit tentang pertukaran guru yang ditanya secara spesifik. Saya ingin menyatakan di sini bahawa bukan mudah untuk menguruskan pertukaran guru. Saya beri contoh, wakil rakyat akan bawa kata ini adalah isteri orang, sudah tiga tahun dipisahkan dengan suami, kemudian minta Timbalan Menteri bantu. Selepas itu kita luluskan dan ada pula desakan PIBG, kenapa guru ini ditukarkan. Inilah situasi yang kita terpaksa berdepan dan untuk maklumat Yang Berhormat kriteria pemilihan kita ataupun kita benarkan pertukaran ialah pertama apabila ada opsyen yang sepadan. Kalau tidak sepadan kita tidak boleh buat apa-apa, itu pertama.

Kedua, kita hendak lihat jumlah yang masuk ke negeri tersebut sama dengan jumlah yang keluar. Tidak bolehlah kalau di Kelantan, mungkin yang diluluskan hanyalah 5 peratus daripada yang hendak minta keluar. Bermaksud jumlahnya tidak sama, perbezaan itu agak ketara sekali. Jadi perlu melihat keperluan opsyen. Itu kita tidak boleh lakukan, kita tiba-tiba bawa guru daripada Johor keluar tetapi balik ke negeri yang tidak perlu lagi guru. Jadi opsyen sana tidak kena ya.

■1100

Ini adalah satu faktor yang diambil kira semasa kita luluskan pertukaran. Kita cuba sedaya-upaya dan Yang Amat Berhormat Menteri minta juga supaya perkara ini dapat diberi pertimbangan khususnya suami dan isteri sudah berpisah lama. Kita cuba, kita beri keutamaan, itu yang pertama.

Kedua, insentif kepada guru untuk mengajar, ya. Memang benar, kita memberi insentif. Kalau Ahli Yang Berhormat masih ingat, kita telah memperkenalkan *allowance* pedalaman, kesusahan mengikut tahap kesusahan- P1, P2 dan P3. Kalau P1, P2 dan P3, tahap dia RM500, RM1,000 dengan RM1,500 sebulan bezanya. Bermaksud, kalau seorang itu sedia berkhidmat di kawasan-kawasan yang susah dan jauh di kawasan pedalaman, mereka akan dapat imbuhan tambahan RM1,500 sebulan khususnya di Sabah dan Sarawak.

Jadi, sudah ada sistem ini dan kita galakkan mereka pergi ke sana. Itu yang saya hendak kata dan kementerian kita memberi komitmen, *'Education for All'* adalah suatu slogan dan juga satu impian yang kita hendak capai dan kita telah mengambil tindakan untuk anak-anak warganegara Malaysia walaupun taraf kewarganegaraannya belum lagi disahkan, mereka boleh mengambil proses yang agak lama tetapi perlu didaftarkan di sekolah dan mereka akan diterima terus masuk selagi salah seorang adalah warganegara Malaysia. Bapa atau ibunya. Manakala untuk anak pelarian ini, maka kita tertakluk kepada beberapa undang-undang dan saya lihat ada beberapa inisiatif yang diambil seperti di Sabah, HUMANA dan juga ada daripada badan-badan UNICEF menjalankan Program *Education for All* untuk *street children* dan kementerian memberi sokongan yang padu kepada mereka.

Jangkaan kita untuk pelarian itu sebab kita masih lagi dalam urusan dengan UNICEF dan kita jangkakan jumlahnya tidak kurang daripada RM12,000. Itu setakat tahun lalu ya. Jadi, saya rasa kita kena lihat, HUMANA pun juga memainkan peranan di mana kita bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia untuk memberikan pembelajaran dan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak pekerja ladang daripada Indonesia. Terima kasih.

5. Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat menyatakan, berapa ramaikah golongan wanita yang sudah mendapat manfaat daripada Program 1AZAM.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Di kesempatan ini saya juga ingin merakamkan penghargaan khusus kepada Yang Berhormat Batang Sadang selaku *caucus* wanita Parlimen yang selama ini telah menjalankan amanah dan tanggungjawab beliau dengan penuh iltizam dan komited... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin terhadap kesejahteraan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Sehubungan itu, di bawah bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu NKRA meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Inisiatif Program 1AZAM telah ditawarkan kepada golongan berpendapatan rendah ini. Dengan berkonsepkan *productive welfare,* dengan izin, Program 1AZAM menyediakan peluang untuk mereka ini termasuklah golongan wanita untuk menjana pendapatan tambahan sama ada dalam bidang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Program 1AZAM mengandungi empat komponen iaitu Azam Tani yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Azam Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia serta Azam Niaga dan Azam khidmat di mana Amanah Ikhtiar Malaysia bertindak sebagai agensi pelaksana.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tempoh Januari 2010 hingga 31 Ogos 2012 seramai 90,403 orang peserta telah menyertai dan mendapat manfaat daripada Program 1AZAM. Daripada jumlah tersebut, seramai 64,191 orang peserta ataupun 71 peratus daripadanya adalah terdiri daripada golongan wanita, yang mana ramai di antara mereka adalah terlibat dalam perniagaan seperti menjahit, pembuatan kuih dan bakeri serta penyediaan makanan. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya rasa kementerian ini telah banyak membantu wanita. Cuma kalau boleh dijelaskan di sini Menteri bagi panduan kami sebagai Ahli Parlimen sebab kami selalu mendapat pertanyaan mengenai perkara ini. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan statistik penyertaan wanita Program 1AZAM ini mengikut jenis perniagaan yang diceburi oleh mereka. Kita hendak tahu yang mana mereka betul-betul dan yang paling banyak mereka ceburi dalam perniagaan yang mereka pohon ini? Bagaimana ia dipantau supaya kita tahu keberkesanannya dari segi pelaksanaannya supaya kita tahu macam mana penilaian dibuat sebab kita juga mendapat persoalan seperti ini dan kalau boleh juga sekiranya, saya percaya masalah-masalah memang sentiasa akan ada timbul. Jadi, apakah masalah yang dihadapi oleh peserta dan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih Timbalan Menteri.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Berhubung dengan penyertaan wanita dalam Program 1AZAM mengikut jenis perniagaan, yang paling popular adalah seperti:

(v) dalam pembuatan kuih dan bakeri iaitu seramai RM5,278 orang;

(vi) pakej untuk jahitan iaitu yang melibatkan 4,959 orang; dan

(vii) penyediaan makanan iaitu 3,719 orang; dan sebagainya.

Tentang soalan kedua yang dibangkitkan iaitu berkenaan dengan pemantauan, Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara, meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, penilaian dan pemantauan tentang pencapaian dan kemajuan pelaksanaan Program 1AZAM memang dibuat dan dilaporkan di dalam dengan izin, *delivery task force meeting* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Mesyuarat berkenaan diadakan setiap enam minggu dan penilaian dan pemantauan berkenaan adalah dilaksanakan oleh 20 orang pegawai pemantau daripada kementerian serta pegawai-pegawai daripada agensi pelaksana.

Berhubung dengan prosedur pemantauan pula, ia dilaksanakan iaitu yang pertama sekali, selepas tiga bulan serahan barangan atau peralatan. Kedua ialah lawatan ataupun pemantauan yang seterusnya dibuat tiga bulan selepas lawatan yang pertama untuk melihat pengesahan penerimaan dan juga penggunaan peralatan secara berkesan. Ketiga ialah kesan dari segi peningkatan pendapatan peserta dan yang keempat masalah yang dihadapi oleh peserta serta tindakan susulan yang sewajarnya. Berkaitan dengan isu ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, antara dua masalah utama yang dihadapi oleh peserta Program 1AZAM berdasarkan kepada aduan yang diterima selama ini ialah yang pertama sekali barangan yang diterima ataupun peralatan yang diterima itu, tidak sama seperti yang dipohon.

Antara langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini ialah semua pemohon kini haruslah menjalani sesi verifikasi yang memastikan agar butiran permohonan dan maklumat peribadi pemohon adalah tepat sebelum permohonan itu boleh diluluskan dan penghantaran barangan dibuat. Masalah kedua pula adalah barang ataupun peralatan itu didapati rosak dan tidak dapat berfungsi.

Jadi untuk ini, kementerian telah mengambil langkah untuk mewajibkan pemberian tempoh jaminan daripada semua pembekal-pembekal yang berkenaan selama tiga hingga enam bulan mengikut jenis peralatan yang dibekalkan. Sekian, terima kasih.

■1110

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan untuk meningkatkan ekonomi terutama golongan yang berpendapatan rendah di kalangan kaum wanita. Jadi persoalan saya ialah sejauh mana pemantauan yang bersungguh dibuat untuk memastikan objektif dan sasaran yang dapat dicapai dengan sepenuhnya. Kalau kita tengok sebelum ini kerajaan menyasarkan sekurang-kurangnya 4,000 usahawan wanita yang berjaya menjelang tahun 2012, jadi setakat ini saya ingin tahu berapa peratus yang telah mencapai sasaran?

Apakah pemantauan dibuat terhadap penerima-penerima barangan daripada program 1AZAM ini yang mana mereka menerima barang tetapi mereka tidak melaksanakan program sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan. Apakah pemantauan dibuat? Berapa peratus kes ini berlaku? Minta penjelasan.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang atas soalan tambahan yang telah dikemukakan berkaitan dengan program usahawan, program kerajaan untuk melahirkan 4,000 orang usahawan wanita menjelang 31 Disember tahun 2012 ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga 31 Ogos 2012, kementerian ini telah pun iaitu mencapai kejayaan di mana 3,800 orang usahawan wanita telah pun berjaya dilatih dengan pendapatan bulanan mereka sebanyak RM3,500 berturut-turut untuk tiga bulan.

Bagi isu kedua yang dibangkitkan tentang masalah di mana ada peserta yang didapati tidak menggunakan peralatan yang dibekalkan itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga 30 Julai 2012, mengikut kajian atau pemantauan yang dijalankan ke atas 23,267 orang peserta 1AZAM didapati bahawa lebih daripada 93 peratus iaitu 21,724 orang peserta telah pun berjaya meningkatkan pendapatan mereka melebihi RM200 sebulan dan ke atas. Lebih daripada jumlah ini, lebih daripada 33 peratus iaitu 7,147 orang peserta memperoleh julat peningkatan pendapatan di antara RM200 hingga RM1,000 sebulan.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masih terdapat 1,543 orang peserta ataupun 7 peratus daripada mereka ini masih belum menunjukkan impak perniagaan yang dijangkakan iaitu termasuklah ada di antara mereka yang belum menggunakan peralatan itu. Jadi menyedari tentang masalah yang timbul ini melalui lawatan-lawatan pemantauan yang dijalankan, kumpulan ini akan diberi bimbingan seterusnya termasuk motivasi dan literasi kewangan daripada agensi-agensi pelaksana dan juga pegawai kita. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) jumlah kakitangan awam yang telah diisytiharkan bankrap sejak lima tahun kebelakangan ini dan berapa ramai yang telah kehilangan pekerjaan; dan

(b) adakah terdapat kelonggaran atau syarat tertentu untuk kakitangan awam menyelesaikan masalah mereka bagi mengelakkan mereka kehilangan pekerjaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanah Merah atas soalan ini. Setakat Ogos 2012, terdapat seramai 2,011 penjawat awam yang telah diisytiharkan bankrap dalam Pentadbiran Jabatan Insolvensi Malaysia ataupun dikenali sebagai *Department of Insolvency Malaysia* (MDI).

Selaras dengan sub peraturan 14(2) - Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Ketua Pengarah Insolvensi hanya bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Ketua Jabatan untuk memaklumkan kebankrapan sebaik sahaja seseorang penjawat awam diisytiharkan bankrap supaya kawal seliaan ke atas kelakuan dan juga hal ehwal kewangan bankrap tersebut dapat dilakukan dengan baik dan berkesan. Ia bertujuan untuk memastikan bankrap tersebut memberi kerjasama kepada Ketua Pengarah Insolvensi dalam pentadbiran kes kebankrapannya dan dapat dikeluarkan daripada kebankrapan dalam tempoh yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang kebankrapan terpakai kepada semua individu termasuk penjawat awam yang bankrap. Sehubungan dengan itu, halangan dan juga sekatan yang diperuntukkan di bawah undang-undang kebankrapan juga terpakai terhadap penjawat awam yang bankrap. Selain itu, penjawat awam yang diisytiharkan bankrap tidak semestinya akan kehilangan pekerjaan mereka tertakluk kepada keputusan Lembaga Tatatertib Jabatan.

Untuk makluman bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) tidak pernah menerima apa-apa kes yang berkaitan dengan masalah kebankrapan dan dihukum buang kerja oleh jabatan yang melibatkan penjawat awam. Sekian, terima kasih.

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada kes seorang anak muda yang bernama Hasmadi bin Abd Hamid yang telah diisytiharkan muflis pada tahun 2002 atau 2003 kerana masalah menjual kenderaan tanpa tukar hak milik.

Beliau telah mula membuat potongan gaji sebanyak RM100, telah dicari jalan penyelesaiannya, mempunyai kesukaran untuk hadir kursus-kursus yang dianjurkan di luar negara. Juga yang lebih menyedihkan lagi abangnya yang terlibat sebagai penjamin pada waktu itu diisytiharkan muflis terlebih awal sampai ke hari ini walaupun kes tersebut ataupun adiknya telah dijatuhi hukuman penyelesaian dengan potongan RM100.

Walaupun sudah ada sedikit penambahbaikan yang dibuat oleh kerajaan, tetapi ia masih tidak cukup baik lagi. Soalan saya, kita melihat Akta Kebankrapan 1967 ini tidak menyediakan peruntukan peluang kedua untuk mereka terutama yang dalam soal-soal kehidupan selepas ia diisytiharkan bankrap. Adakah kerajaan bersedia membuat kajian semula bersesuaian dengan zaman terhadap Akta Kebankrapan 1967 ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Tanah Merah. untuk maklumat Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, pertamanya seseorang yang dijadikan bankrap kerana mereka telah pun berhutang daripada penghutang dan pemiutang telah pun mengambil tindakan terhadap mereka di mahkamah.

Mahkamah pula yang mengisytiharkan sama ada seseorang itu bankrap ataupun tidak dengan menjatuhkan berita penerimaan ataupun *disserving order* dan juga Perintah Penghukuman ataupun *Adjudication Order*. Jadi apabila perintah tersebut telah dijatuhkan, seseorang itu akan diisytiharkan bankrap dan pihak MDI akan mengendalikan kedudukan kewangan seseorang itu dan juga mengendali hal ehwal tanah, harta mereka.

Jadi dalam kes yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah itu amat spesifik, tetapi pada keseluruhannya memang banyak kita mendapat tahu bahawa yang menjadi penjamin ini selalunya mereka menjamin bahawa yang hutang itu akan dibayar sekiranya penghutang itu tidak bayar. Jadi sekiranya Yang Berhormat jadi penjamin, Yang Berhormat telah pun menjamin bahawa akan membayar hutang itu.

■1120

Kalau tidak bayar, jadi tindakan undang-undang akan diambil oleh pihak penghutang. Jadi itulah kesannya untuk menjadi seorang penjamin. Jadi kita kena berjaga-jagalah dan pastikan bahawa kita ada kemampuan untuk membayar hutang sekiranya orang yang meminjam itu tidak membayar.

Jadi dalam hal ini, Akta Kebankrapan yang sedia ada ini memang mencukupi untuk melindungi dan juga menjaga hal ehwal seseorang apabila dia diisytiharkan bankrap. Walau bagaimanapun, ada cadangan untuk menambah baik lagi Akta Kebankrapan ini di mana cadangan untuk mengadakan satu *rescue package* kepada pihak pemiutang iaitu *creditor.* Biasanya *creditor*lah yang kena hutang itu dibayar balik kepada mereka. Jadi mungkin cadangan ataupun langkah-langkah diambil di mana satu langkah akan diberikan kepada *creditor* ini untuk mendapatkan balik hutang itu tanpa pergi ke mahkamah. Pergi ke mahkamah adalah satu *last resort*lah kepada mereka untuk mendapatkan hutang tersebut.

Jadi inilah dalam cadangan untuk menambah baikkan lagi akta tersebut untuk memastikan bahawa hutang yang telah pun dihutang oleh mereka ini dapat dibayar balik kepada pemiutang dengan cara yang lain. Terima kasih.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada mahasiswa kita daripada UPSI dan juga Universiti Teknologi Malaysia... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ada lebih satu juta orang pegawai awam di negara kita ini. Memang sebahagian mereka menghadapi kekangan dari segi pendapatan dan sebagainya. Sementara itu, sudah tentulah biasanya koperasi dan juga Bank Rakyat menjadi tumpuan kepada pegawai awam ini untuk mereka menambahkan pendapatan melalui pinjaman dan sebagainya. Hari ini kita didedahkan seramai 2,011 orang pegawai awam yang diiktiraf sebagai muflis.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun kita ada perintah am ataupun tatatertib dan sebagainya, itu adalah tindakan terakhir yang mungkin kita boleh buat. Akan tetapi apalah langkah kementerian, pertamanya dalam memberikan kesedaran kepada pegawai awam dan juga orang lain? Kadang-kadang sebahagian mereka ini sesetengahnya memang sengaja suka mencari duit seperti kes yang Yang Berhormat Tanah Merah tadi, saya tidak tahu. Sebab, abang dia sudah kena muflis, lepas itu adik juga muflis. Dia menjual kereta tanpa menukar nama. Ini satu benda yang mungkin- saya tidak tahu. Saya tidak mengatakan benda itu salah. Mungkin kesilapannya. Akan tetapi apakah langkah kementerian dalam kita mendidik pegawai awam dalam menyedari bahawa apakah ruang-ruang yang boleh mereka membuat pinjaman dan sebagainya? Itu yang pertama.

Kedua, dalam ANGKASA kalau tidak silap saya ada satu skim iaitu Skim Koperasi Pembiayaan Syariah (KOPSA) yang mana diberikan peluang kepada pegawai-pegawai awam ini membuat pinjaman dan mereka ini boleh menyelesaikan hutang-hutang mereka dengan bank-bank yang mereka pinjam. Saya ingin tahu, mungkin di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan saya kira kementerian ini juga tahu sejauh mana kesempatan ini digunakan oleh pegawai-pegawai awam dan berapakah jumlah yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada ANGKASA bagi membantu pegawai-pegawai awam yang menghadapi pinjaman hutang ini untuk mereka menyelesaikan melalui Skim KOPSA ini? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Maran atas soalan tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak jabatan di mana terdapatnya kebankrapan berlaku oleh penjawat awam itu sememangnya akan menjejaskan imej jabatan tersebut. Walau bagaimanapun, jabatan tersebut sememangnya ada mengambil tindakan untuk memaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai kesan-kesan bankrap apabila seseorang itu diisytiharkan bankrap.

Jadi dalam hal ini, secara amnya memang jawatan yang telah pun ditanggung oleh penjawat awam ini, mereka berhak untuk meminjam daripada pihak bank dan biasanya penjawat awam ini oleh kerana *financial credibility* mereka amat baik sekiranya dibandingkan dengan yang lain kerana ada gaji yang tetap, biasanya mereka diberikan pinjaman wang. Itu bukanlah satu masalah, Yang Berhormat. Namun yang penting sekali, apabila mereka meminjam wang daripada institusi-institusi kewangan ini, mereka kenalah jaga mereka punya kedudukan kewangan. Kena berhati-hati. Janganlah menggunakan wang tersebut untuk berbelanja yang tidak berpatutan. Jadi kesedaran kepada penjawat awam ini memang sentiasa diberikan taklimat oleh pihak MDI di jabatan-jabatan kerajaan secara konsisten.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa hutang itu mesti kena bayar, bukan sahaja daripada pihak penjawat awam tetapi daripada semua yang meminjam hutang ini. Jadi sekiranya tidak bayar hutang, itulah menjadi kesannya di mana pihak pemiutang ada hak untuk mengambil tindakan daripada undang-undang terhadap mereka yang tidak membayar itu. Jadi bagi saya, yang paling penting dalam perkara ini ialah untuk memastikan bahawa hutang yang telah pun kita ambil daripada mana-mana sahaja institusi bank, kita kena berjaga-jaga untuk membayar balik hutang tersebut. Itu sahaja.

7. Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar] minta Menteri Kesihatan menyatakan, pelaksanaan Transformasi Penjagaan Kesihatan atau 1Care terutama bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan berapa jumlah Klinik 1Malaysia telah disediakan di negeri Pahang termasuk kawasan Parlimen Paya Besar.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk membangunkan sistem kesihatan negara supaya ia turut maju seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Adalah menjadi harapan kementerian untuk memastikan semua rakyat Malaysia dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi serta dapat diakses oleh semua.

Cadangan Pelan Transformasi Menyeluruh Sistem Kesihatan Malaysia belum dilaksanakan dan masih lagi di peringkat perancangan. Sehingga kini masih belum ada sebarang keputusan muktamad yang dibuat mengenai modal sistem kesihatan baru yang akan diguna pakai untuk negara ini. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa bersifat positif, terbuka dan telus untuk mendengar idea-idea dan cadangan-cadangan bernas dari semua pihak.

Untuk tujuan tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang mengadakan Siri Jelajah Seranta Awam Kajian Sistem Kesihatan Malaysia. Pelancaran siri jelajah ini telah dimulakan pada 31 Mac 2012 di Institut Pengurusan Kesihatan, Kuala Lumpur. Siri jelajah tersebut telah meliputi negeri-negeri seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak, Kedah dan Perlis. Siri jelajah ini akan diteruskan di negeri-negeri lain mengikut kesesuaian. Selain itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan sebanyak 98 perbincangan, bengkel, seminar, persidangan dan forum melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan atau *stakeholders,* dengan izin, untuk meneliti cadangan ini dengan lebih terperinci.

Cetusan idea dan cadangan dari rakyat serta pihak-pihak yang berkepentingan ini akan dianalisis dan seterusnya bersama dengan input-input lain akan diambil kira oleh jawatankuasa teknikal di peringkat kementerian bagi membangunkan *blueprint* sistem kesihatan yang lebih saksama, berkualiti tinggi dan lestari. Jawatankuasa teknikal berkenaan dijangka akan melengkapkan penyediaan *blueprint* ini menjelang tahun 2014 dan *blueprint* tersebut akan dikongsikan dengan rakyat dan pihak-pihak berkepentingan sebelum ia dibentang kepada kerajaan untuk pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bilangan Klinik 1Malaysia di negeri Pahang, sehingga kini terdapat sepuluh buah Klinik 1Malaysia yang sedang beroperasi. Tiada Klinik 1Malaysia di dalam kawasan Parlimen Paya Besar. Namun, sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan, Kementerian Kesihatan akan mencuba sedaya upaya untuk merealisasikan kewujudannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

■1130

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat. Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Sila.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 66(5) di mana sekarang kita ...

Tuan Pengerusi: Peraturan 66?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat 66(5) di mana diperuntukkan 20 hari selebihnya bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua anggaran-anggaran biasa dan pembangunan dalam Jawatankuasa. Memang kini Dewan dalam Peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, hari ini menurut senarai ini sepatutnya sebelum ini Kementerian Pengangkutan yang ditetapkan untuk hari ini juga tetapi telah dibuat pindaan di mana Kementerian Pengangkutan yang telah dipindahkan kepada 20 November dengan kebenaran Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, bolehkah kami memohon agar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri datang untuk menjawab bagi pihak kementeriannya, lebih-lebih lagi berkenaan isu AES Tuan Pengerusi. Pelaksanaan AES, Ahli-ahli dalam Dewan ini telah ramai, kedua-dua belah memohon agar ditangguhkan pelaksanaannya. Akan tetapi Tuan Pengerusi sehingga hari ini Yang Berhormat Menteri tidak pernah datang dalam Dewan ini untuk menjawab isu ini. Maaf ya Tuan Pengerusi, semasa pindaan Akta Pengangkutan Jalan, bulan enam naikkan denda, Yang Berhormat Menteri tidak hadir – peringkat menjawab dasar Yang Berhormat Menteri tidak ada. Soal jawab isu AES, Yang Berhormat Menteri tidak hadir. Dia terlepas apabila usul Yang Berhormat Pokok Sena mengenai potong gaji, dia terlepas sebab usul itu telah ditolak.

Jadi, kita ada Yang Berhormat Sri Gading yang membantah, pohon tangguh. Ketua Pemuda UMNO pohon tangguh AES. Kita juga ada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi BNBBC juga memohon ditangguhkan tetapi Yang Berhormat Menteri hanya membuat kenyataan di luar Dewan sahaja. Tidak pernah ada dalam Dewan menjawab isu ini.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri harus bertanggungjawab, hadir dalam Dewan memandangkan tarikh pertukaran giliran jawapan telah diluluskan oleh Dewan yang mulia.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dan mendengar suara bantahannya.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Pokok Sena yang hendak sokong.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Sepatutnya Yang Berhormat Menteri kena hadir, sebab pertukaran tersebut menunjukkan bahawa...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Menyampuk]* Kita semua sokong.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Mungkin dia bermasalah pada hari ini. Maka, tarikh yang diberikan itu adalah yang sangat bersesuaian untuk membolehkan beliau hadir untuk menjawab. Dia tidak boleh lari daripada memperjelaskan kepada Dewan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya terpaksa Ahli Yang Berhormat respons kepada peraturan mesyuarat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah iaitu 66(5).

Ahli Yang Berhormat, apabila kita berdiri dan membangkitkan peraturan mesyuarat maksudnya ialah ada sesuatu perkara yang tidak kena iaitu melanggar peraturan mesyuarat. Dalam hal ini yang dibangkitkan ialah ketidakhadiran Menteri sendiri untuk menjawab. Tidak ada mana-mana peraturan mesyuarat yang memberi kuasa kepada saya untuk meminta atau memaksa Menteri untuk hadir. Tidak ada. Jadi bermakna respons saya kepada Yang Berhormat Batu Gajah, tidak ada peraturan mesyuarat yang dilanggar,

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi budi bicara...

Tuan Pengerusi: ...Maka peraturan mesyuarat ...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Untuk menasihati Menteri itu ada.

Tuan Pengerusi: Peraturan mesyuarat itu...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, ada budi bicara untuk menasihati Menteri. Kalau Tuan Pengerusi - juga boleh memberhentikan Menteri di waktu menjawab...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Menggulung...

Tuan Pengerusi: Ya Ahli Yang Berhormat ...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya fikir Tuan Pengerusi mempunyai...

Tuan Pengerusi: Ya Ahli Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Budi bicara itu.

Tuan Pengerusi: Saya tidak boleh sendiri melanggar peraturan mesyuarat. Ada dalam peraturan mesyuarat kita bahawa apabila kita mengatakan bahawa seseorang itu mesti adil, itu termasuk dalam ruang lingkup *reflection*. Seolah-olah kita memberi andaian, tanggapan bahawa Menteri itu tidak hadir atas ini, atas itu atau pun dia tidak mahu jawab lah soalan. Itu *reflection.* Jadi, melanggar peraturan mesyuarat. Saya tidak boleh buat begitu Yang Berhormat, memberi nasihat pun tidak boleh.

Akan tetapi walau bagaimanapun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Pokok Sena itu sememangnya telah didengar oleh Menteri atau pun timbalan dia atau pun pegawai-pegawai dia. Jadi terpulang kepada Menteri yang berkenaan sama ada mahu datang atau tidak. Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, maaf ya. Akan tetapi bukankah Tuan Pengerusi telah membenarkan permohonan pertukaran giliran. Itu bukankah ia bermaksud Menteri seharusnya memegang...

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Menanggung tanggungjawabnya untuk hadir dalam Dewan yang mulia, mengambil tanggungjawabnya dalam Dewan yang mulia ini penting. Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Ya, ya terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Sebab giliran permohonan

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Pertukaran telah dibenarkan. Akan tetapi dia lari, dia hanya buat kenyataan dekat luar Tuan Pengerusi. Dia tidak berani berdepan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Pengerusi... *[Dewan riuh]* Dia tidak pernah jawab sekali pun dalam isu AES ini.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita minta dia jangan lari. Kita hendak pasang kamera AES pula untuk tangkap dia.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2013

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2013 dan Anggaran Pembangun`an 2013 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Ketujuh]***

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Maksud B.27 [Jadual] -
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2013] -

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Kepala B.27 dan Kepala P.27 terbuka untuk dibahas. Kalau boleh saya mahu daripada sebelah kiri yang mulai perbahasan. Sila Yang Berhormat Pokok Sena tetapi tidak ada kena mengena dengan pengangkutan.

11.36 pg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada, ada juga. Memang saya hendak sentuh... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: *Mike, mike.*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: B.27 030100 – Cawangan Jalan. Berkaitan dengan jalan raya dan juga 040300 – Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik yang saya fikir bahawa ada kaitan dengan isu persoalan keselamatan jalan raya dan juga kemalangan yang dikatakan berlaku di jalan-jalan raya.

Jadi sebab itu saya ingin mendapat penjelasan daripada *uncle*. *[Ketawa]* Yang Berhormat kawan saya yang cukup setia, dia memang cukup baik, antara Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memang setia berada di Parlimen, meraih, melayan Ahli-ahli Parlimen menjawab soalan-soalan. Saya ucap tahniah walaupun dalam usia yang begitu senior tetapi maknanya tetapi ada kekuatan sendiri.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan tentang kedudukan jalan ini. Walaupun Yang Berhormat ada menyebut sedikit tentang peratus-peratus kemalangan yang berkemungkinan berasaskan kepada masalah jalan. Akan tetapi saya hendak dapatkan secara spesifiknya, detil nya adalah tentang kawasan-kawasan yang sudah dikenal pasti oleh kementerian, oleh JKR ini kawasan-kawasan yang sering berlaku kemalangan.

Saya hendak minta dalam tempoh sepuluh tahun ini, kawasan-kawasan itu berapa jumlah kemalangan dan berapa jumlah kemalangan yang menyebabkan kematian dan berapa jumlah kemalangan yang menyebabkan berlaku kecederaan, parah dan sebagainya. Sebab saya percaya bahawa Kementerian Kerja Raya sendiri pun mempunyai rekod ini, supaya kami boleh membandingkan dengan kawasan-kawasan kemalangan yang dikatakan, dicadangkan oleh pihak polis dan juga MIROS ini sama ada kawasan itu sepadan atau pun tidak dalam isu pemasangan kamera AES ini. Ini sangat penting.

Ini kerana saya melihat bahawa antaranya ialah juga berasaskan kepada punca jalan. Jalan yang tidak elok, jalan yang selekoh, *corner* patah dan sebagainya. Itu antara yang menyebabkan berlakunya masalah kemalangan jalan raya. Kalau kita melihat satu kajian yang dibuat oleh pembayar cukai di England. Apabila mereka membuat sesuatu kajian di Kota London dan juga di bandar Swindon. Kedua-dua bandar ini dan di seluruh England itu memakai kamera AES ini. Akan tetapi apabila sampai satu peringkat bantahan di Bandar Swindon ini, lalu pihak PBT di Swindon ini telah pun membatalkan AES. Akan tetapi London terus.

Kemudian, satu kajian dibuat. Apabila kajian dibuat menunjukkan bahawa bila AES itu tidak dipakai kadar kemalangan itu berasaskan kepada 1,000 kenderaan kecil di Swindon berbanding dengan di London.

■1140

Kajian menunjukkan bahawa di London yang masih memakai kamera AES itu adalah antara bandar yang tidak selamat dari segi keselamatan jalan raya. Kerana apa? Kerana faktor jalan yang tidak dikemas kini, yang tidak elok. Jadi, saya hendak katakan bahawa supaya dalam perbincangan ini juga kita harus melihat bahawa AES bukan penyelesaian kepada masalah kemalangan. Kelajuan bukan penyelesaian kepada masalah kemalangan sebab kalau laju, kereta bomba pun laju. Betul tak? Ambulans pun laju.

Sebab hujah kerajaan mengatakan bahawa kelajuan adalah punca kepada kemalangan. Saya kata tidak. Kereta Yang di-Pertuan Agong laju. Kereta polis yang mengiringi Yang di-Pertuan Agong, yang mengiringi Perdana Menteri adalah laju melebihi daripada had kelajuan. Mereka tidak termaktub di dalam Akta Pengangkutan Jalan Raya ini. AES ambil gambarlah macam mana sekalipun akan di *write-off* daripada membayar saman. Maknanya, laju bukan faktor kepada kemalangan. Ada faktor lain, faktor jalan, faktor *human*, faktor kemanusiaan dan sebagainya. Jadi, saya hendak minta bahawa oleh sebab ada kajian yang saya katakan tadi di London itu adalah antara bandar yang tidak selamat di antara bandar. Bukan satu-satunya antara bandar yang tidak selamat dari segi keselamatan jalan raya kerana jalannya tidak elok. Jadi, saya hendak minta kajian dan minta senarai tentang kawasan-kawasan kemalangan yang telah pun dikenal pasti oleh pihak JKR.

Kemudian Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkaitan dengan 050200 – Cawangan Pengurusan Projek Kompleks. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan tentang- saya telah dimaklumkan tentang pembangunan projek *Malaysian Institute of Aviation Technology* (MIAT), Subang, yang telah pun diberikan secara rundingan terus kepada syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd. dengan anggaran kos RM150 juta. Jadi, saya hendak dapat kepastian bahawa kenapa ia tidak buat secara tender terbuka atau terhad kerana ia bukan projek keselamatan negara ataupun bukan satu projek yang spesifik yang memerlukan dibuat secara rundingan terus.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan supaya dapat memberikan penjelasan yang baik. Ini kerana sejauh manakah pengalaman, saya hendak dapatkan bahawa syarikat Nadi Cergas ini dari segi pengalaman sebagai sebuah syarikat yang dalam konteks untuk membuat projek yang sebegini, khususnya yang membabitkan hangar kapal terbang dan sebagainya. Apakah pengalaman syarikat ini? Adakah ia dilantik atas dasar pengalaman ataupun tidak? Jadi, itu yang saya mohon mendapatkan penjelasan.

Ketiga, 080300 – Latihan JKR. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu berkaitan dengan cadangan Projek Pusat Kecemerlangan Teknologi Nasional yang dikatakan juga dilaksanakan secara rundingan terus kepada Konsortium Kumpulan Melaka Berhad dan Matang Makmur Sdn. Bhd., Sujaman Sdn. Bhd melalui konsep *private funding initiative* (PFI) sebanyak RM240 juta untuk tempoh konsesi selama 20 tahun.

Saya hendak dapatkan penjelasan bahawa ini adalah kerana ini merupakan projek pusat latihan yang bakal melatih pegawai-pegawai dan kakitangan JKR untuk kemahiran mereka dan sebagainya. Akan tetapi kenapa ia perlu dibuat secara konsesi kerana keperluan latihan teknikal yang saya difahamkan kepada JKR adalah dinamik dan sentiasa perlu mengalami transformasi. Apakah bila dibuat secara konsesi ini, boleh memenuhi persoalan-persoalan yang saya katakan tadi iaitu keperluan latihan teknikal yang dinamik yang juga memerlukan transformasi daripada semasa ke semasa. Ini kerana bagi saya bila ia dikendalikan secara konsesi ini, maka sudah tentu bahawa perkara-perkara ini agak sukar untuk dipastikan.

Begitu juga saya difahamkan tapak projek yang dipilih ini adalah di kawasan bukit yang melibatkan kerja tanah yang sangat tinggi yang tidak ekonomik. Jadi, saya minta penjelasan sebab saya berpendapat bahawa Pusat Latihan JKR hendaklah dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan dan dibuat secara berfasa-fasa bagi memastikan kewangan negara dapat di jimat dan kerajaan mendapat sebuah pusat latihan khusus teknikal yang lebih baik untuk JKR dan untuk kakitangan JKR dan untuk kepentingan kita semua. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tahniah Yang Berhormat, betul-betul 10 minit. Sila Yang Berhormat Lipis.

11.46 pg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi B.27 dan P.27 - Kementerian Kerja Raya ini, saya ada beberapa butiran hendak diperkatakan. Pertama sekali, saya hendak bercakap sekalilah, 02800 - Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan, bersama juga dengan 070100 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan. Di kawasan Lipis ada dua jalanlah.

Pertama sekali, jalan laluan 64. Ini jalan Persekutuan, antaranyalah. Jadi, jalan ini merupakan jalan lama, merupakan jalan sejarahlah. Ini kerana sebelum ini, sebelum ada jalan lain, jalan ini sudah ada lama, laluan 64 ini. Jadi, oleh sebab jalan itu bengkang-bengkok, ada usaha untuk menaik taraf jalan itu dan memperbaikinya. Saya mohon pihak kementerian menyatakan status jalan ini diperbaiki atau dinaiktarafkan atau dibuat baru. Ini kerana telah diberitahu dan rasa saya jambatan telah disiapkan. Sejauh manakah jalan ini diperbaiki iaitu daripada Benta ke Jerantut? Itu yang saya hendak tanya dahulu kerana di sini ramai pengguna jalan. Kalau banjir berlaku, biasanya jalan ini digunakan sebagai jalan alternatif.

Keduanya, saya hendak bercakap tentang laluan jalan daripada Kuala Lipis ke Kerambit dan Jerantut. Ini jalan alternatif. Jalan ini dahulu asalnya merupakan jalan keselamatan dan juga jalan kampung rasa saya atau jalan luar bandar. Jadi, ia punya beban, berat itu saya rasa kurang. Saya pun tidak tahu berapa beban beratnya. Namun begitu, kini dengan adanya industri ataupun bijih besi, lombong-lombong bijih besi di daerah Kuala Lipis, jadi untuk mereka menghantar bijih besi ini mereka melalui lori-lori yang berat ini melalui jalan laluan Kuala Lipis-Kerambit-Jerantut ini. Jadi, mereka hendak pergi ke Kuantan.

Jadi, kesannya ialah jalan ini sudah memang rosak teruklah dan beban yang dibawa oleh lori bijih ini satu lori beratnya- satu *axle*, mereka kata dalam 200 tan. Jadi, kalau ada yang lapan *axle*, lapan kali dua, 160 tan, berat. Sedangkan jalan tidak melebihi daripada lima tan sahaja. Jadi, saya berharaplah pihak kementerian mengambil berat tentang perkara ini, bukan sahaja memperbaiki jalan tetapi memastikan jalan itu dilebarkan dan dari segi aspek keselamatan juga perlu diambil berat.

Ketiganya, saya hendak bercakap tentang 03011, 030100 – Cawangan Jalan dan juga ada kaitannya dengan 16000 – Kuari, Jentera, Workshop dan Stor Kerja Raya. Jadi, kalau dulu penerokaan jalan ini dibuat oleh JKR.

Saya ingatlah masa di kampung saya dahulu, masa saya kecil-kecil. Hendak buat jalan baru, *bulldozer* dan jentera-jentera berat daripada JKR ini akan datang ke kampung dan mereka membuat, jentera-jentera berat dan sebagainya.

■1150

Namun begitu kini kesan daripada mungkin penswastaan dan sebagainya di pejabat JKR daerah sudah tidak ada jentera-jentera berat. Kalau ada pun yang sudah rosak dan tidak boleh dipakai. Jadi begitu juga dengan pemandunya, pemandunya memang sudah tidak adalah, kalau ada jawatan pun sudah jumud. Saya pernah bertanya pada jurutera JKR daerah Lipis, mereka menjawab sudah tidak ada sudah pemandu-pemandu itu semua sudah pencen dan sebagainya tidak diganti baru. Jadi di sini saya hendak katakan kerana kadang-kadang ada juga tempat-tempat yang kita perlukan penerokaan jalan baru ini. Sebagai contoh di Lipis baru-baru ini pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberi RM4 juta untuk membina satu jalan barulah ataupun baik pulih jalan sedia ada daripada Kuala Lipis pergi ke Kampung Kuala Kecau ke Kampung Matok dan Kampung Dusun.

Akan tetapi daripada Kuala Kecau ke Kampung Matok ini ada tempat-tempat yang memang tidak ada jalan, langsung tidak ada jalan. Bukan setakat ada denai sahaja, tidak ada jalan. Jadi bila saya minta pihak JKR buat mereka kata mereka tidak mampu kerana tidak ada jentera. Ini kerana jentera semua sudah habislah, sudah rosak dan sebagainya, tidak dibaiki dan sebagainya. Jadi akhirnya selepas setahun peruntukan RM4 juta itu hanya dibuat membina jalan-jalan atau membaik pulih jalan-jalan yang sedia ada sahaja. Jadi makna matlamat untuk membina jalan baru untuk kemudahan rakyat itu tidak tercapai. Jadi di sini saya mohonlah pihak JKR sekurang-kurangnya jentera asas seperti *bulldozer*, *backhoe* dan lori-lori yang perlulah untuk buat jalan atau membuat penerokaan jalan ini perlu diadakan semula. Ini supaya sekurang-kurangnya kalau ada keperluan dan sebagainya kita tidak perlu pula mencari kontraktor dan sebagainya.

Ini sebab saya tengok sudah hujung tahun peruntukan sampai Januari, ini sudah hujung tahun sampai sekarang jalan-jalan itu masih belum lagi dibuat dan matlamat tidak tercapai. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Jadi setakat itu saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau dapat *limit*kan kepada benda yang dekat di hati Yang Berhormat menyoal. Yang Berhormat Kota Raja.

11.53 pg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bersekali menyentuh B.27 dan P.27 kerana ianya berkaitan 050100 – Cawangan Kejuruteraan dan Selenggara dan juga naik taraf jalan raya.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu perkara mengenai Jalan Bukit Kemuning ataupun dikenali dengan dalam JKR ini KKR ini sebagai Jalan FT190. Saya dimaklumkan bahawa jalan ini sudah diluluskan untuk di naik taraf dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi sampai hari ini projek ini masih tidak berjalan dan ditunda. Saya diberitahu bahawa selepas 2008 peruntukan itu dibawa ke tempat lain. Apa yang menyedihkan Tuan Pengerusi ialah oleh kerana jalan ini tidak di senggara dengan baik, sudahlah tidak di naik taraf tetapi tidak di senggara dengan baik. Parit-paritnya yang tidak di senggara, penuh dengan sampah sarap, cetek, cerun parit itu tidak membantu dalam pengairan air.

Jadi paras jalan pula lebih tinggi, paras jalan dan parit JKR lebih tinggi daripada kawasan-kawasan penempatan di kiri dan kanan jalan. Maka akibatnya adalah banjir kilat sering berlaku di sini. Jadi pada 25 Ogos saya telah menghantar surat dan juga email kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya untuk meminta maklum balas beliau Yang Berbahagia Datuk Himmat Singh. Sampai hari ini saya tidak dapat apa-apa respons sekurang-kurangnya jawablah surat kita, emel kita kerana kita perlu menjawab kepada rakyat. Bila berlaku sesuatu bencana rakyat mengatakan kita tidak buat apa-apa. Berdemonstrasi dan sebagainya tetapi kalau kita ada maklum balas kita tahu bahawa kita telah melakukan, maka keputusannya adalah di pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Jalan ini juga Yang Berhormat Timbalan Menteri lampu jalannya pun sekejap ada sekejap tidak ada. Penyenggaraan berlopak sana berlopak sini, ini adalah jalan *heavy used road* dengan kilang di kiri kanannya, berserta dengan jalan ini juga ada satu jalan lagi iaitu Jalan Kebun ataupun Jalan Kota Raja daripada Kesas ke bulatan Jalan Bukit Kemuning ini selalu menjadi kegunaan *trailers*, lori berat-berat dan dia masih lagi jalan dua *lane* jadi kemalangan kerap berlaku. Sekiranya projek ini ditunda dan tidak- saya tidak tahu, tidak dapat jawapan hendak buat ke tidak buat. Apakah langkah kementerian untuk memastikan bahawa pertama jalan ini selamat untuk pengguna?

Kedua, apakah langkah penyenggaraan supaya tidak berlaku banjir kilat? Ini kerana memang tidak di senggara dan kemudian air tidak boleh masuk sebab tinggi daripada kawasan penempatan terutama rumah-rumah, kampung-kampung yang lama di situ Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Jadi saya harap sangatlah pertama adalah tentang kedudukan penyenggaraannya, berapa kerap? Kenapa perlu ada aduan baru perlu hendak buat. Kenapa perlu ada panggilan telefon baru hendak turun. Saya tidak menyalahkan jurutera daerah dan sebagainya kerana mereka kadang-kadang enggan jugalah hendak jawab soalan-soalan kita. Ini kerana takut hendak jawab, peruntukan tidak cukup dan sebagainya. Jadi saya tahu pegawai-pegawai kerajaan berusaha tetapi oleh kerana kalau tidak ada peruntukan apakan daya mereka. Kedua, saya tidak faham kenapa kontraktor yang sudah diberi konsesi untuk menyenggara jalan-jalan ini tidak melakukan kerja mereka. Saya tidak tahu sama ada mereka dibayar atau tidak tetapi kalau rakyat sendiri boleh nampak bahawa sesuatu jalan itu tidak di senggara dengan baik. Jadi macam mana kita ada satu kontraktor yang diberi kerja tetapi tidak buat jadi saya hendak juga jawapan di sini, berapa kerap?

Memang kalau saya minta kepada Ketua Setiausaha KKR sebenarnya untuk turun ke kawasan ini tengok sendiri bahawa jalan ini tidak selamat terutamanya di waktu malam. Tidak ratanya dan ini adalah jalan di dalam bandar bukan jalan di Sabah dan Sarawak. Saya kasihan kepada kawan-kawan saya di Sabah dan Sarawak tetapi ini jalan di dalam bandar yang penggunaannya sangat tinggi. Saya boleh faham, saya dengar daripada kawan-kawan daripada Sabah dan Sarawak mengadu bahawa jalan mereka lebih teruk. Akan tetapi rakyat mereka tidak faham yang mereka faham adalah kami ada masalah ia perlu diselesaikan. Kalau pun tidak boleh dibina ataupun di naik taraf seperti yang dirancang sekurang-kurangnya penyenggaraan jalan itu mestilah sampai kepada tahap yang memuaskan. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Kinabatangan.

11.59 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran termasuk penyenggaraan jalan persekutuan, jalan-jalan di Sabah. Tuan Pengerusi, apabila sebut JKR bermakna ia adalah agensi yang memberi jalan, yang membuka jalan, yang membina jalan. Lain-lain agensi orang tidak mahu ambil tahu. Apabila membina jalan sedarkah agensi ini bahawa jalan-jalan ini ada yang tidak memuaskan hati dan di situlah banyak berlakunya kemalangan. Akan tetapi pihak pelaksana agensi JKR ini seolah-olah mata mereka tidak melihat.

■1200

Saya tidak tahu berapa ratus, berapa ribu *engineer* yang ada di Jabatan Kerja Raya di seluruh negara tetapi seolah-olah mata hati mereka tertutup, buta, mati, beku dan kaku. Kita sudah melihat bagaimana kemalangan jalan raya yang sama tetapi apa pendekatan yang dibuat? Saya tidak mahu menyentuh sistem AES yang mendapat bantahan. Selain daripada cara tersebut, apa lagi cara hendak menyenangkan orang ramai? Sedarkah kementerian di Kuala Lumpur hari ini, hujan sedikit, *traffic jammed* bukan alang-alang, *jammed* melimpah-limpah, banjir melimpah-limpah. Ini pada saya merupakan satu malapetaka. Kalau kita tidak tangani, ianya menyusahkan orang ramai, menyusahkan pengguna.

Di negara luar, macam juga di negara kita tetapi saya nampak bagaimana aliran trafik itu mereka urus, mereka selenggarakan. Jadi tidakkah kementerian ini, kumpullah ahli-ahli pemikir, bijak pandai di kementerian ini, *engineer* yang *degree* nya ada dua tiga, *engineer* nya seluruh dunia pun ada, kadang-kadang sepuluh *degree* pun ada. Tidak pandai kah Ir-Ir ini memikirkan, berbincang bagaimana menyelesaikan masalah sebegini? Inilah yang hendak dilontarkan kepada kerajaan. Bayaran bukan alang-alang, gaji ribu-ribu tetapi kerja? Saya rasa macam tidak memuaskan. Jadi, ini satu perkara yang saya rasa perlu kita hindari dan perlu kita lihat.

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan monopoli. Saya sudah sentuh banyak kali bagaimana di Sabah, kerajaan telah melantik dua syarikat iaitu Lintasan Resources dan juga Gemalai Sdn. Bhd. Lintasan Resources menyelenggarakan Jalan Persekutuan di Kota Kinabalu dan Gemalai di Jalan Persekutuan di Sandakan dan Tawau. Peruntukan saya nampak disalurkan berjuta-juta tetapi jalan berlubang-lubang, bocor, apa ini?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih, sekejap. Bukan dua kontraktor konsesi ini Yang Berhormat, ada satu lagi Globinaco Nako dengan Kekal Mewah. Jadi banyak permasalahan, aduan daripada rakyat bahawa apabila sahaja ada lubang, sepatutnya dilaksanakan pembaikan. Akan tetapi apa yang berlaku, kadang-kadang tidak dilaksanakan. Jadi, aduan daripada orang ramai itu kepada wakil rakyat. Minta penjelasan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sedikit, sedikit.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Kinabatangan, Silam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Selepas itu Yang Berhormat Silam ya.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Saya rasa perkara ini perlu dikaji semula oleh kerajaan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, apabila hak untuk penyelenggaraan ini diberi dalam tempoh yang cukup lama, bukan setakat monopoli tetapi tempoh yang cukup lama, yang menyebabkan syarikat yang menyelenggarakan ini macam buat tidak buat, macam itu sahaja. Banyak kerja yang harus dibuat tetapi pembersihan jalan, pembersihan rumput kawasan dan sebagainya, walaupun secara berkala dibuat tetapi kita lihat curahan peruntukan yang besar dengan tempoh konsesi yang agak lama tidak patut kita teruskan perkara ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Kinabatangan, Silam. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan dan Tuan Pengerusi. Sebenarnya pada sidang yang lepas saya mencadangkan kepada kerajaan terutamanya konsesi jalan raya di negeri Sabah supaya memberi tempoh sehingga enam bulan. Selepas itu kalau kualiti, mutu dan sebagainya tidak juga memenuhi dan tidak bekerja dengan sepenuhnya daripada membazir wang rakyat dan kerajaan. Pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, pendekkan sahaja kontraknya itu, ganti dengan yang lain, buka kepada yang lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, saya setuju dengan ketiga-tiga wakil rakyat ini, rakan-rakan saya. Sudah tiba masanya kerajaan harus melihat bahawa masalah ini membebankan rakyat. Sudah nampak, di Sabah contohnya, rupanya di Semenanjung ada juga kontraktor, saya tidak tahu namanya Yang Berhormat Arau, di bahagian utara, ada juga dilantik. Konsesinya 15 tahun Tuan Pengerusi, 15 tahun dan kerjanya satu tahun lebih kurang RM80 juta hingga RM100 juta.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Belati Wangsa Sdn. Bhd. apa ini? Kerajaan tidak melihatkah? Ini masalah besar, rakyat di bawah menderita disebabkan oleh konsesi-konsesi sudah bermaharajalela, mereka mengaut keuntungan beratus-ratus juta tetapi rakyat tidak mendapat manfaat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kasihan tengok Yang Berhormat Kinabatangan. Ringkas-ringkas Yang Berhormat, nanti masa dia itu. Sila, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan kerana bangkitkan Belati Wangsa ini. Saya juga di antara orang yang menggunakan jalan raya dengan kerap, saya banyak berjalan sana sini dan saya dapati penyelenggaraan oleh Belati Wangsa ini, satu penyelenggaraan yang mendapat bayaran daripada kerajaan yang agak lumayan sekali di negara ini tetapi servis mereka paling teruk dan mereka menggunakan semua duit kerajaan ini untuk mengayakan diri sahaja padahal mereka lupa tentang tanggungjawab mereka.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, faham.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab itu kalau boleh batalkan sahaja Belati Wangsa dan *go back to the basic procedure* dengan izin Tuan Pengerusi. *Go back to the basic* supaya kita akan dapat satu syarikat ataupun satu sistem yang lebih baik di mana Ahli-ahli Parlimen sendiri tidak payah kompelin.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Tuan Pengerusi, saya bimbang sudah lama dan tengah hari ini saya juga ingin mengesyorkan kepada kementerian ini supaya dibawa isu ini kepada kementerian-kementerian yang lain. Batalkan serta-merta konsesi yang diberikan kepada mana-mana syarikat termasuk empat syarikat di Sabah sebab syarikat ini menganiaya rakyat. Mereka untung berjuta-juta, kita hubungi jalan raya ini rosak, kita hubungi JKR, JKR kata di luar bidang kuasa mereka, syarikat konsesi sudah ada. Konsesi kita telefon, tidak angkat telefon pun. Ini masalah besar, jangan aniaya rakyat, kalau kementerian ini menganiaya rakyat, saya tidak tahulah. Tuan Pengerusi, ada satu masalah lagi yang saya hendak tanya.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin [Beaufort]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Beaufort minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan sebab ini untuk kepentingan rakyat Sabah. Bolehkah Yang Berhormat Kinabatangan mengesahkan bahawa empat syarikat yang kita sebut tadi itu adalah merupakan milik kroni-kroni kerajaan Sabah yang ada sekarang.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat mengesahkan bahawa konsesi ini masih lagi tinggal enam tahun tetapi telah pun disambung semula 19 tahun, jadi 24 tahun. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan bahawa kalau kita lihat jalan raya di Sabah, tidak ada jalan raya sebenarnya, kita ada jalan raya turap sahaja. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya tidak boleh mengesahkan sebab saya pun tidak ada maklumat yang tepat. Walau bagaimanapun, yang saya tahu Yang Berhormat dulu pun kroni kita juga... *[Ketawa]* Jadi siapa pun kroninya, siapa kroni, siapa pun, saya menggesa kerajaan batal konsesi ini sebab memudaratkan. Siapa yang terlibat saya tidak mahu tahu sebab kalau dia terlibat siapa-siapa, bermakna dia juga orang yang turut menganiaya rakyat di Sabah. Jadi suruh batal cepat-cepat, jangan lagi timbang, jangan lagi fikir, sudah berapa puluh tahun. Kalau ikut maklumat Yang Berhormat Beaufort, sudah tamat tempoh disambung lagi. Ini kerja gila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya bilakah jalan *dual carriageway* di antara Batu 16 Sandakan dan Batu 32. Cuma satu bandar di Sabah, bandar kedua terbesar, jalan *dual carriageway* cuma lebih kurang 20km. Jadi ini amat memalukan sebab jalan raya ini digunakan oleh beribu-ribu kenderaan. Kalau kita memandu seharusnya sampai ke tempat itu satu jam tetapi oleh kerana kesesakan lalu lintas, lori balaknya, lori kelapa sawitnya, minyaknya, kita sampai tiga jam, banyak kemalangan berlaku. Ini juga harus dilihat. Itu sebab saya kata apa kerja orang-orang JKR ini, tidurkah? Dia tidak nampak kah masalah ini? Masalah di seluruh negara.

Kalau tidak nampak, saya cadangkan kerajaan tutup sahajalah agensi ini, kita ganti dengan agensi yang lain supaya boleh berfungsi untuk menyelenggarakan jalan-jalan di seluruh negara. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Bukit Mertajam.

■1210

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Dia baru masuk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi sudah masuk. Saya pergi *meeting* sekejap di luar. Saya hendak sentuh baik pulih jalan di Pulau Pinang dan juga jalan raya dan jambatan di Semenanjung. Ini mengenai ROB yang dibina oleh MMC-Gamuda kerana *double track railway.* ROB dekat Berapit, saya dimaklumkan bahawa keselamatan ada isu kerana ada beberapa kemalangan sudah berlaku. Saya ingin memohon supaya JKR memberitahu Dewan ini sama ada apakah isu keselamatannya kerana saya dimaklumkan ada dua kemalangan yang serius telah berlaku yang antaranya, satu sudah meninggal dunia dan satu lagi kakinya sudah patah dan perlu dipotong. Juga ada beberapa ROB di kawasan Bukit Mertajam yang ada isu keselamatan yang satu di bandar Bukit Mertajam di depan pejabat pos Bukit Mertajam. Jadi saya pohon maklumat sama ada dia betul-betul tidak selamat dan sekiranya tidak selamat, apakah tindakan yang akan diambil.

Kedua, ada satu di antara beberapa ROB yang pun hampir siap tetapi belum siap lagi, cuma siap separuh. Jadi separuh sahaja dibuka dan separuh lagi masih dalam pembinaan. Saya ingin mohon diberitahu, bilakah dia boleh disiapkan tetapi ada sebuah ROB di Jalan Nangka yang belum mula pembinaannya. Ini ada *special* sedikit kerana dia kontrak luar, bukan dibina oleh Gamuda sendiri. Dia diberikan kepada syarikat yang kepunyaan pemimpin UMNOlah...

Seorang Ahli: Heii!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Betul, betul. Kalau tidak percaya, boleh pergi *check*. Jadi di sini ada sedikit masalah. Ada penduduk-penduduk di situ tidak setuju dengan *design* dan juga dengan tempat yang dia hendak bina. Jadi saya ingin memohon maklumat, apakah tindakan atau respons kementerian ke atas isu ROB di Jalan Nangka.

Mengenai AES, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena bahawa yang penting ialah tujuan kerajaan ialah untuk mencegah kemalangan tetapi nampaknya kepada syarikat yang diberi kontrak ini, tujuan mereka ialah membuat keuntungan. Jadi tujuan ini tidak sama. Akan tetapi saya rasa tujuan kerajaan adalah lebih penting untuk menjaga keselamatan pengguna jalan raya. Jadi keuntungan syarikat konsesi ini tidak boleh menjadi keutamaan. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini semua orang yang bercakap tiap-tiap hari ini. Jadi saya hendak cari orang yang jarang-jarang bercakap. Sila Yang Berhormat Putatanlah...

Beberapa Ahli: Dia selalu bercakap juga.

12.14 tgh.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih. Putatan jarang cakap. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Giliran itu tetap saya jaga juga Yang Berhormat. Giliran itu saya jaga juga tetapi orang Sabah dan orang Sarawak yang perlu bercakap masa ini Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Betul. Saya singkat sahaja Tuan Pengerusi, saya singkat sahaja. Daripada Butiran 08230 sampai Butiran 08600 di bawah Pembangunan P.27 - Kementerian Kerja Raya.

Nombor satu, dalam butiran ini, jumlah peruntukan yang akan disalurkan kepada negeri Sabah adalah hanya RM595 juta. Bayangkan kalau kita secara *percentage* peratusan, *this is a peanut* Tuan Pengerusi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, Sabah dan Sarawak itu adalah *fixed deposit*. Kenapa peruntukan ini tidak pun sampai satu bilion?...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tak apa, tak apa! Akan tetapi ini JKR. JKR yang memperuntukkan ini dalam butiran yang saya disebut-sebutkan tadi. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Satu masalah atau *the mother of all problems* di kawasan saya adalah *Pan Borneo Highway* itu daripada Jambatan Pitagas sampai ke Papar. Pada hari Ahad yang lalu, saya telah ke Kuala Penyu dan Papar, dan saya terkena *jammed* kurang lebih dua jam setengah. Tanya Yang Berhormat Papar... *[Melihat ke tempat duduk YB Papar]* Yang Berhormat Papar tiada di sini. Yang Berhormat Papar bersama-sama saya. Bayangkan, berapa tahun sudah jalan itu belum dinaiktarafkan dan saya harap jawapan yang positif daripada kementerian. Jalan alternatif yang kami cadangkan langsung tidak diberi perhatian. Dari Tanjung Aru untuk mengelakkan *jammed* itu supaya jalan alternatif daripada Tanjung Aru sampai ke Taman Sabindo, tidak ada pun. Penaikan taraf jalan dari Dogongon ke Papar, bila dilaksanakan, yang diumum-umumkan itu? *Come on*, janji mesti ditepati.... *[Disampuk]* Minta maaf, saya suara rakyat bukan suara pembangkang. Minta maaf, pembangkang kita ketepikan.

Satu lagi, pada satu ketika JKR Kota Kinabalu telah meluluskan pembinaan jambatan *bailey bridge* dari Kampung Hulu ke Kampung Imbam dan Ketiau. Yang Berhormat Menteri, buat catatan... *[Menunjuk kepada YB Menteri berkaitan]* Akan tetapi tidak dapat dilaksanakan oleh kerana bantahan daripada Jabatan Parit dan Saliran. Kenapa tidak boleh penyelarasan ini? Akibatnya jambatan itu dibatalkan. Jambatan itu diperlukan oleh kerana *diversion* Sungai Putatan. Pada ketika sebelum *diversion,* perhubungan antara kampung itu tiada masalah. Bukan kita membantah pembangunan tetapi Yang Berhormat Menteri, cuba melihatkan perkara ini supaya jambatan ini dapat dilaksanakan. Minta tolonglah. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Tepat, cepat. Terima kasih, saya mohon menyokong

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

12.18 tgh.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 060200 - Bayaran Pampasan Tol sebanyak RM343 juta di bawah program khusus dan juga bayaran pampasan tol sebanyak RM239 juta di bawah Butiran 080500 untuk program *On-Off. So*, sejumlah RM580 juta pampasan akan dibayar kepada konsesi tol. *So* saya ingin tahu dan mahu dapat butiran konsesi tol yang mana dapat pampasan tol ini dan mengapa sampai sekarang ini kerajaan masih hendak buat bayaran pampasan sejumlah lebih kurang RM600 juta setiap tahun.

Ini hanya untuk Bajet 2013 tetapi untuk tambahan bajet yang akan datang, kita lihat ada lagi pampasan. Lebih kurang setiap tahun kerajaan bayar RM1 bilion kepada konsesi tol ini kerana kerajaan kononnya tidak membenarkan kenaikan kadar tol. Saya juga hendak tanya mengenai *New Pantai Expressway,* Lebuhraya NPE, Plaza Tol PJS 2 sebab penduduk sampai sekarang masih minta supaya plaza tol ini dihapuskan. Ini kerana jalan ini merupakan jalan yang sedia ada, Jalan Klang Lama. Oleh sebab hanya jalan ini dilebarkan, dinaiktarafkan maka dia buat satu tol di sebelah Taman Datuk Harun.

■1220

Penduduk di Taman Dato' Harun dan Taman Medan memang marah dengan kewujudan tol ini kerana walaupun kerajaan berusaha untuk menghapuskan tol di sebelah iaitu RM1.60 dan selepas itu mengurangkan kadar tol RM1.60 kurang ke RM1, tetapi penduduk masih tanya, minta, termasuk juga Parti UMNO juga mereka bantah kewujudan tol ini. *So*, bolehkah Yang Berhormat Menteri, bila kerajaan boleh hapuskan tol ini? Kerana ini permintaan orang ramai kerana kenderaan untuk mengelakkan tol ini mereka masuk ke Taman Medan dan Taman Dato' Harun. Oleh kerana itulah penduduk merasa mereka selalu melihat kemalangan berlaku sebab di sana ada banyak sekolah, Sekolah Taman Dato' Harun, Sekolah Taman Medan. Kesesakan lalu lintas di taman-taman itu. Oleh kerana RM1, kenderaan terpaksa buat *U-turn* untuk mengelakkan tol ini dan menyebabkan kesesakan lalu lintas di Taman Medan dan menyebabkan kemalangan selalu berlaku di taman itu. Saya mintalah Yang Berhormat Menteri perlu dengar suara rakyat di Taman Medan dan Taman Dato' Harun supaya kita minta plaza tol ini dihapuskan.

Kedua saya hendak merujuk kepada lebuh raya *Sprint Highway*. Lebuh raya *Sprint Highway* juga jalan yang sedia ada dinaik taraf, dilebarkan buat satu tol di sebelah Seksyen 17. Ini terletak di kawasan saya juga. Setiap hari walaupun kita bayar tol RM1 tetapi kesesakan lalu lintas ini setiap hari berlaku. *So*, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, saya sudah bawa perkara ini empat tahun, tidak ada penyelesaian langsung. *So*, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beri satu penyelesaian macam mana kita hendak selesaikan kesesakan lalu lintas di Plaza Tol *Sprint Highway*. Setiap hari berlaku, pagi petang. Bukan kerana berlaku kesesakan lalu lintas di *Sprint Highway* tetapi juga kerana kewujudan tol ini, jalan raya di Seksyen 17, PJ dalam taman juga sesak kerana kereta hendak keluar juga tidak boleh. *So*, saya minta Yang Berhormat Menteri bagi satu penyelesaian, *solution,* rakyat hendak lihat *solution*.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 02800 – Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Saya ingin merujuk kepada Persiaran Kewajipan di mana jalan raya ini setiap hari kita mengalami kesesakan lalu lintas dan kerajaan telah pun membina satu *flyover* menghubungkan di antara *Federal Highway* dengan Persiaran Kewajipan. *Flyover* itu yang baru disiapkan dua tahun yang lalu, pertama kali saya lihat jejambat *flyover* banjir. Kalau berlaku hujan yang lebat, *highway* ini selalu banjir. Ini dapat bukti dalam video di *Facebook* di mana jejambat di sebelah *Subang Jaya Medical Centre* (SJMC) setiap kali banjir kalau hujan. Kalau kita tengok jalan raya di darat banjir, okey, tetapi jejambat boleh banjir, *flyover* boleh banjir. *So,* saya haraplah Yang Berhormat Menteri ambil perhatian.

Bukan sahaja di sini, Jalan Universiti, PJ ada *flyover* juga dekat Jalan Abu Bakar. *Flyover* ini disiapkan semenjak empat tahun yang lalu. Ini dapat peruntukan daripada *Federal*. Walaupun sekarang ini dia dikendalikan oleh MBPJ tetapi bila hujan lebat, jejambat banjir.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Bukan sahaja jejantas banjir tetapi hari itu *Penang Airport* pun banjir juga. Ya, siling dia jatuh dan banjir. Jadi hendak tahu projek ubahsuaian *airport* di *Penang* ini bilakah dia akan siap dan minta supaya dia jangan banjir lagi. Saya rasa ini akan menjejaskan imej satu Malaysia. Apakah pendapat Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya rasa ini bukan di bawah Kementerian Kerja Raya. *Airport* ini *under* Kementerian Pengangkutan. *So,* haraplah Yang Berhormat Menteri juga jawab masalah yang dihadapi oleh *Penang Airport* ini.

Saya juga ingin merujuk kepada jalan raya terletak di Parlimen Bagan Serai sebab rumah kampung saya di Selama. *So,* saya selalu balik menggunakan jalan raya dari Bukit Merah menghubungkan Selama, Kedah dan jalan ini saya rasa perlu dinaiktarafkan. Saya rasa teruk sangat jalan ini berlubang-lubang dan juga mendap selalu berlaku banjir. *So*, saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri bagilah peruntukan untuk menaik taraf jalan ini. Jalan raya menghubungkan Bukit Merah ke Selama, Kedah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu.

12.26 tgh.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tempat-tempat yang maju itu dengarlah pada orang yang kurang maju sedikit Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya biarlah saya ingin merakamkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya kerana membolehkan saya menggunakan jalan raya. Saya berterima kasih kerana sekarang perjalanan dari kawasan saya ke Kuala Lumpur memakan masa antara empat hingga lima jam yang mana sebelum ini sampai lapan jam.

Namun demikian, Tuan Pengerusi, sempena dengan Hari Raya Korban baru-baru ini, kita bertolak pukul lima petang, sampai ke Kuala Lumpur pukul lima pagi. Masanya 10 jam. Jadi ini tentulah sudah menjadi perkiraan kepada Kementerian Kerja Raya apakah langkah-langkah yang perlu diambil.

Takkan hendak membiarkan orang tersepit di perjalanan dari utara ke selatan, selatan ke utara, dari timur ke barat? Kita mengharapkan bahawa pembesaran lebuh raya itu akan dilakukan.

Tuan Pengerusi, khusus kepada kawasan saya berkenaan dengan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 2. Saya ingin jawapan pasti dari kementerian, bilakah lebuh raya ini dapat digunakan sepenuhnya supaya masa perjalanan dari Terengganu ke Kuala Lumpur lebih dipendekkan sehingga tiga hingga empat jam? Ini kerana beberapa pakej telah pun siap dan digunakan, namun demikian beberapa pakej yang lain masih lagi dalam pembinaan kerana pemberian tender yang tidak bersesuaian.

Saya ingin memberitahu bahawa laluan lebuh raya dari Bukit Besi ke Ajil merupakan satu lebuh raya yang terlalu banyak memakan korban dan kemalangan. Bukan sahaja pembinaannya tidak begitu sesuai, berlakunya jalan beralun dan berombak, tetapi kadang-kadang telah dihalang oleh lembu-lembu yang masuk ke kawasan lebuh raya. Di samping itu, kalau pihak kementerian melihatnya, besi-besi keselamatan di *area* itu telah banyak yang musnah akibat berlakunya kemalangan di laluan tersebut. Oleh yang demikian, saya ingin tahu daripada pihak kementerian punca sebenarnya kemalangan yang berlaku sama ada dari kecuaian pemandu itu sendiri ataupun pembinaan jalannya yang tidak memenuhi spesifikasi yang sepatutnya.

■1230

Berikutnya Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan sekali lagi tentang pembinaan jalan dari penambahbaikan jalan dari Kenyir ke Kuala Berang. Saya mendapati bahawa jalan ini sentiasa mengalami kerosakan. Jalannya pun merupakan bersimpang-siur macam ular kena palu. Ada lori masuk ke dalam rumah akibat jalannya begitu berselekoh. Oleh yang demikian, saya mengharapkan supaya laluan ini dari Kenyir ke Kuala Berang dinaikkan tarafnya dan diperbetulkan laluannya supaya dapat bukan sahaja melicinkan perjalanan tetapi juga mengelakkan kemalangan yang berlaku.

Saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian bahawa sekarang sudah mula berlaku hujan. Musim hujan menyebabkan jalan raya akan mengalami kerosakan, jalan berlubang terutamanya dari Jerangau ke Cheneh atau pun Jabor dan jalan Jabor ke Jerangau yang sentiasa mengalami kerosakan terutamanya di musim hujan ini dan janganlah kerosakan-kerosakan itu dibiarkan sehingga menimbulkan kehilangan nyawa kepada terutamanya pemandu-pemandu kenderaan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan sekali lagi berkenaan dengan pembinaan jalan di antara Kuala Jeneris ke simpang Lebuhraya Kuala Telemong, yang laluannya ditandakan tetapi pembinaannya tidak dijalankan. Jadi kita minta supaya pembinaan ini disegerakan supaya memendekkan jarak perhubungan dari Kuala Terengganu ke Kenyir sebagai destinasi pelancongan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya juga merayu supaya satu jambatan dibina di antara Kampung Dusun dengan Kuala Pueh yang akan menghidupkan perjalanan supaya Kampung Dusun tidak menjadi kampung mati di perjalanan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

12.33 tgh.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada tiga butiran mengenai Sabah. Butiran 08230, 08260, 08270. Di mana selalunya apabila JKR buat pembaikan, membaik pulih ataupun naik taraf jalan-jalan di Sabah, selalu sering kali kita dapati bahawa mereka tidak punyai koordinasi di antara jabatan-jabatan yang boleh merosakkan jalan-jalan raya ini. Contohnya koordinasi di antara Jabatan Air, koordinasi dengan Jabatan Air dan Saliran, koordinasi dengan pembekalan elektrik dan sebagainya.

Inilah sebenarnya masalah yang besar yang berlaku di mana sering kali kita ada berbincang mengenai koordinasi ini tetapi mereka tidak dapat melaksanakan koordinasi ini, disebabkan saya rasa satu masalah ialah peruntukan itu tidak diseragamkan dan perjalanan itu juga tidak diseragamkan untuk melaksanakan semua pembaik pulih jalan-jalan ini.

So, inilah sebenarnya satu masalah yang besar sekali berlaku di Sabah. *So,* kita minta kepada jabatan ataupun kementerian supaya bagilah satu arahan ataupun satu polisi supaya koordinasi ini mesti diselenggarakan.

Tanpa membuat koordinasi saya rasa jalan-jalan ini tidak akan baik, dibaikpulih selama-lamanya. Kedua mengenai jalan-jalan di mana jambatan-jambatan sekarang ini masih berlaku kita nampak lihat banyak jambatan yang masih guna *bailey bridge*. Apa salahnya jika kerajaan betul-betul mahu supaya jambatan-jambatan ini yang dibina dengan konkrit supaya dia boleh menahan berat dan juga dapat diguna sepanjang masa.

Akan tetapi apa yang kita lihat pada ketika ini ialah banyak yang masih juga menggunakan *bailey bridge* dan jambatan-jambatan setiap bulan terpaksa dibaikpulih oleh kerana kerosakan itu dan juga lebih-lebih lagi kita dapat lihat terlalu banyak *overloading* di antara kenderaan-kenderaan melalui jambatan ini.

Akhirnya mengenai pembersihan jalan-jalan *highway*. Kita dapat lihat bahawa JKR buat pembersihan, potong rumput semua. Akan tetapi apa yang kita dapat lihat selepas pembersihan ini sampah sarap, yang begitu banyak sekali sampah sarap. Jadi apabila pelancong datang, mereka nampak jalan sudah dipotong, rumput semua dipotong tetapi sampah sarap itu bertimbunan. Maka ini satu imej yang tidak begitu baik kelihatan. Lebih-lebih lagi kepada jalan-jalan utama ini contohnya di jalan Tuaran, jalan Kota Kinabalu ke Tuaran. Kita dapat lihat bahawa sampah sarap itu begitu banyak sekali, disebabkan sudah dibersihkan dengan rumputnya sudah pendek tetapi sampah sarap yang menonjol. Maka saya rasa, ini terpaksalah ada satu polisi bagi jabatan atau kementerian ini untuk melaksanakan supaya sekali gus kebersihan itu dapat dijalankan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kanowit.

12.38 tgh.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua butiran sahaja di sini. Pertama adalah 09230 berkenaan dengan pembinaan jalan dan jambatan di Sarawak. Saya ingin kepastian daripada kementerian ke atas sebuah jambatan Sungai Kanowit yang telah lebih sepuluh tahun dalam perancangan dan sampai sekarang pun belum ada kelihatan ia akan dibina.

Oleh sebab jambatan ini adalah jambatan yang begitu besar dalam 350 meter panjang dengan 2.6 kilometer jalan baru untuk dibina. Jambatan ini adalah permulaan jalan *highway* daripada Kanowit ke Kapit dalam sepanjang 95 kilometer. Kalau ini tidak dibina, tidak mungkin jalan *highway* itu nanti dapat digunakan. Saya ingin kepastian daripada Yang Berhormat Menteri sama ada peruntukan untuk jambatan ini dengan anggaran kos sebanyak RM55 juta sudah diagihkan.

Kedua adalah butiran 09280 berkenaan dengan sebuah jalan yang agak panjang daripada Ngungun kepada Jagau, kawasan Rascom. Sekarang ini *survey* untuk jalan termasuk *alignment* juga sudah siap. Kerja sekarang adalah untuk pampasan kepada tanah dan buah-buahan di kawasan tersebut. Kos untuk jalan sepanjang 23 kilometer ini dengan lapan buah jambatan, ianya anggaran kos adalah RM200 juta tapi di sini saya lihat peruntukan untuk 2013 ada cuma 129 juta. Akan tetapi yang saya ingin tahu adalah sama ada sedikit daripada peruntukan itu juga melibatkan peruntukan untuk pembinaan jalan ini yang sudah lama ketinggalan. Sekian terima kasih.

■1240

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas.

12.40 tgh.

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada 02800 - Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Perkara yang saya ingin bangkitkan ialah secara spesifik.

Saya ingin mendapat maklumat yang terperinci mengenai cadangan pelaksanaan Projek *Bypass* Pasir Mas yang tahun lalu sudah diberikan peruntukan RM10 juta kalau tidak silap saya untuk menyediakan reka bentuk. Apakah reka bentuk ini sudah sedia dan apakah projek ini akan dilaksanakan di dalam Bajet 2013 ini dan bila.

Ini kerana saya bertanya mengenai perkara ini kerana ianya masalah kesesakan lalu lintas yang tidak boleh saya gambarkan masalah yang timbul di kawasan ini iaitu di kawasan Jambatan Pasir Mas-Salor. Jadi, saya berharap agar saya mendapat jawapan yang terperinci dan mengenai dengan bila projek ini akan dilaksanakan. Ia menjadi keutamaan dan berapa anggaran kos yang terlibat. Apakah yang saya katakan tadi, reka bentuk sudah siap dan bila akan dilaksanakan?

Kedua, saya ingin merujuk kepada 60000 - Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Sebagaimana yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum, jalan daripada Tanah Merah sampai ke Bulatan Pasir Pekan Wakaf Baru, jalan ini adalah jalan Persekutuan dan jalan ini sudah menjadi jalan utama, jalan penting. Oleh itu saya ingin bertanya kedudukan status jalan ini yang saya difahamkan dahulu akan dinaik taraf menjadi jalan empat lorong. Bilakah akan dilaksanakan dan apakah perancangannya untuk dilebarkan dan dinaikkan taraf jalan ini? Juga saya berharap diberi keutamaan dan perhatian.

Seterusnya, 71000 - Memperelok dan Membaik Pulih Jalan (Projek Baru) dan juga 81000 - Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru), sekali gus. Ini Tuan Pengerusi, memanglah kita tahu penyebab kepada kemalangan ini banyak perkara. Bentuk jalan, kualiti jalan dan sebagainya termasuk kalau kenderaan di bawa dengan laju. Tadi saya dengar salah seorang Ahli Dewan kita ini ada menyatakan apabila disentuh soal AES, menyatakan kelajuan ini bukan penyebab kepada kemalangan. Jadi, yang disebut kelajuan ini bukan penyebab kemalangan.

Saya rasa saya tidak tahulah, dari kamus mana dia baca, dalam kitab mana dia rujuk ataupun hadis mana. Sebab kita tahu kelajuan juga salah satu punca kepada kemalangan selain daripada lain-lain sebab dan punca. Jadi, oleh tu saya berharap isu AES ini yang juga boleh dibangkit di bawah perbahasan Kementerian JKR ini, saya juga bersama dengan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi yang saya harapnya ialah tidak dipolitikkan. Walaupun kita ini wakil rakyat, perjuangkan rakyat, tetapi ada kalanya kita mesti memimpin rakyat. Ada kalanya kita mesti membentuk minda rakyat.

Saya juga membuat kenyataan supaya AES ini kalau boleh sekarang ini dibuat tempoh percubaan, direkod dahulu mereka-mereka yang melanggar *speeding* ini. Kemudian, nanti kita tengok apakah rekod yang ada ini boleh membantu menurun tahap kemalangan jalan raya. Kemudian itu boleh dilaksanakan. Jadi, saya mencadangkan sebab itu saya katakan tadi kita kena memimpin.

Ada kala kita kena membantu membentuk pemikiran rakyat untuk kebaikan bersama, bukan semata-mata kita hendak jadi populis kerana kita mengejar cita-cita politik. Ini saya rasa harus- saya mengingatkan diri saya sendiri sebab ini yang paling kita utamakan. Ini kerana Tuan Pengerusi, saya minta supaya dalam hal mutu jalan raya tadi banyak disebut oleh rakan-rakan sehingga timbul masalah syarikat konsesi yang menyelenggarakan jalan mengaut keuntungan dan sebagainya.

Saya percaya, kalau boleh ditimbangkan, saya hendak cadangkan. Urusan penyelenggaraan jalan ini tidak perlu diswastakan atau diserah kepada syarikat-syarikat. Sepatutnya penyelenggaraan jalan ini diurus sendiri oleh JKR. JKR wujud di setiap daerah di setiap negeri, kakitangan pun ramai, jentera-jentera pun ada. Apakah tugas pejabat JKR ini hanya sekadar menguruskan, memantau pelaksanaan projek? Manakala kerja hariannya apa? Kalau kerja hariannya menyelenggarakan jalan, kalau rosak, terus dia pergi baiki. Kalau syarikat swasta, memang dia hendak cari untung.

Kalau rosak, seboleh-bolehnya kalau dibaiki nanti, menambah kosnya dan dibaiki pun, lebih kurang sahaja. Selepas itu, dari segi *inspection*nya, kalau dari segi menentukan kualitinya, ini saya tidak tahulah. Kalau nanti ada pula pakat di antara syarikat dengan kakitangan ataupun dengan *engineer* yang bertanggungjawab pihak JKR, saya tidak tahulah. Ini timbul pula masalah sogok, rasuah dan sebagainya. Akhirnya, kita tidak mendapat kebaikan yang kita kehendaki. Jadi, kenapa kita hendak serah kepada syarikat. Sebab itu contohnya, saya dimaklumkan di negeri Sarawak, sampai ada monopoli di Sarawak, satu syarikat sahaja diberi. Hampir 1,000 kilometer dari Kuching ke Miri. Perkara-perkara seumpama inilah yang saya rasa perlu diberi perhatian.

Akan tetapi maklum sahajalah, tidak- yang saya difahamkan selama 15 tahun, 15 *years*. Jadi, walaupun saya bukan orang Sarawak tetapi kita rakyat Malaysia. Saya pun pergi juga ke Sarawak, saya pun pergi juga ke Sabah. Saya dengar orang bercakap. Saya dapat maklumat.

Jadi, saya hendak tegur sahajalah, minta jawapan, supaya perkara ini tidak menjadi masalah kepada kerajaan sendiri. Jadi, sebab itu Tuan Pengerusi, dalam soal penyelenggaraan jalan ini saya sudah sebut tadi.

Satu lagi saya hendak bangkit, lupa tadi di bawah 60000 - Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan ini. Saya hendak tanya, ini masalah jalan, kita belum ada lebuh raya dari Kuala Lumpur ke Kelantan. Kita tahu yang bermasalah sekarang ini dari Bentong ke Gua Musang. Saya hendak tanya bilakah projek *Central Spine Road* iaitu jalan pintas Raub ke Bentong ini akan dilaksanakan. Ini *top priority*. Sebab kalau jalan ini dibina cepat, maka laluannya akan lebih cepat dari Bentong ke Gua Musang.

Jadi, kemudian dari Gua Musang sampai ke Kuala Krai, Kuala Krai ke Kota Baharu Tuan Pengerusi. Kuala Krai-Kota Baharu ini, ini yang kerajaan negeri hendak buat projek lebuh raya rakyat secara kutip derma. Yang saya tengok, semua di bulatan di Kota Baharu, Kelantan, saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada label, *very big signboard, nicely done*. Cantik gambar Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Datuk Nik Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan. Selepas itu, dia punya *design* laluan jalan raya ini. Semua bulatan ada dan saya rasa kos iklan ini tidak sedikit. Yang saya hendak timbulkan, sudah tidak ada label ini, sudah diturun semua. Derma sudah pun dilancarkan dan sudah dikutip, kita tidak tahu berapa derma.

Jadi, selesai satu lagi gimik. Yang pentingnya dari segi Kerajaan Pusat dengan jawapan yang betul-betul spesifik, konkrit. Bilakah penaikan taraf lebuh raya, hendak jadikan lebuh raya Kuala Krai ke Kota Baharu ini? Dahulu pun ada jawapan tetapi umum. *Just be specific, when*? Kalau tiga tahun, kata tiga tahun. Kalau empat tahun, empat tahun. *Say so* dan kita tahu. Saya rasa tidak ada masalah. *At least,* kita ada harapan. Kalau dengar cara kutip derma ini, angan-angan Mat Jeninlah, yang tidak akan menjadi kenyataan. *But at least,* kalau Kerajaan Pusat kata, okey akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kah, *Third Rolling Plan,* atau apa-apalah, akan dibuat, *alhamdulillah*.

■1250

Begitu juga saya hendak tanya status projek *Central Spine Road,* jalan pintas Raub-Bentong ini. Apakah sudah ada peruntukan dan akan dilaksanakan di bawah *Third Rolling Plan* tahun 2013 ini?

Jadi Tuan Pengerusi, inilah perkara-perkara yang saya bangkit dan saya hendak mengingatkan diri saya sekali lagi sebagai anggota Dewan bagi mewakili kawasan saya, rakyat Pasir Mas saya berharap saya tidak mahu terbawa-bawa dengan sentimen kepentingan parti semata-mata ataupun ghairah politik dengan tidak juga mengambil tanggungjawab untuk mendidik rakyat kerana contoh yang saya sebut contoh bagaimana isu-isu ini dipergunakan untuk tujuan politik termasuk AES ini. Sebab kita tahu AES memang pengguna-pengguna takut kena saman sebab kadang-kadang bawa kereta ini kita tidak sedar diri, kita bawa ikut kita suka hati dan berlaku kemalangan.

Kalau kita hendak jadi masyarakat madani, *civil society*, cuba kita tengok rakyat di negara-negara maju semua pun pernah pergi. Kita tengok bagaimana pemandu-pemandu kalau ada orang hendak lintas jalan dia berhenti. Dia berhenti, dia bagi hormat, dia suruh jalan dahulu. Dia begitu berhati-hati tetapi kita di sini tidak begitu. Sebab itu saya percaya AES ini niat kerajaan ialah untuk mendidik dan kalau kita tidak hendak syarikat AES ini mengaut keuntungan kita bawa kereta elok-eloklah. Bila tidak kena saman tidak adalah pendapatan dia. Jadi capailah matlamat.

Saya bukan tidak bersentimen dengan rakyat tapi saya sebut tadi bahawa kita kena mendidik rakyat. Kita kena membentuk minda rakyat. Kita mesti memimpin rakyat. Ada waktu kita ikut rakyat, ada waktu kita kena beritahu kepada rakyat bahawa ini untuk kebaikan rakyat pada masa akan datang. Jadi Tuan Pengerusi itu sahaja, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tenggara.

12.52 tgh.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 02800 – baiki, mengganti, naik taraf jalan dan juga jambatan. Mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk naik taraf jambatan Bandar Kota Tinggi ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada satu lorong kepada dua lorong kerana ini sahaja jalan daripada Johor ke bandar Kota Tinggi.

Selain daripada itu, bagi Butiran 31000 – pembinaan jalan dan juga jambatan bawah projek baru. Saya mohon kepada kerajaan supaya perancangan untuk membina jambatan kedua daerah Kota Tinggi ini sudah dirancang lama dan sudah dimasukkan pun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang mana anggarannya lebih kurang RM60 juta dan keperluan bagi jambatan kedua ini Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah satu perkara yang amat terdesak tambahan pula dalam perancangan ETP, Kota Tinggi adalah daerah *oil and gas*. Jadi saya harap mudah-mudahan perancangan bagi jambatan kedua ini akan dapat diberikan pertimbangan yang tinggi oleh pihak JKR.

Butiran selanjutnya ialah Butiran 80000 bagi membina jalan baru, mohon supaya dimasukkan dalam butiran itu bagi perbelanjaan untuk membina jalan baru daripada jalan asas di Kampung Lipat Kajang. Kampung Lipat Kajang ini ialah kampung di bawah urusan pentadbiran JKR.

Selain daripada itu bagi Butiran 31000 juga, pembinaan jalan dan jambatan projek baru. Saya mohon kepada pihak kementerian supaya dibina sebuah jejantas pejalan kaki yang menghubungkan penduduk kampung daripada ladang dan kampung ke Taman Seri Saujana di atas jalan yang dibina oleh JKR iaitu jalan Johor ke Kota Tinggi kerana banyak *accident* (kemalangan) berlaku kerana anak-anak daripada kampung dan ladang hendak ke sekolah di Taman Seri Saujana melintas jalan besar yang ada dan banyak kemalangan yang telah pun berlaku dan dipohon supaya dimasukkan dalam perancangan untuk pembinaan sebuah jejantas pejalan kaki.

Akhir sekali Tuan Pengerusi bagi Butiran 71000 – memperelok dan memperbaik pulih jalan. Saya mohon kepada kementerian supaya Jalan Pulai ke FELDA Bukit Ramon dan ke Kampung Rantau Panjang dapat dimasukkan untuk dinaiktarafkan bagi kemudahan rakyat yang ada. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Langat.

12.55 tgh.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung sedikit daripada segi pampasan tol bawah 060200. Tahun lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengisytiharkan penutupan Tol Grand Saga dari hala Kuala Lumpur ke Kajang dan juga satu tol lagi di Batu 9, dari Seremban ke Kuala Lumpur atau ke Kajang. Jadi saya ingin penjelasan berapakah pampasan yang perlu diberikan kepada mereka dan berapa lamakah konsesi yang masih ada untuk Grand Saga.

Merujuk kepada Kepala P.27 51000 - pelbagai pembinaan projek baru. Pihak PBT ataupun Majlis Perbandaran Kajang telah memohon untuk membina jejantas di Semenyih dan juga di Kajang, yang pembiayaan sepenuhnya diberi oleh pihak swasta iaitu di Semenyih oleh Nirvana dan di Kajang oleh Metro tapi sehingga sekarang belum mendapat kelulusan. Kami sebenarnya sudah beberapa kali berbincang dengan JKR pusat tapi sampai sekarang tidak mendapat kelulusan dan pihak penaja ini meminta supaya meletakkan iklan di dinding jejantas. Adakah ini yang menyebabkan pihak JKR tidak memberi kelulusan ataupun ada syarat-syarat lain yang perlu pihak pembiaya ini memenuhinya?

Ketiga, Butiran 81000 – membina jalan-jalan baru. Saya juga ingin mendapat penjelasan ada satu jalan yang akan dibina daripada Sungai Purun ke Rinching yang kalau dapat dibina ini maka memberi satu jalan alternatif yang baik bagi mengelakkan kesesakan di Semenyih dan baru-baru ini saya difahamkan ADUN Barisan Nasional telah pun membuat pecah tanah.

Sama ada itu gimik politik ataupun benar di bawah JKR saya tidak tahu tapi adakah peruntukan ada untuk membina jalan baru yang telah pun diberi pampasan tanah kepada penduduk-penduduk sekitar itu. Jadi adakah pihak JKR akan bina mulai tahun 2013 ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sekijang.

12.58 tgh.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi beri peluang kepada saya. Saya pendek sahaja. Saya ingin menyentuh Butiran 60000 - naik taraf jalan raya dan laluan. Di dalam Dewan yang mulia ini saya telah pun beberapa kali membangkitkan masalah jalan di dalam kawasan saya iaitu Jalan Segamat menghala ke Bandar Labis iaitu berhampiran dengan persimpangan jalan ke Kampung Melayu Raya, Segamat. Ia merupakan jalan pintas yang telah dibina oleh syarikat pembinaan Rimbun yang lalu.

Pembinaan jalan ini telah menyebabkan sebuah perkampungan India di Genuang Baru tenggelam banjir apabila hujan turun dengan lebatnya. Ini kerana jalan ini diletakkan satu *culvert* yang begitu kecil dan menyebabkan aliran air tersekat di kawasan tersebut dan ini yang mengakibatkan banjir di perkampungan seperti mana yang saya nyatakan tadi. Saya ingin tahu bilakah pembaikan ini dapat dilakukan kerana saya kira saya sudah tiga kali bercakap dalam Dewan ini tapi sampai hari ini masih lagi belum mendapat apa-apa reaksi dan tindakan daripada pihak JKR.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya juga kepada kementerian di mana bilakah agaknya kesemua tol terutamanya di jalan-jalan utama seperti kalau di selatan di Tangkak...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita sudah habis masa Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Setengah minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau habiskan itu, habis Yang Berhormat?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terutamanya kalau di selatan itu masuk ke pekan Tangkak, kalau di utara itu di Tol Jitra yang masih lagi belum dipasang SmartTAG. Ini kerana ini akan boleh mengelakkan daripada berlaku kesesakan dan kemudahan laluan dengan selesa.

Saya ingin bertanya, apakah syarikat pengendali ini memang tidak mampu untuk memasang SmartTAG ini ataupun mereka hanya menunggu untuk mereka ditamatkan daripada konsesi yang kita berikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli Yang Berhormat, kita sudah sampai pukul 1.01 minit lebih Yang Berhormat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan pada sesi pagi ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya akan hentikan perbahasan dalam 3.30 petang nanti. Kalau tak ada yang berucap, kita akan berhentikan awal. Kalau ramai yang berucap, kita akan berhentikan 3.30, selepas itu Menteri menjawab. Yang Berhormat Jempol.

2.33 ptg.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, Butiran 060200 – Pampasan Tol. Ini berkaitan dengan Lebuh Raya Utara-Selatan. Kalau kita lihat daripada utara, bila ia masuk ke Butterworth, Pulau Pinang ia ada zon bebas tol. Di Ipoh juga ada zon bebas tol. Di Kuala Lumpur juga ada zon bebas tol. Akan tetapi bila sampai ke Seremban, ia tidak ada zon bebas tol. Saya mencadangkan supaya kementerian merombak semula supaya diadakan juga di kawasan Seremban zon bebas tol. Hari ini terlalu banyak plaza-plaza tol yang dibina untuk masuk ke bandar Seremban. Ini menyebabkan berlaku kesesakan yang begitu teruk di bandar Seremban.

Saya mencadangkan kalau sekiranya dapat dibina cadangan untuk membuat zon bebas tol ini, kerajaan boleh merobohkan kesemua plaza-plaza tol ini bagi membolehkan sebahagian daripada Lebuh Raya Utara-Selatan ini dijadikan sebagai Seremban *Ring Road* untuk mengalihkan sebahagian lalu lintas yang menyebabkan kesesakan di bandar Seremban. Bandar Seremban, kita tak boleh nak buat apa lagi melainkan ini adalah merupakan satu cara yang boleh kita bantu untuk mengurangkan kesesakan di bandar tersebut.

Sehubungan dengan itu saya yakin dan percaya apabila soal kesesakan ini dapat kita kurangkan, kita juga akan dapat membangunkan di persekitaran bandar Seremban itu dalam kegiatan ekonomi yang lebih baik. Butiran yang sama, saya melihat kerajaan telah meluluskan pembinaan tol Seremban yang baru. Saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan kos, spesifikasi pembinaannya dan juga perancangan-perancangan yang khusus berkaitan dengan tol Seremban yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Butiran 21000 – Membina Persimpangan Bertingkat (Projek Baru). Di penghujung Lebuh Raya LEKAS daripada Kuala Lumpur ke Seremban, kita dapati berlaku kesesakan yang begitu teruk apabila kita menghubungkan laluan jajaran Lebuh Raya Utara-Selatan yang masuk untuk melalui jalan Senawang dan mereka keluar ke Lebuh Raya LEKAS. Di sinilah memerlukan persimpangan bertingkat. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perancangan kerajaan untuk membangunkan persimpangan bertingkat di penghubung Lebuh Raya LEKAS ini bagi membolehkan aliran kereta di situ dapat kita alirkan dengan lebih baik. Dalam masa yang sama saya berharap reka bentuk ini dapat membantu usaha kita bagi mengurangkan kesesakan laluan yang menyebabkan ia berpunca daripada masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bagaimana di bandar Seremban ini memerlukan satu persimpangan bertingkat lagi iaitu bagi membolehkan laluan kereta yang begitu sibuk apabila masuk melalui Plaza Tol Seremban untuk kita halakan laluan kereta ini menuju ke Tampin, Kuala Pilah, Jelebu. Ia hanya melalui jalan yang sama. Akan tetapi apabila berada di persimpangan bandar Seremban, keadaan lalu lintas ini begitu teruk sekali dan tidak ada pilihan melainkan saya cadangkan supaya kerajaan menimbangkan satu perancangan untuk membangunkan persimpangan bertingkat supaya kereta-kereta ini tidak perlu berhenti di bandar Seremban tetapi kita dapat salurkan terus melalui jalan Jelebu, jalan Kuala Pilah dan juga jalan Tampin.

Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan (Projek Baru). Saya sudah beberapa kali menyebut dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini tentang hasrat saya untuk meminta batuan daripada kementerian supaya jalan-jalan yang berada di rancangan tanah FELDA, jalan JJKR yang berada di rancangan tanah FELDA dapat dibangunkan.

Ini kerana pada hari ini dengan kejayaan kerajaan untuk menaik taraf ekonomi peneroka-peneroka FELDA, maka jalan-jalan ini sudah begitu sesak sekali dan sudah tentulah kita mengharapkan ia dapat kita perbaiki. Jalan-jalan ini terutama sekali yang menyambungkan FELDA Pasir Besar sehingga ke Palong, Negeri Sembilan dan keluar semula ke jalan Bahau-Muadzam. Begitu juga dengan jalan-jalan yang berada yang menghubungkan jalan di antara Bahau-Muadzam ke Gugusan FELDA Serting Hilir.

Kita dapat melihat juga laluan jalan JKR di antara Bahau ke Muadzam, Pahang. Laluan ini lurus tetapi permukaan jalannya terlalu kecil. Hari ini jumlah kereta yang melalui jalan tersebut begitu banyak.

■1440

Tambahan pula ini adalah merupakan hubungan yang paling dekat di antara peneroka FELDA Bera Pahang, Rompin Pahang, Lui Jelebu Negeri Sembilan dan juga Gugusan Raja Alias yang ingin ke Kuala Lumpur, mereka mesti melalui jalan yang satu ini dan bertembung di bandar Bahau. Saya mencadangkan kepada kerajaan beberapa kali dan saya berharap kali ini Yang Berhormat Menteri akan menjawab supaya laluan Muadzam Shah-Bahau ini dapat dibesarkan bagi menampung keperluan pengguna yang semakin meningkat.

Begitu juga apabila kereta ini berada di bandar Bahau, yang sebahagiannya saya fikir tidak perlu berada di bandar Bahau kerana matlamatnya ialah hendak ke Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, saya juga telah pun mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya projek Bahau *Bypass* ini dibina. Bahau *Bypass* sangat penting untuk mengelakkan kesesakan bandar Bahau supaya sebahagian daripada lori yang besar, kenderaan-kenderaan yang tidak perlu berhenti di bandar Bahau, mereka boleh melalui Bahau *bypass* dan mengurangkan pula kesesakan yang dialami oleh penduduk yang berada di bandar Bahau terutama sekali mereka yang menggunakan bandar ekonomi Jempol ini.

Begitu juga apabila jalan yang sama dihubungkan ke bandar Seremban, di sini berlaku kesesakan yang amat luar biasa. Saya sedar ada usaha kerajaan untuk menaik taraf jalan tersebut tetapi saya fikir rancangan yang sedia ada tidak akan dapat menyelesaikan masalah himpunan jumlah kereta yang begitu besar. Saya mencadangkan sampai masa dan ketikanya jalan Jempol-Kuala Pilah-Seremban ini dijadikan sebagai jalan empat lorong.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 040000 berkaitan Sektor Pakar yang mana peruntukan ini memberikan satu jumlah peruntukan untuk digunakan oleh pakar-pakar yang bijaksana merancang dan juga membuat kajian untuk memberikan keselesaan kepada rakyat. Saya mencadangkan supaya peruntukan ini digunakan untuk membuat kajian berkaitan dengan lebuh raya yang baru iaitu Lebuh Raya LEKAS yang lambat di Cheras. Memang laluan asalnya dari Seremban ke Cheras cepat, tetapi apabila sampai di Cheras, ia jadi lambat. Jadi namanya Lebuh Raya LEKAS tetapi lambat di Cheras. Apakah sebabnya? Mesti ada sebab yang menyebabkan begitu bermasalah sekali apabila berada di Cheras. Inilah satu-satunya harapan orang di sebelah Selatan apabila Lebuh Raya Utara-Selatan dipenuhi oleh kereta dan di sinilah pilihan yang ada kepada pengguna dari Selatan.

Kedua, jalan-jalan zon pelancongan. Kita dapat melihat bagaimana kepakaran daripada mereka yang bijaksana di luar negara mereka cipta jalan yang tidak *jammed* tetapi santai di zon-zon pelancongan. Zon pelancongan Negeri Sembilan, *jammed.* Zon pelancongan Melaka lagi teruk. Zon pelancongan yang ada di Batu Feringhi juga sama. Saya fikir sampai masanya kumpulan ini mereka cipta bagaimana pengalaman Monaco walaupun dia kecil tetapi jalannya santai, tidak *jammed.* Begitu juga dengan Miami. Esok kalau hendak pergi, bawa Yang Berhormat Jempol sekali... *[Ketawa]*

Sistem lampu isyarat. Tuan Pengerusi, Kuala Lumpur, saya pun pelik mengapa lampu isyaratnya tidak boleh kalau hijau, semua hijau. Kalau kita berada di Paris sebagai contoh, kalau lampu itu hijau, dari hujung sampai ke pangkal hijau. Itu sebab bandar Paris tidak *jammed*. Jadi saya fikir kepakaran inilah yang diperlukan oleh rakyat untuk kita gunakan bagi menangani masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

2.45 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja iaitu 70000 – Projek Memperelok Jalan-jalan. Tuan Pengerusi, ini mengenai satu aduan yang telah dibuat pada tahun dahulu dan perkara itu telah dibangkitkan tetapi sehingga sekarang tidak ada satu penyelesaian. Itu berkaitan sebuah rumah yang menjadi sebuah kedai sekarang di *main road* di antara Ipoh dan Kampung Tawar iaitu di kawasan saya, Ipoh Barat dan di Taman Fu Onn Garden, hampir dengan UMNO Tambun.

Saya difahamkan rumah ini yang sekarang ini menjadi kedai menjadi penghalang jalan raya. Walaupun surat telah dihantar kepada jurutera di Ipoh pada 16 September 2011, saya sendiri telah pergi ke pejabat tersebut. Setiausaha saya telah pergi tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa yang dibuat untuk mengatasi iaitu mengelak atau mengosongkan atau merobohkan rumah tersebut supaya ada jalan tiga hala dari Ipoh iaitu dari Jalan Kuala Kangsar.

Surat itu yang mana lot-lot yang berkaitan adalah Lot. 4451M yang mana pengaduan telah dibuat ramai di antara penduduk-penduduk di tempat tersebut pun membuat aduan mengatakan bahawa rumah itu yang telah menjadi kedai menjadi penghalang pertama kepada *smooth floor traffic* di Jalan Kuala Kangsar di Ipoh. Pohon tindakan diambil supaya saya difahamkan rumah atau peniaga tersebut adalah seorang orang kuat di UMNO, maka tidak ada tindakan diambil, dia diberikan perlindungan. *That is very near* dekat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Semua UMNOkah? Yang baik-baik banyak UMNO tahu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Baik, baik. Yang Berhormat baik. Ini tidak baik. Ini sebelah kepada UMNO Tambun di kawasan saya. Saya harap jawapan diberi mengenai hal ini dan tindakan diambil kerana perkara ini tahun dahulu telah dibangkitkan oleh kawan saya Yang Berhormat Batu Gajah pada sesi yang tahun dahulu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau.

2.47 ptg.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada 040000 iaitu Sektor Pakar iaitu di bawah Cawangan Kejuruteraan Elektrik iaitu 040200 mengenai pendawaian elektrik bangunan-bangunan kerajaan terutama sekali bangunan-bangunan sekolah. Kalau kita bandingkan dengan sekolah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan dibandingkan dengan sekolah jenis kebangsaan Cina. Bukannya kita dengki tetapi kita rasa mengapa masalah pendawaian elektrik di sekolah-sekolah ini menjadi masalah terutama sekali di sekolah-sekolah luar bandar.

Kalau di sekolah lain ada kelengkapan penyaman udara dan sebagainya tetapi di sekolah kebangsaan, sekolah menengah, masalah pendawaian menyebabkan kadang-kadang lampu dan kipas di dalam kelas-kelas pelajar dan juga bilik guru tidak berfungsi. Apabila kita majukan masalah ini kepada Jabatan Pelajaran Daerah mengatakan bahawa tiada peruntukan dan di bawah bidang kuasa JKR. Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk berbincang dengan Kementerian Pelajaran mengenai masalah pendawaian sekolah di dalam negara kita.

Keduanya, 31000 iaitu Pembinaan Jalan dan Jambatan (Projek Baru). Ini sejak dari tahun 2004 saya mohon iaitu pelebaran jalan dari simpang Kampung Awah menerusi terus ke Bandar Pusat Jengka iaitu Bandar Tun Abdul Razak. Jengka terus ke Jengka 8 masih lagi belum dilaksanakan walaupun telah dijanjikan dalam *rolling plan* yang pertama, tidak ada. *Rolling plan* yang kedua tidak ada dan saya harap ini yang sudah akhir *rolling plan* yang ketiga dalam RMK kita dapat dilaksanakan termasuk juga mengenai untuk melebarkan jalan dari simpang Jengka 23 hingga Jengka 21 dan terus menghubungkan jambatan baru di pekan Kuala Krau.

Ketiga iaitu untuk menaik taraf pelebaran jalan juga dari Jengka 25 hingga Jengka 13 terus menghubungkan jalan ke Bandar Pusat Jengka. Mengenai jambatan pula Tuan Pengerusi, di laluan 98 projek pelebaran jalan sudah lima tahun siap.

Akan tetapi jambatan yang ada di sepanjang jalan laluan 98 masih lagi belum dibesarkan menyebabkan kadang-kadang berlaku kemalangan jalan raya.

■1450

Daripada Temerloh ke Jerantut banyak jambatan yang kecil sedangkan jalan-jalanya sudah lebar. Bila masuk ke jambatan tersebut menyebabkan kesesakan dan berlaku kemalangan jalan raya.

Seterusnya yang ketiga iaitu Butiran 70000 – Projek Memperelok Jalan-jalan. Penyelenggaraan jalan-jalan di seluruh negara sama ada yang melibatkan konsesi yang telah dilantik seperti di Pahang, Kelantan dan juga di Terengganu, kita telah serahkan kepada Roadcare untuk kita menyelenggarakan dan membaik pulih jalan-jalan negeri dan juga jalan-jalan persekutuan. Saya mohon tahu berapakah peruntukan yang disediakan kepada Roadcare ini? Ini kerana kadang-kadang kesian kepada konsesi Roadcare dan juga JKR di peringkat daerah, bukannya dinaiktarafkan, hanya dia tampal sahaja lubang-lubang yang ada di atas jalan raya, terutama sekali sekarang ini musim hujan dan nampaknya lubang-lubang tersebut ditampal, selepas itu seminggu berlubang balik. Ini menyebabkan juga berlaku kemalangan jalan raya.

Seterusnya tentang jalan-jalan negeri, saya ingin tahu berapakah peruntukan yang disediakan untuk tahun 2013 untuk negeri Pahang terutama jalan-jalan negeri di kawasan saya iaitu di Jalan Jenderak yang telah banyak rosak dan juga jalan-jalan di sepanjang Sungai Pahang di kawasan Parlimen Kuala Krau.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin tahu peruntukan yang telah diserahkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri di bawah projek MARRIS ini, berapakah disediakan kepada negeri-negeri? Adakah negeri-negeri berkenaan membelanjakan sepenuhnya peruntukan yang telah disediakan oleh pihak Persekutuan untuk menyelenggarakan jalan-jalan di negeri-negeri? Adakah terdapat negeri-negeri yang telah menyalahgunakan peruntukan MARRIS ini?

Juga satu perkara yang akhir iaitu mengenai cerun-cerun di sepanjang jalan-jalan di tebing-tebing Sungai Pahang daripada Temerloh sampai ke Jerantut dan saya percaya sampai ke Lipis. Saya harap pihak JKR dapat membuat kajian kerana sangat berbahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

2.52 ptg.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tan Sri Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Ini suatu hari pasti Tan Sri. Jangan takut, manis mulut saya. Terima kasih, terima kasih.

Ini Tuan Pengerusi, saya merujuk Butiran 71000 – Memperelok dan Membaik Pulih Jalan (Projek Baru). Merujuk kepada butiran itu, saya merujuk beberapa jalan-jalan raya di dalam kawasan saya di mana- saya ingat Yang Berhormat Permatang Pauh mahu duduk dengar. Sedihlah, sedih. Beberapa jalan raya yang saya rujuk di antaranya adalah Jalan Paya Besar, Lunas di mana kerap berlaku kemalangan dan juga persimpangan-persimpangan itu perlu diperbaiki dan dinaiktarafkan.

Satu lagi jalan iaitu jalan Batu Puteh-Labu Besar. Jalan Batu Puteh-Labu Besar ini di antara salah satu jalan yang agak penting yang menghubungkan pedalaman kawasan Bagan Sena dan juga perkampungan-perkampungan itu yang melalui satu kawasan perladangan. Seluruh kawasan daripada Kulim sehingga ke Bagan Sena adalah kawasan-kawasan yang dirangkumi oleh ladang-ladang besar. Jadi ladang-ladang besar ini mereka mempergunakan lori-lori yang besar, traktor-traktor. Jadi saya harap jalan raya ini yang menjadi jalan utama menghubungkan kawasan itu akan diperbaiki. Kalau saya cakap akan diperbaiki, bermakna banyak lubang dan jalan itu memang tidak begitu selamat.

Satu lagi jalan iaitu jalan Kulim-Serdang. Jalan Kulim-Serdang ini satu jalan yang perlu. Walaupun jalan ini sebut nama Jalan Kulim, ini jalan bukan sahaja masuk dalam kawasan Parlimen Kulim Bandar Baharu tetapi melalui kawasan Parlimen Padang Serai bersebelahan dengan Kulim Hi-Tech Park dan sebagainya.

Jadi saya harap jalan ini menjadi satu jalan induk menghubungi persimpangan Parit Buntar di Lebuh Raya Utara Selatan. Jadi saya harap jalan ini menjadi satu jalan induk untuk rakyat daripada Sungai Petani, mereka menggunakan ini sebab ini adalah jalan pintas menghubungi ke utara selatan. Jadi saya harap sesuatu dapat dilakukan.

Jalan-jalan ini juga berdekatan dengan Kampung Sungai Ular itu ada satu jambatan. Jambatan ini sudah pun sempitlah. Sekarang jambatan ini menghubungi Kulim Hi-Tech Park dan beberapa kawasan di mana kita kena tahu bahawa Kulim Hi-Tech Park adalah *the only science park in the country* yang lebih berbilion-bilion dilaburkan. Jadi saya harap jambatan ini, saya tengok bila saya lalu semalam saya pun takut sebab sudah ada di kawasan bawah jambatan itu sebelah itu semua tanah sudah runtuh. Jadi saya harap ini akan diambil perhatian oleh pegawai-pegawai dan juga kementerian akan mengambil perhatian.

Juga bila saya sebut jambatan, satu lagi jambatan yang betul-betul memberi kerisauan kepada masyarakat Padang Serai dan juga masyarakat kawasan Parlimen Baling adalah jambatan yang menghubungkan Merbau Pulas dan Kuala Ketil. Jambatan ini memang dua bulan dahulu kita melihat jambatan ini telah ditahan supaya tidak dilalui oleh kenderaan-kenderaan sebab dalam masa musim hujan ini sudah ada tanah-tanah dan juga perhubungan sistem perairan itu terputus. Jadi itu adalah jambatan yang saya mahu sebut.

Satu lagi jalan adalah jalan Padang Serai-Sungai Karangan. Jalan Padang Serai-Sungai Karangan ini adalah jalan di mana melalui Kawasan Perindustrian Padang Meha. Juga di sebelah kanan jalan itu daripada Padang Serai ke Sungai Karangan perlu diperbaiki dan juga menaik taraf jalan itu.

Satu lagi adalah jalan dari Kulim, Mahang dan Selama. Memang jalan ini mungkin berusia dari saya ingat lepas Perang Dunia Kedualah. Sekarang ini kita sudah maju ke satu tahap di mana negara kita ini cukup maju, sehingga kita boleh bandingkan negara kita dengan jalan-jalan raya di negara-negara lain di dunia. Saya ingat Amerika pun tidak ada sistem *road network* seperti apa yang kita ada. Akan tetapi pada masa yang sama, jalan yang dibuat pada zaman Perang Dunia Kedua pun masih lagi menjadi penghubung di antara pekan-pekan kecil. Jadi saya harap ini dapat diperbaiki.

Bila saya sebut Jalan Kulim, Mahang dan Selama ini, saya kena sebut Jambatan Mahang Selama jugalah, sebab duduk sebelah saya ini Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu, baru tadi bisik-bisik dengan saya dia kata, kita sama-sama kita boleh cakap tetapi mungkin Tuan Pengerusi cuma bagi satu dua orang sahaja peluang fasal Pakatan Rakyat dan juga Barisan Nasional mereka ambil semua peluang kita termasuk ini Yang Berhormat Ipoh Barat dan semua juga. Jadi kita harap pihak kementerian ambil perhatian jambatan yang menghubungkan Mahang dengan Selama.

Dalam jalan itu, laluan yang lebih bahaya adalah laluan daripada selepas Kulim Hi-Tech Park itu, jalan itu datang sebagai *bottleneck* sebelum Taman Sepilai, *just before* Taman Sepilai. Taman Sepilai itu BMR Estate. Itu menjadi *bottleneck* dan dari situ hinggalah ke Mahang, jalan itu cukup berbahaya kerana kita ada satu simpang tiga di Taman Mutiara. Walaupun itu adalah jalan induk, simpang tiga itu masuk ke Taman Mutiara selalu satu minggu boleh dikatakan dua atau tiga kemalangan berlaku di simpang tiga itu.

■1500

Jadi, kita harap akan diambil perhatian daripada Taman Sepilai hinggalah- hendak cakap berlubang-lubang itu tidak banyaklah, tetapi terlalu banyak. Bukan banyak, terlalu banyak. *The road is…,* dengan izin, *very-very bad*. Saya harap pihak kementerian, pegawai-pegawai kementerian. Kita ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini yang sanggup turun padang. Semalam pergi duduk di kedai, minum kopi bersama nelayan-nelayan di Kedah.

Tidak tahu hari ini dia duduk di kedai kopi mana, minum bersama rakyat mana. Akan tetapi, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh buat, saya tidak pernah lihat KSU kementerian-kementerian, bukan sahaja Kementerian Kerja Raya, lain kementerian pun. KSU kah, pegawai-pegawai kalaulah mereka pun, kalaulah mereka boleh turun. Saya boleh jadi tetamu. Saya boleh jadi hos kepada mereka kalau mereka datang ke Padang Serai. Boleh pergi minum bersama-sama saya, pada masa yang sama bolehlah saya pun tunjuk-tunjuk sedikit. Saya tahu di Kulim, kita ada seorang jurutera yang cukup bagus. Jurutera Daerah JKR Kulim itu seorang...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Minta maaf Tuan Pengerusi. Hendak tanya Yang Berhormat Padang Serai ini. Dia cerita fasal Kulim lah, Kedah macam-macam ini. Dia cerita fasal jalan rosak. Jalan ada jalan JKR Pusat, ada jalan JKR Negeri, dan kampung serta taman-taman perumahan. Saya tengok dalam laporan audit, Kedah cuma belanja 38 peratus duit MARRIS. Maknanya ada 62 peratus duit MARRIS yang tidak dibelanja, *repair* jalan. Jadi, perlu persoalkan di mana belanja duit MARRIS itu? Kenapa tidak belanja? Jadi, kita tidak hairan kalau Surplus bajet kerana duit MARRIS tidak belanja. Apa pandangan Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, lepas bagi pandangan boleh habiskan perbahasan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya inilah bekas Ahli Parlimen dari PKR dan sebahagian daripada Kerajaan Negeri Kedah. Saya hendak katakan lah di sini, semua jalan-jalan yang saya sebut itu adalah jalan raya-jalan raya Persekutuan. Akan tetapi, hendak sebut pasal jalan raya-jalan raya di bawah pentadbiran majlis ini, saya minta maaf rakan-rakan saya. Saya katakan terus terang Pakatan Rakyat Kedah tidak tahu memerintah, tidak tahu turun, tidak tahu melihat, mendengar masalah rakyat.

Jalan raya jangan sebutlah. Saya boleh cabarlah mana-mana ini, sampah tidak kutip, apa pun tidak ada. Sebagai Ahli Parlimen, kita ini yang duduk di kawasan hari-hari kena kutuk kerana Kerajaan Negeri. Jadi, saya tidak mahu jawab lah itu. *You* sudah tahu, tahulah. Oleh sebab itu saya sekarang- saya hendak habiskan.

Satu lebuh raya yang penting yang menghubungkan. Walaupun ini lebuh raya bertol, ini adalah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya adalah lebuh raya BKE, BKE bertol. *We have the best road systems in the country but we also need to have the best maintenance in the country*. Memang teruk. Tadi Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu datang sini, dia kata "*Yang Berhormat Padang Serai, you bangun ya. Nanti mungkin saya tidak dapat peluang. Tolong sebut Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu kata".* Saya juga sama-sama mahu sebut ini, memang sudah tulis.

Satu lagi, saya mintalah Melati Wangsa ataupun apa-apa syarikat-syarikat yang diberikan, kontrak-kontrak secara *blinded* itu- mereka saya ingat kementerian kena tarik baliklah. Tarik balik! Cari jalan mengapa tidak bagi balik kepada JKR ataupun sebagainya? Mereka langsung tidak guna! Kalau mahu tahu, saya minta pegawai-pegawai datang turun padang, macam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, turun padang pergi dengar minum teh, datang mari makan kepala ikan, rojak, atau mee rebus. *Come! Meet the Members of Parliament,* bersama-sama supaya kita ini boleh dengar dan juga beritahu.

Saya ucap syabas kepada kementerian punya wakil di Kulim itu, di Kulim. Jurutera daerah. Seorang wanita. Saya selalu bila telefon dia tidak jawab pun. Dalam lima minit, akan telefon balik. Kadang-kadang dia SMS balik, *"I am sorry YB. I am in a meeting, anything?*" *This kind of officers we need.* Dia pun kerja macam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Akan tetapi kenapa lain-lain pegawai tidak mahu buat macam itu? Kita hanya mahu turunkan apa yang kerajaan ada kepada rakyat. Saya harap kementerian ini, satu kementerian yang cukup berjaya di negara ini sehinggakan negara-negara lain mencontohi kementerian ini, negara-negara lain meminta kepakaran kementerian ini supaya *the transfer of technology to their countries is made*....

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Satu kementerian macam ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Akan tetapi apa yang berlaku adalah *maintenance*. Jadi, saya harap ini dapat. Saya ucap terima kasihlah Tuan Pengerusi ya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading.

3.05 ptg

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bersama-sama dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Kerja Raya (JKR) – "jasa kepada rakyat". Ini sebuah kementerian yang berjasa sebenarnya yang boleh kita banggakan. Ramai pelancong-pelancong pun memuji jalan raya kita. Walau bagaimanapun, kalau ada sedikit sebanyak boleh kita berikan pandangan.

Saya hendak menyentuh tentang B.27 ini. Yang pertama, yang berkaitan dengan Pembinaan Persimpangan Bertingkat 21000 dan juga 41000 dan juga 030100. Ini kali kedua saya menyuarakan supaya dapat agaknya tindakan Jabatan Kerja Raya membuat persimpangan untuk masuk ke bandar Batu Pahat, Lebuh Raya Utara Selatan. Batu Pahat ini sebuah bandar yang berjasa yang besar, yang bersejarah. Kadang kala orang hendak pergi Batu Pahat, dia tanya *"Mana tol hendak masuk?"* Yang ada tol Yong Peng Utara, tol Yong Peng Selatan dan Ayer Hitam.

Sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat kiranya mengambil catatan. Ini kiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baiklah, yang rajin. Salah seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri yang rajinlah. Saya ucap tahniah kepada beliau. Jadi, kalau boleh dibuatkan persimpangan jalan masuk- maknanya daripada utara ini ataupun dari utara lah, nampak Batu Pahat. Ha! Begitu. Akan tetapi, itu harus dibuat. Agaknya di kilometer 100 kah apa, itu maknanya ia menembusi pekan kecil Sri Medan. Terus dari Sri Medan ke Bukit Pasir, Parit Bilal dan terus ke bandar Batu Pahat. Bagilah pengiktirafan kepada penduduk Batu Pahat yang banyak berjasa kepada negara. Banyak kepimpinan negara dan juga kerajaan yang datangnya daripada penduduk-penduduk Batu Pahat. Jadi, itu pandangan saya lah. Cadangan dan permohonan saya.

Yang kedua, saya hendak bertanya soal had laju di lebuh raya. Saya pun tidak tahulah ya, macam mana had laju ini diletakkan di jalan raya. Dahulu 30mph *miles per hour*-30. Sekarang sudah...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Lipis. Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, berkait dengan Yang Berhormat Sri Gading, berkaitan dengan had laju ini. Agaknya siapa yang memikirkan untuk meletakkan tanda-tanda had laju ini, adakah agensi yang mana? Adakah agensi di Kementerian Kerja Raya ataupun agensi-agensi lain? Saya mohon penjelasan lah dalam perkara tersebut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa kalau tentang jalan ini, JKR lah. Mana ada kementerian lain ataupun jabatan lain ataupun Kementerian Pengangkutan. Antara kedua-duanya lah. Saya pun kurang arif Yang Berhormat Lipis, menjawab perkara yang kita pun tidak jelas, takut salah. Akan tetapi, saya fikir antara kedua-duanya, sama ada JKR ataupun Kementerian Pengangkutan. Nanti Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Pasal Yang Berhormat, yang menguatkuasakannya orang lain pula.

■ 1510

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]* Jadi 30. Dahulu yang paling rendah ialah 30kmph. *Now,* 30kmph, kilometer. Kalau saya ke Selatan naik selekoh selepas istana, dululah Istana Negara 30kmph, 30lah. Kereta saya 4,800cc, macam tidak berjalan Tuan Pengerusi. Kalau di situ letak AES pasti kena saman semua, pasti kena saman semua. *Suddenly* kita *brake,* orang belakang akan sodok kita. Ini- sebab itu saya hendak bertanya macam mana dia orang meletakkan- tiba-tiba kita jalan, dia kata 40, selepas itu naik 60, naik 90 turun balik 40. Ini kerja apa ini. Macam mana boleh suka-suka 110. Tempat 110 AES tidak letak pula. Kemudian had laju ini boleh tidak naikkan kepada 130...

Beberapa Ahli: Sokong!... *[Tepuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Naik *highway*. Hari ini kerana ketakutan AES, JKR buat jalan yang baik antara yang terbaik, lebuh raya kita, terbaik. Sudah tidak ada nikmat kita *drive* di lebuh raya ini. Ini kerana, asyik tengok keliling bila kamera ini menyebat kita punya duit saman. Tidak ada nikmat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *Kancil* boleh 130, Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, jadi. Bayangkan itu *Kancil*, kalau saya punya kereta 4,800cc dan kereta-kereta mewah. Saya ini kereta syarikat yang pinjamkan saya, bukan kereta saya. Kereta anak syarikat TNB. Sebagai Pengerusi dapatlah kemudahan itu. Jadi macam mana ini, 30, 40 kalau di taruh AES situ, ribuan orang di saman. Ribuan Tuan Pengerusi. Jadi saya minta boleh tidak lebuh raya 130. Barulah rasa - ini ada *Mercedes*, ada BMW apa lagi kereta-kereta yang mewah-mewah inikan? *Ferrari*, apa lagi? *Porsche*. Kucing belang, macam-macamlah nama kereta. Jadi cuba semak balik.

Tuan Pengerusi, saya biasa pergi Beijing dan juga Shanghai. Ini soal jem. Kalau kita letak sebarang-sebarang ini Tuan Pengerusi, Shanghai 19 juta penduduk, tidak jem dalam bandar rayanya. Shanghai – 19 juta, Beijing – 15 juta. Tidak *jam* bandar rayanya. Jadi kenapa kita tidak hendak belajar dengan negara-negara sahabat-sahabat kita di seluruh dunia ini.

Jadi saya haraplah kalau dapat kelajuan ini harus agaknya munasabahlah. Saya pun tidak faham, saya dari selatan sampai sahaja di Ayer Keroh, ini 110 ini, sampai sahaja di Ayer Keroh - 90. Apa hal! Apa hal!. Tidak ada apa-apa bezanya sampai sahaja di Ayer Keroh 90. Letak situ AES kena saman Tuan Pengerusi. Lepas itu turun lagi 80 pula. Hendak sampai Seremban, lepas Seremban itu hendak sampai tol 60 pula. Ini apa cerita ini, main letak-letak sahajakah? Main letak-letakkah.

Jadi tolonglah, saya kalau hendak bahas ini ada orang kata, *"Oh, kemalangan berganda hari ini"*. Memang berganda. Dibandingkan tahun 2001 dengan 2012 memang berganda. Tahun 2001 kereta mungkin atau kenderaan lima juta. Hari ini sudah 19 juta kereta, bergandalah. Jadi ukuran kita kadang-kadang kita mengukur ikut kita punya selera. Kemudian jawapan kita, hujah kita ikut kita punya tekak. Kita punya selera. Janganlah, rakyat Malaysia ini merantau satu dunia. Bijak pandai, dapat membuat perbandingan. Jadi soal jalan raya ini janganlah. Jalan raya menjadi sebab kita sama kita bergaduhlah Tuan Pengerusi. Jadi saya sebenarnya hendak cakap ada satu perkara, tetapi bukan kementerian ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi itulah ada dua perkara yang saya sampaikan. Tuan Pengerusi ucap terima kasih atas kebenaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Saya hendak maklumkan akan panggil sehingga 3.30 petang nanti. Yang Berhormat Kelana Jaya.

3.15 ptg.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Apabila saya membawa cadangan untuk menukar sistem lampu isyarat dari empat fasa ke dua fasa di persimpangan antara LDP dan NPE, JKR Selangor memberi kerjasama penuh mereka. Hasilnya tempoh ujian fasa dua ini telah bermula bulan lepas. Keadaan trafik terdapat peningkatan yang jelas. Akan tetapi kita mesti berjaga-jaga untuk mengesan dan menangani sebarang masalah yang mungkin timbul. Untuk ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada JKR Selangor. Apabila ada perbincangan dan rundingan di antara semua pihak, perkara-perkara yang bagus sentiasa boleh dicapai.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 31000 dan Butiran 41000. Trafik jam harian di lampu isyarat di Jalan Kewajipan yang amat teruk. Lebuh raya bertingkat menuju ke Jalan Kewajipan hanya berjaya untuk menambah kesesakan di *junction,* Jalan Kewajipan dengan lebih cepat. Malah lebuh raya bertingkat perlu dilanjutkan selepas lampu isyarat ke USJ langsung. Ini akan membantu mengurangkan kesesakan di Jalan Kewajipan.

Saya berharap kementerian boleh mengkaji kemungkinan untuk melanjutkan lebuh raya bertingkat ini sampai ke USJ. Kalau berjaya ini akan membantu membaiki keadaan trafik dan menjadikan kehidupan lebih mudah untuk beratus-ratus ribu orang yang tinggal di USJ, Sunway dan Subang Jaya. Dengan ini terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lubok Antu.

3.17 ptg.

Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk dua butiran iaitu Butiran 09260 dan Butiran 19280. Saya adalah seorang yang sentiasa kerap menggunakan jalan raya, berulang alik ke kawasan saya iaitu dari Kuching ke Lubok Antu. Jadi saya melihat dan perhatikan bahawa di Sarawak faktor kemalangan adalah bukan kesilapan manusia, tapi ialah banyak jalan-jalan raya selekohnya tajam. Lebih-lebih lagi apabila sampai ke jambatan. Contohnya Jambatan Lubuk Tedung, jambatan di Wong Pedong, jambatan Sekerang. Apabila jalan sampai sana selekohnya begitu tajam. Di sana selalunya berlaku kemalangan. Saya mohon supaya selekoh-selekoh tajam ini diperbetulkan oleh pihak kementerian.

Kedua, iaitu pembinaan jalan dari Lemanak ke Hulu Engkari. Setakat ini kerajaan telah membina 16 klon sahaja tetapi jarak jalan tersebut ke Ulu Engkari adalah 46 kilometer. Ini bermakna sebanyak 30 kilometer lagi perlu dibuat. Saya mohon supaya pembinaan jalan ini dari Lemanak ke Ulu Engkari diteruskan dalam *Fourth Rolling Plan* RMK10.

■1520

Ketiga, iaitu pembinaan jalan dari Lubok Antu ke Angkelili iaitu jalan kedua Engkili ke Lubok Antu. Setakat ini jalan yang ada *missing link* dari Lubok Antu ke Angkelili, sampai ke Changkul. Changkul sampai ke Angkelili, kawasan itu masih jalan batu dan becak. Saya mohon supaya jalan ini dapat dinaiktarafkan dalam *Rolling Plan* Keempat RMK10. Itu sahaja, sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri.

3.20 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang. Saya merujuk kepada maksud B.27 Butiran 050800 - Pengurusan Projek. Berhubung projek pembinaan di Kompleks Penghulu Mukim Air Hitam, Bakri seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Walaupun pembinaan ini mengguna pakai reka bentuk yang standard di seluruh negara namun, pihak JKR sepatutnya mempertimbangkan keadaan tanah di kawasan tersebut untuk mengelakkan daripada projek ini daripada tertangguh ekoran keadaan tanah gambut yang sering mendap.

Semakan Audit mendapati tiada laporan kesesuaian tapak bangunan atas tanah gambut dinyatakan dalam laporan juruteknik selepas siasatan tanah dilakukan sebelum proses sebut harga dimulakan. Ketiadaan laporan ini telah menyebabkan kos membina dewan ini meningkat sebanyak 71.4 peratus. Saya meminta penjelasan kementerian mengapa laporan tersebut tidak dikemukakan sebelum sebut harga bermula?

Selain itu, saya ingin merujuk Butiran 070100 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan. Berhubung ketiadaan lampu jalan di Muar Bypass. Sepatutnya kementerian mempertimbangkan untuk memasang lampu jalan di sepanjang jalan ini atas sebab keselamatan pengguna jalan raya. Jalan ini sangat gelap di waktu malam dan di kawasan dengan had laju 90km sejam adalah berbahaya kepada pengguna lalu lintas. Saya mohon pihak kementerian untuk mempertimbangkan pemasangan lampu jalan di sepanjang Muar Bypass.

Saya merujuk Butiran 040500 – Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan. Berhubung tembok pengadang hakisan di Taman Rekreasi Tanjung Emas, Muar yang sering mengalami keruntuhan sehingga telah beberapa kali projek membaik pulih dilakukan. Mengapa perkara ini boleh berlaku? Berapakah kos membaik pulih yang telah digunakan sepanjang tempoh ini? Apakah tidak ada kajian rapi yang dilakukan bagi memperoleh keputusan jangka panjang. Kawasan tembok pengadang hakisan tersebut juga merupakan laluan pejalan kaki di taman rekreasi tersebut. Kajian keruntuhan walaupun kecil berupaya menyebabkan kecederaan dan kemalangan kepada rakyat yang mengunjungi kawasan tersebut. Saya mohon pihak kementerian memperjelaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Selangor. Selepas itu, eh, ramai pula ini. Ya, sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

3.24 ptg.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana sudi memberi peluang, saya akan cuba meringkaskan ucapan saya. Saya hanya ada lima Butiran sahaja.

Pertama, Butiran 010300 – Pembangunan. Sebanyak 17,172km jalan diselenggarakan oleh kementerian. Kebanyakan daripada jalan-jalan ini adalah jalan Persekutuan. Ada juga kita dapati jalan-jalan persekutuan ini juga ada jalan-jalan bahaya, jalan yang ada kemalangan sering berlaku. Saya harap pihak kementerian boleh menambahkan lagi lampu-lampu jalan di kawasan-kawasan yang di mana ada kemalangan yang sering berlaku di sana.

Seterusnya, dalam Butiran 030100 – Cawangan Jalan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kerja Raya kerana di Hulu Selangor kita kini sedang melihat dengan rancaknya Lebuhraya Interchange Sungai Buaya sedang siap dibina. Pada masa yang sama juga, jalan Kampung SK Siti Mah - Pekan Bukit Beruntung juga hampir-hampir siap. Kedua-dua projek ini juga *ahead of schedule,* dengan izin. Ini menunjukkan bukan sahaja pihak kementerian, pegawai-pegawai di Jabatan Kementerian Kerja Raya tetapi juga syarikat-syarikat yang terlibat dalam membina jalan ini juga memastikan semua kerja yang bersangkut paut dengan jalan raya ini dijalankan dengan masa yang tepat dan begitu baik.

Saya hanya beberapa perkara yang bersangkut paut dengannya. Satu, Lebuhraya Interchange ini apabila siap, dijangka akan ada 100 ribu pengguna yang akan menggunakan lebuh raya ini keluar daripada kawasan Serendah, Sungai Choh, Kampung Kos, Sungai Buaya. Akan tetapi masalahnya jalan persekutuan yang menuju ke lebuh raya ini masih kecil, hanya dua lorong sahaja. Kalau kita tidak melebarkan jalan ini, maka akan ada satu lagi masalah yang akan kita hadapi. Oleh demikian, saya harap kementerian dapat melakukan sesuatu supaya jalan itu juga dapat dinaiktarafkan semasa atau dalam proses pembaikan jalan projek lebuh raya *interchange* ini.

Pada masa yang sama, projek pelebaran jalan FT001 dari Rawang ke Tanjung Malim telah disebutkan beberapa kali. Saya dimaklumkan oleh kementerian awal dahulu bahawa ia akan dilaksanakan. Saya harap ia juga dapat disegerakan untuk membantu kesesakan lalu lintas dapat dikurangkan. Pada masa yang sama Tuan Pengerusi, saya juga ingin- cuba kementerian mencari satu kaedah. Saya tahu ini mungkin satu dari segi dasar dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi projek lebuh raya *interchange* Sungai Buaya ini merupakan satu tanggungjawab, sebenarnya bukan Kementerian Kerja Raya tetapi mereka membantu rakyat Hulu Selangor. Ini kerana projek ini sebenarnya janji pemaju kawasan perumahan Bandar Sungai Buaya beberapa tahun lalu.

Akan tetapi Kementerian Kerja Raya, Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyelamatkan penduduk-penduduk di sana dengan membantu membina janji yang telah ditepati oleh orang lain. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional menepati janji, membantu rakyat Hulu Selangor. Saya harap satu dasar dapat diwujudkan oleh Kementerian Kerja Raya dan juga Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan. Yang mana sekiranya satu kawasan perumahan di bina, jalan-jalan ini harus ada dahulu sebelum kita memulakan projek itu sendiri.

Peningkatan kawasan *rest and recreation,* dengan izin, di Lebuh Raya Utara Selatan harus ditingkatkan. Ini kerana pada musim perayaan, semua *rest and recreation area* ini, dengan izin, penuh dan saya rasa harus ditambahkan.

Seterusnya, Butiran 030600 – Cawangan Kerja Pendidikan dan Pengajian Tinggi. Mohon penjelasan, setakat ini berapa projek yang telah dilaksanakan di Parlimen Hulu Selangor dalam Butiran 030600 ini? Pada masa yang sama, saya hendak ucapkan syabas kepada Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Selangor yang telah banyak membantu mengatasi masalah-masalah penduduk dari semasa ke semasa. Bukan sahaja jurutera yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Padang Serai tetapi jurutera-jurutera di Parlimen Hulu Selangor kerana telah banyak membantu. Saya rasa semua kakitangan awam terlibat di Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cara terbaik.

Seterusnya, Butiran 040700 – Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga. Sebanyak 26 jalan lestari telah dilaksanakan dan 34 jalan dianggarkan. Tahniah kepada kementerian kerana inilah, dengan izin, *the way forward* yang mana dengan ini kita dapat mengurangkan *carbon foot print*. Ini merupakan satu pendekatan yang baik.

Terakhir, Butiran 080500 – Bayaran Pampasan Tol. Satu langkah yang bijak, saya sendiri telah mendapat banyak pampasan daripada pihak Plus kerana menggunakan Lebuh Raya Utara-Selatan dengan kerap kali. Satu langkah yang bijak yang dapat membantu ramai pengguna lebuh raya. Soalan saya, berapa ramai pengguna yang telah menikmati bayaran pampasan ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang terakhir, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Paya Besar, selepas itu Yang Berhormat Wangsa Maju. Selepas Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kuala Selangor Tuan Pengerusi, dua minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada masa Yang Berhormat, boleh tumpang Yang Berhormat Serdang.

■1530

3.30 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Okey. Boleh, boleh. Saya ringkas sahaja. Saya cepat-cepat supaya rakan saya yang lain boleh ambil bahagian. Butiran P.27 ini tentang Butiran 51000 – Pelbagai Pembinaan (Projek Baru). Saya hendak tanya tentang rancangan untuk membina sebuah terowong yang menggabungkan yang menghubungkan Taman Kajang Utama dengan Bandar Kajang. Saya rasa ini bekas Menteri Kerja Raya telah janji untuk membina sebuah terowong pada tahun 2004 semasa beliau merasmikan Lebuh Raya SILK. Akan tetapi sampai hari ini walaupun sudah saya rasa lapan tahun, sampai hari ini janji ini belum ditepati. Jadi saya hendak tanyalah Timbalan Menteri ataupun Menteri yang jawab, apa status terkini?

Selain daripada itu, saya juga hendak tanya tentang permintaan penduduk-penduduk Taman Bukit Mewah Fasa 7 yang sudah lama meminta kementerian untuk membuka jalan keluar masuk dari Lebuh raya SILK ke Fasa 7 Taman Bukit Mewah. Saya rasa memanglah jalan keluar masuk ini di bawah di dalam rancangan MPKJ iaitu *local council*. Akan tetapi sampai hari ini jalan keluar masuk ini belum dibukakan lagi kerana atas alasan bahawa syarikat Lebuh raya SILK mereka membantah cadangan ini kerana ikut mereka akan mengakibatkan kebocoran tol. Akan tetapi saya rasa setakat ini penduduk-penduduk di Taman Bukit Mewah Fasa 7, mereka terpaksalah tanpa jalan keluar masuk ini mereka terpaksa untuk menempuh jalan sejauh 4.2 kilometer dan mereka juga perlu membayar tol sebanyak RM1. Jadi saya rasa ini memang telah banyak menyusahkan penduduk-penduduk di tempat itu. Jadi saya harap sekiranya kerajaan ini memang sebuah kerajaan yang mengutamakan rakyat, janganlah sahaja menjaga poket atau keuntungan syarikat konsesi. Silalah menjaga kepentingan rakyat juga.

Selain daripada itu, saya juga hendak tanya tentang status untuk membina sebuah persimpangan bertingkat di Lebuhraya MEX. Menurut makluman yang telah diumumkan pada Mac tahun ini, memang kerajaan akan membina satu persimpangan bertingkat di Lebuhraya MEX. Di Taman Equine sana. Saya mengalu-alukan usaha ini tetapi pada masa yang sama saya juga ingin menyeru kerajaan supaya mempertimbangkan lagilah. Janganlah membina satu tol yang perlulah kutipannya sebanyak RM2.20. Saya rasa kutipan ini mahal sangat. Jangan jadi – untuk penduduk di Serdang ini memang satu beban yang amat berat. Ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Serdang dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sekadar mahu menyambut sedikit atas keprihatinan kerajaan juga saya minta pihak kementerian untuk mempertimbangkan di Kuala Selangor Jalan Persekutuan, Sungai Buloh - Kuala Selangor, dari Simpang Empat, Puncak Alam yang menghala ke Ijok, Simpang Tiga hala ke Sungai Buloh dan terus ke hadapan Desa Coalfields itu supaya laluan ini yang didiami oleh penduduk-penduduk dengan kepesatan pembangunannya di Alam Perdana, Alam Jaya, Alam Mutiara, Saujana Utama, Taman Desa Coalfields.

Yang Berhormat Serdang ya, kalau boleh saya minta Yang Berhormat juga untuk memasukkan bagaimana laluan jalan persekutuan ini sudah sengkak, ya *choke,* dengan izin. Maka kita minta kementerian untuk melebarkan, menaik taraf kepada empat lorong sesuai dengan kepesatan pembangunan Majlis Daerah Kuala Selangor yang sedikit masa lagi akan menjadi perbandaran. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih saya ucapkan kepada rakan saya daripada Serdang. Perkara yang sama saya rasa saya telah bangkitkan 1,000 kali dalam Dewan inilah.

Menteri, ada ingat? Puchong macam mana? Kita punya tol sampai sekarang tidak boleh selesai. Apa ini? Tuan Pengerusi kita datang ke Dewan, saya rasa kita tanya soalan sampai tak boleh habislah. Itu satu, saya hendak jawapan, ya. Kalau boleh beri jawapan, apa usaha yang telah pun di ambil untuk mengatasi masalah tol di kawasan Puchong. Nombor dua, ini penting. Di kawasan Taman Equine, Yang berhormat Timbalan Menteri saya harap dengar baik-baik ya. Masalah jalan di situ cukup teruk. Kita lihat banyak jalan berlubang dan sebagainya. Masalah ini juga pun telah kita kemukakan.

Baru-baru ini terdapat kematian akibat orang yang membawa motosikal langgar lubang tersebut, semasa hujan tidak boleh lihat dan beliau sekarang dalam ICU sekarang ini. *So* ini menjadi isu yang kita bangkitkan ya. Jadi saya hendak tahu, apakah usaha kerajaan untuk menaiktarafkan jalan di kawasan Puchong khususnya di mana kita lihat kawasan Puchong orang bayar banyak untuk menggunakan jalan raya. *So* mereka ini harap bahawa jalan raya di kawasan tersebut itu memang jalan raya yang boleh kita katakan *outstanding standard*, ya. *So* saya harap saya dapat satu penjelasan. Kalau boleh dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat Serdang. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Ya.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Serdang, minta sedikit jalan Yang Berhormat Serdang,

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta Yang Berhormat Serdang juga bawa rayuan saya kepada Menteri, ya. Dua sahaja. Pertama, Jambatan Merdeka yang merentangi Sungai Kuala Muda di antara Pulau Pinang masuk ke Kedah. Jambatan itu sudah siap lebih daripada tiga tahun. Akan tetapi lampu jalan bila masuk sahaja ke Kedah, tak menyala pun tiga tahun. Bila kita tanya kenapa lampu jalan tak menyala, sebelah Kepala Batas menyala elok, sebelah Sungai Petani gelap gelita, dia cakap sebab suis itu ada sebelah Pulau Pinang. Jadi orang Kedah tak boleh hendak *on* suis dia. Jadi saya mintalah, banyak kali sangat minta ini supaya orang Pulau Pinang pergi *on*lah suis itu supaya yang sebelah Kedah menyala. Itu yang pertama Yang Berhormat Serdang.

Kedua Yang Berhormat Serdang, saya minta juga supaya JKR kaji balik *road sign* ini. Kadang-kadang ada *road sign* yang berbahaya Tuan Pengerusi. Contohnya yang *exclamation mark* itu, dia punya itu *rectangle.* Baru-baru ini, ada orang naik motor, *sign* itu dia lekat dekat *traffic light*, dia *miss* jalan, dia cocok perut kawan itu dengan *road sign* itu. Jadi takut-takut nanti kena saman. Jadi saya kata jangan saman. Ini biar MP selesaikan. Jadi hal itulah saya hendak fikirkan Yang Berhormat Serdang supaya *road sign* itu kita kaji balik. Kalau yang bulat itu tidak apalah tetapi yang tajam cocok orang kena mata kah apa, dia loghat itu. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Serdang boleh pertimbangkan. Terima kasih.

Seorang Ahli: Loghat.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Loghat, loghat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sekarang saya tidak boleh timbang tetapi saya harap bahawa Timbalan Menteri atau Menteri bolehlah mempertimbangkan segala cadangan yang dikemukakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai pun bangun Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Ya, terakhirlah... *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Serdang. Saya minta satu sahaja. Di dalam Kementerian Kerja Raya ini minta dibuatkan suatu pemberian token RM10 dimasukkan untuk suatu Projek lebuh Raya Kuala Krai-Kota Bharu supaya dalam masa enam bulan bila kita tukar pemerintahan, mudah kami buat kerja... *[Ketawa]* Terima kasih

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Okey. Tuan Pengerusi, saya sambung satu isu lagi. Saya rasa bukan sahaja di Kuala Selangor ada tempat yang perlu naik taraf tetapi saya juga harap bahawa kementerian ini boleh menaik taraf Jalan Persekutuan 3215 Seri Kembangan yang merangkumi Jalan Putra Permai dan Jalan Besar Seri Kembangan.

Setakat ini trafik harian adalah sebanyak 30,000 kenderaan sehari dan saya rasa memang kementerian ada cadangan untuk membina empat buah persimpangan bertingkat yang jumlahnya RM60 juta di Seri Kembangan. Jadi saya hendak tanya di sini, bila projek ini akan dijalankan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Seri Kembangan. Setakat ini sahaja. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Paya Besar.

3.39 ptg.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 070100 – penyelenggaraan jalan persekutuan, Butiran 60000 – naik taraf jalan raya dan laluan, Butiran 70000 – projek memperelok jalan-jalan, Butiran 71000 - memperelok dan membaik pulih jalan (projek baru). Tuan Pengerusi, seperti mana butiran yang disebutkan itu, salah satu objektif kementerian dalam hal menyelenggarakan jalan persekutuan ialah memperkasa rangkaian jalan persekutuan antara koridor dan bandar utama di seluruh negara dan memperkukuhkan rangkaian jalan persekutuan ke pusat pertumbuhan di luar koridor.

■1540

Soalnya sekarang ialah bila orang sebut pasal jalan raya, orang akan ingat bertapa banyaknya jalan berlubang dan tidak rata. Ini masalah yang berterusan. Jadi saya pohon kepada kementerian supaya meningkatkan peruntukan penyelenggaraan rangkaian jalan raya persekutuan demi keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna jalan raya di sini.

Saya tidak pasti peruntukan di bawah Butiran 070100 sebanyak RM50 juta memadai bagi seluruh negara. Kalau kita lihat di kawasan saya yang menghubungkan dari Gambang ke Kuantan yang pasti melalui kawasan Paya Besar, banyak sangat jalan yang tidak rata dan merbahaya.

Saya amat berharap kementerian memberi keutamaan dalam mengagihkan peruntukan supaya usaha ke arah menaik taraf rangkaian jalan raya persekutuan ini. Saya juga ingin mengemukakan pertanyaan kepada kementerian apa sudah jadi dengan jalan dari Indera Mahkota....

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Paya Besar.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: ...Ke Kampung Tanjung Pasir.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Boleh tumpang sedikit?

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Sekejap-sekejap.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Tumpang sedikit.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Sekejap-sekejap- Yang terbengkalai hingga ke hari ini. Keduanya, begitu juga Jalan Sungai Lembing ke Jerantut. Inilah saya tekankan dalam ucapan semasa kita...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Berbahas di peringkat dasar. Sila.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sebenarnya apa yang kita perhatikan memang betul bahawa apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi mengenai dengan lubang sana-sini.

Kita dapati misalnya di Bagan Serai iaitu Kampung Dew ke Simpang Empat di Parit Buntar, di situ memang terdapatnya *crocodile track,* kita dapati lubang dan juga jalan yang beralun. Saya ingat silalah, kalau kita boleh dapatkan, tolong panggilkan semua sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada buaya Yang Berhormat? Buaya tidak ada?

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Memang bahaya. Buaya punya *track* ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Saya masuk sekali dalam ucapan saya. Sila Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi bila disebut jalan daripada Sungai Lembing ke Jerantut, jadi saya mohon supaya jalan itu juga dipanjangkan ke Kuala Lipis melalui sebelah kanan sungai kalau kita menghadap ke hulu. Sebelah kanan. Jalan yang sudah ada untuk ke Lipis adalah di sebelah kiri sungai tetapi ini sebelah kanan sungai supaya tanah-tanah yang ada di kawasan tersebut dapat dibuka dan dimajukan.

Begitu juga saya hendak minta supaya Yang Berhormat Paya Besar ini bertanya juga mengenai jalan yang dicadangkan daripada Kuala Lipis ke Kemaman. Bagaimana status pembinaan jalan tersebut? Masih dalam perancangan ataupun akan dilaksanakan? Bila hendak dilaksanakan? Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Kementerian, sekali lagi saya hendak tekankan berhubung dengan jalan Sungai Lembing ke Jerantut. Ia telah disahkan kelulusannya pada tahun 1986 lagi. Semasa membentangkan RMKe-10 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan jalan ini.

Jadi, saya difahamkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya bahawa pihak kementerian sekarang ini tidak meneruskan jalan Sungai Lembing ke Jerantut tetapi telah mengalihkan peruntukan ini kepada jalan daripada Lipis ke Kemaman. Minta ditekankan sangat berkenaan jalan Sungai Lembing ke Jerantut ini. Saya difahamkan sebanyak RM23,000 dibelanjakan bagi setiap satu kilometer jalan raya setiap tahun. Akan tetapi setiap masalah yang paling ketara di jalan-jalan persekutuan ini ialah setiap kali dibaiki atau diselenggarakan, tidak sampai dua bulan jalan kembali rosak.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Menteri, bagaimana dengan peruntukan RM18 juta yang telah diluluskan bagi meninggikan 23 *spot* jalan rendah dari Kuantan ke Sungai Lembing yang sentiasa dinaiki air? Saya ingin bertanya apa teknologi yang kita pakai dalam memperbaiki jalan-jalan tersebut? Apakah sistem penyelenggaraan yang kita laksanakan selama ini? Saya juga ingin bertanya apakah ada teknologi penurapan jalan raya yang mampu..

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Paya Besar.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Sekejap sahaja. Mengurangkan kesan kerosakan jalan raya akibat banjir lebih-lebih lagi sekarang ini sudah mula musim banjir. Sila.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya hendak tumpang Yang Berhormat Paya Besar iaitu dekat kawasan Tebrau juga iaitu Jalan Tebrau. Ada satu tempat yang menjadi *bottleneck* iaitu ada satu jambatan dekat Kampung Baru Pandan yang begitu sempit dan sudah lama digunakan. Oleh kerana dia hanya ada dua *lane* jadi ia sudah merupakan satu *bottleneck* untuk memperlahankan lalu lintas. Jadi, saya harap JKR akan mengambil tindakan secepat mungkin untuk meluaskan jambatan itu.

Pada masa ini dekat simpang Jalan Tebrau dan Jalan Tampoi, pekerjaan untuk menaik taraf itu terlalu perlahan. Itu sudah menimbulkan rintihan banyak dari kalangan rakyat. Jadi, saya harap JKR memantau dan juga memastikan kerja naik taraf Jalan Tebrau itu boleh dipercepatkan lagi. Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Saya masuk di dalam ucapan saya ya? Di samping itu saya juga ingin tahu mengenai pemasangan lampu jalan menggunakan teknologi diod pemancar cahaya- LED, yang dapat memberikan kecerahan dan pencahayaan lebih baik, mesra alam dan mempunyai jangka hayat tiga kali ganda lebih lama daripada jangka hayat lampu jalan sedia ada.

Sebut fasal lampu jalan ini, Jabatan Kerja Raya di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Kuantan, bersetuju meluluskan RM80,000 bagi pemasangan lampu jalan dari kilometer 14 Jalan Kuantan-Gambang ke simpang FELDA Pancing. Akan tetapi sehingga sekarang ini nampaknya tidak terang lagi. Jadi, saya hendak tahu setakat mana penggunaan LED di jalan-jalan persekutuan terutama di kawasan Parlimen Paya Besar itu sendiri.

Masih mengenai jalan, apakah kementerian membuat kajian mengapa setiap kali musim perayaan muncul, keadaan jalan raya terlalu sesak? Adakah kajian untuk mewujudkan jalan-jalan alternatif bagi menangani masalah kesesakan pada waktu musim perayaan? Pohon penjelasan. Jadi, saya berharap kementerian melihat semula lokasi jalan-jalan di peringkat persekutuan, negeri, luar bandar dan kampung bagi *recommend* dengan izin, kepada Kementerian Pengangkutan berhubung kadar kelajuan kenderaan yang sesuai sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

3.48 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk merujuk kepada Maksud Bekalan 27 – Kementerian Kerja Raya dan juga.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Wangsa maju. Boleh mencelah?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Apa ini? Saya pun belum hujah lagi. Belum hujah lagi sudah hendak celah.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Bolehlah mencelah? Oleh sebab benda ini ada sesuatu yang mustahak sangat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan tetapi kawan punya fasal. Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jiran itu.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih. Jiran. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Wangsa Maju kerana memberi peluang sebab sudah tidak ada peluang jadi mencelah sahaja. Yakni mengenai dengan satu isu yang... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: *Microphone, microphone.*

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Cukup berat sebab surat sudah pun dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Cawangan Jalan pada 15 Disember 2008. Sudah lama, mengenai dengan permohonan melebarkan jalan di kilometer 52 Butterworth-Ipoh di atas jambatan FT001/709/40 di kawasan Sungai Bogak, Bagan Serai.

■ **1550**

Mengikut laporan yang diberikan oleh pihak cawangan Senggara Fasiliti Jalan iaitu memberi- saya *quote* apa yang dinyatakan di sini, "Pejabat ini menyokong permohonan Yang Berhormat pada 20 Oktober 2008." Mereka jawab bahawa memandangkan bahawa jambatan ini telah gagal dari segi *functional obsolescence and condition rating abutment* pada tahap empat. Ini penting dari segi keselamatan kepada pengguna jalan raya. Jadi sampai bila kita nak tunggu? Adakah bila sudah runtuh jambatan itu baru hendak buat? Fikirkan itu. Itu yang saya mohon. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Wangsa Maju. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Tuan Pengerusi, saya terpaksa masukkan dalam ucapan saya. Akan tetapi sudah seperti berhujah dan bukannya mencelah. Tidak apalah, kawan punya pasal.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada butiran 050300 – Cawangan Pengurusan Korporat dan 050800 – Pengurusan Projek. Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa JKR ini telah tubuhkan satu badan iaitu CIDB untuk mengeluarkan lesen kepada pembina-pembina dalam negara. Semua pembina atau *developer* dalam negara ini, kalau hendak mendapatkan lesen perlu membayar 1.25 peratus daripada harga projeknya. *One and quarter percent of the project price* dan tujuan CIDB ini bukannya hendak keluarkan lesen. Dia hendak gunakan tabung ini untuk buat *training* kepada pekerja-pekerja pembinaan (*construction workers*) untuk beli *plying* seperti tukang kayu, tukang simen dan juga hendak membawa teknologi baru untuk industri pembinaan.

Nampaknya pada masa sekarang, CIDB ini tidak pernah dengar pun ada apa latihan-latihan ini? Tidak ada langsung. Pernahkah Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini dengar CIDB ada buat apa-apa latihan untuk program untuk *improve* industri pembinaan di negara kita. Tidak ada. Kita baru dengar baru-baru ini kerana mereka dapat dana tabung ini adalah sangat besar. Bayangkanlah 1.25 peratus kepada harga projek. Beratus-ratus juta ringgit. Sekurang-kurangnya mesti ada RM10 juta hingga RM20 juta. Berapa projek dalam negara? Dalam Kuala Lumpur memang makan tidak habis. Oleh kerana itulah mereka ini boleh dikatakan sekarang jadi *developer* mereka sendiri. Sudah salah daripada objektif-objektifnya. Jadi *developer.* Baru-baru ini saya baca dalam surat khabar kata buat *developer* di India dan negara lain.

Ini sudah salah objektifnya. Pengutipan wang tabung ini bukan untuk jadi *developer...*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, sikit sahaja.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sila, Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya terpaksa kena bangun dan hendak memperbetulkan sikit Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Okey.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ini kerana pejabat CIDB ini sebelah pejabat saya di *Grand Season.* Sudah lama dan saya tahu aktiviti mereka dan apa yang mereka buat dan peningkatan mutu apa yang mereka kawal selia dari segi bidang pembinaan. Memang ada kebaikannya. Cuma mungkin Yang Berhormat tidak tahu kerana mereka ini tidak ada publisiti. Akan tetapi itu yang sebenarnya *because I think that is the fact that I have to correct. Thank you very much.*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Dia menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi lebih baik kita dapatkan jawapan dari Yang Berhormat Menteri untuk lebih tepat kerana kita tidak pernah dengar kata ada mereka memainkan peranan mereka untuk menambahbaikkan kepada industri pembinaan. Ini kerana dana ini dikutip bukan untuk *development.* Dana ini dikutip untuk menambahbaikkan teknologi dan juga mutu pekerja pembinaan.

Saya tidak boleh setuju mereka ini jadi *developer* kerana tujuan ini bukan untuk mereka jadi *developer* dan tabungnya sekarang ini amat besar. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri beri maklum kepada Dewan ini, siapa yang jadi pengerusi untuk CIDB ini. satu. Badan CIDB ini, apakah kawalan yang JKR tetapkan untuk mengawal supaya dana-dana tersebut tidak boleh disalahgunakan. Itu kedua.

Ketiga, berapakah jumlah dana ini pada hari ini? Berapa jumlahnya dalam tabung ini? Kita hendak tahu juga.

Keempat, saya hendak tahu sama ada tabung ini telah diaudit oleh Ketua Audit Negara ataupun dia di luar kawalan Audit Negara. Ini satu perkara yang amat serius. Kita ada dana tetapi kita kena ada kawalan.

Terakhir adalah kalaulah mereka tidak menjalankan tugas mereka ataupun sudah tidak boleh melaksanakan objektif-objektif mereka dengan sempurna dan mereka tidak mampu, kita berhentikan tabung ini kerana kita tidak perlu lagi hendak dapatkan lagi dana yang banyak. Terakhir, saya terlupa hendak masukkan juga. Saya hendak tahu, berapakah projek-projek *development* (pembinaan) yang mereka terlibat di dalam negeri dan di luar negeri dan berapakah jumlah setiap projek ini.

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu jawapan yang baik di sini sebab ini isu amat serius juga yang kita hendak kawal dan kita tidak mahu nampak ada salah guna kuasa atau salah guna tabung ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 26 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2013 di bawah Maksud Bekalan dan Pembangunan 27 – Kementerian Kerja Raya. Bukan sahaja 26 orang Ahli Yang Berhormat berucap, ada juga 16 orang Ahli Yang Berhormat mencelah atau tumpanglah. Tumpang. Jumlahnya 42 orang Ahli Yang Berhormat telah pun memberikan sumbangan mereka. Antaranya saya sebut yang berucap ini ialah Yang Berhormat Pokok Sena, anak saudara saya... *[Ketawa]*

Dato' Yong Khoon Seng: Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Rambut samalah Yang Berhormat. Warna rambut itu sama sikit... *[Ketawa]*

Dato' Yong Khoon Seng: Ya. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Jempol. Itu yang kelima belas.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak saya tolong Yang Berhormat? Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Yong Khoon Seng: Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Sri Gading- *my brother* itu, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Serdang. Duduk di sebelah memang tumpang cakap sahaja. Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Wangsa Maju...

■1600

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang mencelah tidak sebut?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Dato' Yong Khoon Seng: Okey, ada yang sudah berucap dan mencelah lagi. Itu saya sebut.

Yang mencelah iaitu Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Bagan Serai dua kali dan Yang Berhormat Pasir Mas sudah berucap lagi, tumpang berucap lagi. Yang Berhormat Putatan yang sudah bercakap pun tumpang lagi. Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Beaufort dan juga Yang Berhormat Bukit Mertajam sudah berucap dan tumpang lagi. Sudah berapa kali berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat selepas sebut nama Yang Berhormat itu tidak payah jawab lagilah Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Dato' Yong Khoon Seng: Saya akan cuba untuk jawab. Saya memang tahu kita ada satu kementerian lagi akan dibahaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itulah.

Dato' Yong Khoon Seng: Saya cuba percepatkan dan apa yang saya tidak dapat menjawab, saya akan jawab secara bertulis. Saya selalu tunaikan janji saya. Betul tidak? Saya tidak lupa, saya memang kasi jawapan. Okey, saya *skip* banyak lagi.

Kita dari Kementerian Kerja Raja diperuntukkan RM3.7 bilion untuk pembangunan dan sebanyak RM3 bilion atau 82.2 peratus diperuntukkan kepada projek-projek sedia ada yang sedang dalam pelaksanaan. Itu bermaksud *continuing project,* dengan izin. Manakala bakinya sebanyak RM660.4 juta atau 17.8 peratus adalah bagi pelaksanaan projek-projek baru.

Secara umunya, butiran projek dalam buku belanjawan mengandungi lima digit dengan tajuk-tajuk projek yang tertentu. Bagi projek jalan raya dan jambatan Semenanjung ialah bermula dengan Butiran 02500 sehingga 90000. Butiran 08280 hingga 08600 adalah untuk projek-projek jalan di negeri Sabah. Manakala Butiran 09230 sehingga 09800 adalah untuk projek-projek jalan di negeri Sarawak. Butiran ini merupakan kesinambungan daripada *Rolling Plan* Rancangan Malaysia yang sebelumnya.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan terdahulu, beberapa projek baru seperti naik taraf jalan dari Sepilok ke Kalabakan dan membina jalan *Segama Northern Bypass,* Lahad Datu, Sabah atau dikenali *Northern POIC Link Road* telah diluluskan di bawah butiran baru iaitu Butiran 08280 – Pembinaan Jalan-Jalan (1). Memandangkan tempoh pelaksanaannya yang panjang, projek-projek ini telah disambung pelaksanaannya ke dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh menggunakan Butiran 08280.

Bagi negeri Sarawak pula, projek membina jalan dari Balingian ke Jalan Persekutuan Sibu-Bintulu dan projek menaik taraf Jalan Pujut 7-Tudan-Kuala Baram, Miri, Sarawak telah diluluskan sebagai projek baru masing-masing di bawah Butiran 09280 dan 09260 dalam tahun 2010 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Projek-projek tersebut juga masih dalam pelaksanaan dan disambung ke dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh menggunakan butiran asal iaitu Butiran 29280.

Kesimpulannya, sesuatu butiran projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri adalah untuk membezakan projek-projek yang diluluskan berdasarkan Rancangan Malaysia lima tahun. Selain itu, butiran juga berfungsi untuk membezakan projek sambungan dan projek baru bagi setiap Rancangan Malaysia atau *Rolling Plan*. Sesuatu butiran akan dibawa ke Rancangan Malaysia yang seterusnya selagi mana projek-projek yang diluluskan di bawah butiran tersebut belum siap dan memerlukan pembayaran dalam *Rolling Plan* Rancangan Malaysia.

Mengenai peruntukan dalam B.27, pampasan tol 2013, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Maksud Bekalan Belanja Mengurus B.27, Kementerian Kerja Raya di dalam tahun 2013 diperuntukkan bagi pampasan tol adalah sebanyak RM582 juta. Peruntukan tersebut dipecahkan kepada dua iaitu di bawah Butiran 060200 – Bayaran Pampasan Tol di bawah tajuk Program Khusus dengan peruntukan sebanyak RM343 juta dan Butiran 080500, bayaran *one off* dengan peruntukan RM239 juta. Pecahan bayaran bagi Butiran 060200, program khusus pampasan tol adalah seperti berikut:

Program	Jumlah (RM juta)
Bayaran pampasan penangguhan kenaikan kadar tol tahun 2012	166.7
Bayaran pendahuluan pampasan penangguhan kenaikan tol tahun 2013	54.3
Bayaran pampasan mengurangkan kadar tol bagi tahun 2012	14.0
Bayaran pampasan *restriction order travel* tahun 2012	8.0

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Jempol membangkitkan isu pampasan lebuh raya bertol. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan lebih raya bertol di negara kita dilaksanakan secara penswastaan melalui kaedah BOT iaitu *build, operate and transfer,* dengan izin, dan dimeterai melalui perjanjian konsesi yang ditandatangani oleh kerajaan dengan syarikat konsesi. Melalui kaedah BOT, kos pembinaan ditanggung oleh syarikat konsesi, dan sebagai balasannya, syarikat konsesi dibenarkan untuk mengutip tol sepanjang tempoh konsesi.

Sehubungan itu, berdasarkan terma-terma yang termaktub di dalam perjanjian konsesi tersebut, kerajaan terpaksa membayar bayaran sekiranya terdapat keputusan-keputusan kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi lebuh-lebuh raya yang sedang beroperasi. Di samping itu, kerajaan juga perlu membayar pampasan disebabkan oleh faktor-faktor lain. Antaranya seperti penghapusan kutipan tol, penetapan diskaun 50 peratus kadar tol untuk bas dan pampasan kerana tidak melaksanakan *restriction order* di Lebuh raya Selat Klang Utara Baru atau NNKSB.

Senarai lebuh raya yang akan menerima bayaran pampasan menangguhkan kenaikan kadar tol tahun 2012 adalah seperti berikut:

(i) Lebuhraya Pantai Baru;

(ii) Lebuhraya Selat Klang Utara Baru;

(iii) Lebuhraya Koridor Guthirie;

(iv) Lebuhraya Damansara-Puchong;

(v) Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur;

(vi) Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang;

(vii) Lebuhraya Kajang-Seremban;

(viii) Lebuhraya Senai-Desaru;

(ix) Lebuhraya Penyuraian Trafik Kuala Lumpur-Barat; dan

(x) Lebuhraya Lembah Klang Selatan.

Senarai lebuh raya yang terlibat untuk tujuan bayaran pendahuluan pampasan penangguhan kadar tol kenaikan tol tahun 2013 adalah seperti berikut:

■ **1610**

(i) Lebuhraya Damansara-Puchong;

(ii) Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur;

(iii) Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth;

(iv) Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang;

(v) Lebuhraya Sungai Besi;

(vi) Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya;

(vii) Lebuhraya Kajang-Seremban;

(viii) Lebuhraya Senai-Desaru;

(ix) Lebuhraya Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat;

(x) Lebuhraya Lembah Klang Selatan; Dan

(xi) Lebuhraya *Stormwater Management and Road Tunnel* (SMART)

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri baru menyatakan bahawa terdapat bayaran pampasan tol untuk Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP).

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai jumlah yang tepat berkenaan dengan bayaran pampasan ini? itu satu.

Nombor dua, kita lihat bahawa setiap tahun kerajaan mengeluarkan wang untuk membayar kepada konsesi, pampasan tol. Saya hendak tahu, sebagai Ahli Parlimen, sejauh manakah kerajaan akan terus setiap tahun menggunakan wang yang dikutip oleh rakyat melalui cukai dan sebagainya untuk membayar pampasan tol dan bukankah ini menunjukkan bahawa apa yang ditandatangani pada awalnya, perjanjian konsesi dan sebagainya itu memang membebankan rakyat. Jadi persoalannya, apakah tindakan kerajaan?

Kita ada satu perjanjian yang cukup jelas, bebankan rakyat kita tahu dari segi bayaran tol. Kerajaan di sini berhasrat untuk memastikan tol itu tidak naik tetapi apabila tidak naik, pampasan dibayar melalui cukai pendapatan dan cukai dibayar oleh rakyat. Seharusnya wang tersebut boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain. Jadi apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa keadaan sebegini tidak berterusan? Kalau tidak, sehingga berapa lama kita perlu terus dengan masalah ini Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Puchong. Angka yang diperlukan, saya akan semak dan bagi kepada Yang Berhormat. Mengenai apa yang telah pun dimaktubkan dalam perjanjian, kita sebagai satu kerajaan yang menghormati perjanjian, kita juga perlu meneliti bagaimana kita akan menunaikan apa yang kita telah pun setuju dahulu. Kita tidak boleh mengubahnya. Saya tahu sekarang pihak unit kerjasama atau di bawah Jabatan Perdana Menteri telah semak, telah membuat kajian tetapi agaknya lama sikit panjangnya. Saya tidak ada maklumat yang sebenar untuk bagi kepada Yang Berhormat. Akan tetapi angka ini saya akan bagi kepada Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Berhubungan dengan itu kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. Persoalan ini saya telah bangkitkan banyak kali. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, terus-teranglah dengan kita di Dewan. Adakah kerajaan menyatakan bahawa kita telah pun menandatangani perjanjian tersebut dan tidak ada sebarang juga cara bagaimana kita dapat mengatasinya. *Are we saying that we have entered this agreement, where is really nothing we can do*? Kalau tidak, apakah usaha yang kita akan ambil?

Kalau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri, *every year*, berjuta-juta, beratusan juta digunakan untuk pampasan. Inilah masalahnya Kerajaan Barisan Nasional membuat ataupun memasuki konsesi sedemikian... *[Dewan riuh]* Apa ini? Bila masuk konsesi sedemikian, selepas itu dalam proses pelaksanaan perjanjian tersebut, kita lihat bahawa ia memang amat membebankan rakyat. *So,* adakah kita akan terus kembali kepada Dewan ini dengan satu keadaan di mana okey, kita tidak boleh buat apa-apa.

Adakah Barisan Nasional menerima bahawa kontrak-kontrak ini, perjanjian-perjanjian konsesi tersebut yang ditandatangani pada masa lampau itu memang –nombor satu, membebankan rakyat dan nombor dua, Barisan Nasional *accept responsibility* dengan izin, *for entering into this agreement* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak ada jawapan dalam Dewan ini untuk apa yang dicadangkan. Mungkin Yang Berhormat ada cadangan yang baik untuk kita mahu keluar dari konsesi ini?... *[Tepuk]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya kagumlah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila kita bangkitkan dalam buku jingga, kita kata ada cadangan yang kita telah bangkitkan... *[Ketawa]* Orang ini hendak gelak tapi bila dia gelak, dia tak faham. Apa yang kita cadangkan itu, Perdana Menteri dia sendiri melaksanakan di Johor. Ini yang kita lihat. *So* Barisan Nasional *has to make up his mind* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Apakah pendirian kita? Jangan sehingga kita datang ke dewan ini tanya kepada saya Ahli Yang Berhormat, okey apa cadangan kita? Walhal kita telah pun tunjukkan, kita telah pun menyatakan dan kenapa pula di Johor boleh dilakukan? Apabila pilihan raya sudah dekat, hendak menang beberapa kerusi di situ, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedia untuk membuat pengumuman sedemikian. Kenapa di kawasan seperti Puchong tidak boleh juga dibuat? Apakah perbezaan kita di Puchong?

Kenapa kita di Puchong perlu kita dibebankan dengan konsesi tol ini untuk bertahu-tahun dan selepas empat tahun saya bangkitkan perkara ini, hari ini Yang Berhormat Timbalan menteri di sini tanya saya, okey ada cadangan ataupun tidak? Saya fahamlah, saya hormat Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana *is always straight forward* bagikan jawapan. Akan tetapi apa menunjukkan adalah bahawa Kerajaan Barisan Nasional di Parlimen ini mendengar banyak rintihan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Akan tetapi sebenarnya tidak melakukan sebarang perkara untuk mencari satu jalan untuk menyelesaikan masalah ini.

So, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak menegur di sini. Kita patut minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawablah. Kenapa untuk tempat itu sahaja di Johor boleh dibuat? Saya mengalu-alukan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagus. Akan tetapi bagaimana dengan tempat-tempat lain Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Kita tidak boleh, kita tidak boleh teruskan sebegini. *Every year, hundred of millions* kerajaan beri pampasan begitu sahaja kepada syarikat konsesi. *There is a people catch cows making money.* Langsung tidak ada sebarang perhatian diberikan oleh kerajaan, tidak ada sebarang jalan penyelesaian masalah ini. Wang ini boleh digunakan untuk tujuan lain. Jadi saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Siapa itu? Siapa itu? *I mean this kind of MP's we have in* Barisan Nasional*. Children,* kalau hendak tanya, tanyalah. Kalau hendak jawab, tanyalah...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ha, apa ini Yang Berhormat Kota Belud?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hai, saya berdiri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh? Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mahu bagi pandangan juga sedikit tentang apa yang dikatakan oleh sahabat saya daripada Puchong. Soal tentang tol ini, ini janji mereka dalam buku jingga ini seperti mana yang disebutkan oleh sahabat saya daripada Puchong. Mereka selalu berjanji dalam silo. Mereka berjumpa dengan rakyat Puchong kata okey, kita hendak mereka bubarkan ataupun hapuskan tol. Kita pun kata, "Berapa?" Okey, *some say*, RM50 bilion*, some say* RM6 bilion, *some say* RM10 bilion.

Soalannya sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, masalah kita dengan pembangkang ialah mereka menjanjikan sesuatu perkara tanpa melihat apa kesannya kepada yang lain. Kalau katalah tol itu dihapuskan, siapa hendak menjaga penyelenggaraan?

Okey, *what is the problem?* Dulu kita buatkan tol ini kerana pertamanya, kenapa kita mempunyai tol? Kerana kita katakan bahawa kita tidak mahu kerajaan terpaksa berbelanja untuk mengurus, membina tol dan juga mengurus tol ini.

Keduanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan di Selangor juga Kerajaan Negeri Selangor mempunyai syer di dalam KESAS. KESAS *Highway,* mendapat dividen, mendapat pulangan yang cukup lumayan di Selangor. *That is your government* Yang Berhormat Puchong. Jadi, soalnya sekarang, kalau tol ini dianggap sebagai satu perkara yang menzalimi rakyat, juallah. Jual kepada syarikat lain ataupun tidak mahu jual kepada *private sector*, jual balik kepada syarikat-syarikat milik Kerajaan Barisan Nasional.

So, so far Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tahu mereka akan katakan apa. Oh, lebih baik saya pegang syer ini, lebih baik saya pegang saham dalam KESAS kerana kalau saya jual kepada *private company* maka saya juga *complicit* hendak bagi kepada *private company*. Lebih baik Kerajaan Selangor pegang.

■1620

Akan tetapi *you cannot be a gentleman like that, you cannot*, Yang Berhormat daripada Puchong Yang Berhormat Menteri tidak sepatutnya mengatakan ini zalim tetapi saya mahu pegang saya mahu untung daripada pungutan tol di KESAS, *you cannot. If you are reasonable,* kalau dikatakan ini zalim, jual saham. Kalau tidak hendak jual kepada syarikat swasta jual kepada syarikat kerajaan yang lain. Saya kira itu lebih baik untuk memperingati kita semua bahawa *this is gentleman agreement*. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri boleh saya hanya sambung mengenai perkara itu. Bukan isu berkenaan dengan penyenggaraan. Yang Berhormat Kota Belud *I understand what are you saying* tetapi lihat dalam konteks. Kita tidak sebut berkenaan dengan penyenggaraan kita sebut berkenaan *profit,* tahap keuntungan yang telah pun ditetapkan dalam perjanjian ini. Itu yang kita minta untuk dikaji semula, itu yang kita minta supaya dilihat kembali. *There is the big different within the two, should you understand that?* Tidakkan kita hendak bayar tol untuk 30 tahun untuk penyenggaraan sahaja? *Doesn't make sense*. Itu satu.

Nombor dua, berkenaan dengan saham dan sebagainya. Kalau kerajaan negeri, *I agree okay fine* kerajaan negeri *also do what they want, I will condemn them as well*. Akan tetapi *selling of shares* tidak akan memansuhkan masalah ini. Siapa yang *sign* perjanjian tersebut? Siapa yang *sign* perjanjian tersebut? Terma-terma perjanjian tersebut? Mana hasil *government signed by the Federal Government*, itu masalah dia *this is the problem...*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Who is the government now? You have all the rights to sell you want.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Federal Government signing*, ini pun *you* tidak faham. Ia ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan. Apa ini tidak fahamkah? Ini masalah dia. Selepas empat tahun kita lihat *even basic facts you don't understand*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudah Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat sudah panjang cerita Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak, hendak balik kawasan hendak cakap apa kepada rakyat?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Every time the same* Tuan Pengerusi. Tidak ada jawapan. Kita lihat bahawa *backbencher answering for ministry. What is it?*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, no, no.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You are not a backbencher? You are not a gentleman you said just now, you're backbencher also.*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong *Auditor General*...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...*For the* Timbalan Menteri ini ...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Auditor General* pun dia tidak percaya, dia kata *Auditor General* semua tidak dapat tangkap dia dapat tangkap lagi cepat daripada *Auditor General.*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Shah Alam hutang Pulau Pinang...

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dia bayar kepada kerajaan Persekutuan dia kata dia kurangkan. *Please*lah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *This is the one, what please? What is the problem?* Soalan yang saya tanya Timbalan Menteri, soalan saya cukup dalam empat tahun lebih ini.

Dato' Yong Khoon Seng: Okeylah, okeylah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya mintalah, *tell me in the last four years* kita sudah bangkitkan berapa kali di sini. *What is the Federal Government done?* Selain datang dan kata okey kita kaji, kaji, kaji, kaji, kaji sampai bila? Kaji sampai masa habis bila kontrak habis, konsesi habis masih kaji lagi. Saya minta berikan saya satu jawapan di mana kita dapat keyakinan bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang prihatin untuk rakyat dan memang boleh selesaikan masalah rakyat. Silakan.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, saya sudah bagi jawapan kepada Yang Berhormat Puchong saya dari sekarang tidak ada jawapan untuk apa yang dipohon Yang Berhormat Puchong. Saya panjang lagi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Menteri minta penjelasan sedikit seminit sahaja setengah, 30 saat. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri, kalaulah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai saham seperti mana yang saya katakan tadi, apakah mereka tidak boleh menjual saham itu di dalam syarikat tersebut? Dia bukan konsesi itu bukan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Ia diberi kepada konsesi syarikat yang mana Kerajaan Selangor mempunyai saham. Kalaulah Yang Berhormat Puchong betul-betul prihatin terhadap perkara ini benda yang perkara pertama yang perlu Yang Berhormat Puchong buat ialah pergi ke Pejabat Menteri Besar Selangor, minta Menteri Besar Selangor jual saham ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini masalah yang saya katakan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Itu yang saya katakan jual saham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Belud sudahlah. Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini menunjukkan Timbalan Menteri memberi jawapan di bawah kerajaan hendak hormati perjanjian. Ini jawapan diberikan oleh Menteri tetapi apa yang dikatakan oleh...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saham, saham saya kata jual saham bukannya jual...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Waktu...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak faham. *You are a lawyer! You should know this.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *I know the law, that is the reason I'm asking you. How do you get around the contract by selling shares?* Apa ini, *what kind of lawyer are you, what kind of lawyer? Sign contact is it* langsung tidak tahu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Share*lah, *share.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Share* apa? Perjanjian itu macam mana?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You* tidak faham Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Dato' Yong Khoon Sen: Tuan Pengerusi....

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Siapa hendak ambil tanggungjawab?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bukan konsesi hendak dijual, saham jual.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jawapan yang kamu berikan itu bertentangan dengan jawapan Menteri. Menteri kata ada perjanjian tidak boleh buat apa dia kena hormati, Barisan Nasional hormati.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Not the concession, the* saham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Belud minta tolonglah ini Dewanlah Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong minta tolong.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong kalau hendak tanya, tanya dengan Menteri Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya akan tanya.

Dato' Yong Khoon Seng: Saya sudah jawab.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sebenarnya apa yang berlaku? Kita lihat bahawa terdapat pendirian yang berlainan.

Dato' Yong Khoon Seng: Jangan bertelagah. *It's okay.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Kota Belud katakan sepatutnya perjanjian tersebut kita boleh jual saham tetapi Timbalan Menteri bahawa kata bahawa sepatutnya...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Belud saya tidak bagi lagi Yang Berhormat, saya tidak bagi lagi minta Menteri jawab.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi bukan saya kata macam itu salah itu, tidak betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Macam mana salah, saya dengar apa yang *you* cakap. Silakan saya hendak dengar daripada Yang Berhormat Menteri bukan *backbencher.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya kata saham jangan hendak...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Timbalan Menteri jawablah silakan.

Dato' Yong Khoon Seng: Saya telah jawab, ini mencelah ini dia tanya saya yang soalan bukan berkaitan dengan apa yang kita bincang sekarang langsung, sudah keluar dari tajuk. Jual saham ini sudah keluar dari sini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:...Keluar tajuk, soalan saya sudah keluar, jadi apakah tindakan kerajaan? Tidak tahu tidak ada? Tanya saya? Jawapan dia tanya saya balik macam mana, ini apa jawapan. *You* tanya saya balik, ini jawapan.

Dato' Yong Khoon Seng: *You* terpaksa terimalah apa saya cakap.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Gelaklah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Don't harass the Minister, don't harass the Minister*lah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You sit down*lah *you* hendak tanya. Soalan *you* mengelirukan Timbalan Menteri. Saya harap Timbalan Menteri kalau bolehlah secara bertulis *at least*lah.

Dato' Yong Khoon Seng: Okey.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Beritahu kepada saya satu jawapan yang meyakinkan. Saya cukup yakin tahun depan pun saya akan tanya soalan sama siapa yang berdiri di situ akan memberikan jawapan yang sama melainkan kita berdiri di situ di mana kita boleh beri jawapan untuk mengatasi masalah ini. Betul tidak?

Dato' Yong Khoon Seng: Kita belum tahu akan berdiri di sini lagi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Ketawa]* Saya mengucapkan *all the best to you in the future* Timbalan Menteri.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi saya fikir saya tidak perlu dilanjutkan jawapan sebab masa untuk kementerian lain. Saya akan bagi jawapan bertulis.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat saya punya soalan orang mula-mula sekali bahas tidakkan tidak boleh satu sedikit jawab.

Dato' Yong Khoon Seng: Ada tetapi saya akan bagi bertulislah. Okey, terima kasih

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Okey, anak saudara ini, duduk dahulu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya punya lama saya tunggu sini lagi hendak dengar.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Perlu tekan jawapan secara bertulis.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bertulis juga? Jadi Yang Berhormat Kota Belud punya angkara, semua tulis, kita tunggu jawapan, semua tulis.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini kacau daun betul, kacau daun punya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini Yang Berhormat Puchong ini tidak berapa faham, ini dari segi legal ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, Tuan Pengerusi saya minta Yang Berhormat jawapan daripada Yang Berhormat Pasir Mas itu mesti bagi pada hari Isnin atau Selasa secara bertulis boleh atau tidak? Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat. Saya pun payah hendak sebut sebab selalu sudah disebut di sini Yang Berhormat. Nombor satu kita bertanya dengan Menteri, Menteri kena bagi jawapan.

Jadi kalau Menteri tidak ada jawapan tidak payah jawab. Itu tidak ada paksaan bagi pihak Menteri menjawab jadi kredibiliti kementerian itu bersandar kepada itulah cerita dia. Jadi persoalannya Yang Berhormat di dalam Dewan ini tidak ada *complaisant* seseorang menjawab sebenarnya. Jadi saya berharap kita ingat sedikit jugalah peraturan ada juga kita kena ikut. Kalau kita hendak *orderly* kita kena ingat peraturan Dewan ini. Kalau di luar itu bukan berkenaan sayalah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,404,654,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM2,404,654,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,707,935,100 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM3,707,935,100 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2013]

Maksud B.48 [Jadual] -
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2013] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Arau.

■1630

4.30 ptg.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, sekejap. Tiada Menteri dan Timbalan Menteri, siapa akan jawab?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Tidak apa, pegawai ada.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi Menteri tidak ada.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Nanti apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, pegawai akan catat dan ambil tindakan sewajarnya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Arau punya? Yang Berhormat Arau punya.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Seharusnya Menteri datang, Timbalan Menteri pun tidak datang... *[Dewan riuh]*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Saya ingin merujuk kepada 041000 - Kurang Upaya. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, selamat datang Timbalan Menteri. Isu OKU ini adalah merupakan di antara perkara yang cukup penting sebenarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk dulu Yang Berhormat. Saya dari pagi tadi soal Menteri tidak ada dalam Dewan ini dibangkitkan, bertanya dengan Speaker sama ada Speaker berhak meminta Menteri datang ke Dewan ini. Kita ingat dasar yang kita terima bersama Yang Berhormat, *the separation of powers* tu kita boleh mengarah di dalam Dewan ini, Ahli Parlimen semasa berbahas. Akan tetapi sebagai fungsi Menteri, saya tidak boleh mengarah, Speaker tidak boleh mengarah. Jadi, boleh dibangkit Yang Berhormat kalau tidak puas hati dengan itu tetapi jangan ditanya dan diminta Speaker mengarah. Ini kerana *separation of powers* menentukan di mana batasan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Speaker. Jadi, mintalah Menteri jangan *take for granted the time as well*. Kalau kita tidak tahu benda itu akan cepat, *don't make it a habit*. Sila Yang Berhormat Arau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih sekali lagi Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan ini. 041000 - Kurang Upaya, dalam masyarakat negara ini. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, walaupun isu ini merupakan isu yang minoriti dan sesetengah orang menganggap isu yang terpencil, *isolated cases,* dengan izin, ataupun dipandang sebelah mata oleh sesetengah pihak. Akan tetapi saya mahu pihak kementerian memperjelaskan beberapa keperluan utama OKU yang ada di negara kita supaya kita memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa tahap kesedaran terhadap OKU di negara kita ini masih lagi rendah kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju yang lain.

Beberapa isu yang timbul kebelakangan ini Tuan Pengerusi iaitu kita lihat ada keengganan Pusat Zakat misalnya, untuk memberi bantuan zakat kepada badan bukan kerajaan yang mengendalikan kebajikan OKU. Ini telah mendapat pelbagai reaksi dari semua pihak yang terlibat. Ada lain-lain isu yang terbit, hanya ianya akan diambil tindakan selepas NGO-NGO ini mendapat pendedahan eksklusif daripada akhbar-akhbar. Barulah kita lihat perkara ini diambil tindakan ataupun diatasi.

Termasuk kita lihat ada beberapa institusi Islam sekalipun dalam melihat bahawa nasib OKU terus dibela di negara yang kita cintai ini.

Kita tidak menghalang, kita mahu mereka ini diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Contohnya, OKU ini juga turut mengharumkan nama negara, Mohd. Nasihin misalnya. Kalau Datuk Lee Chong Wei diberi pencen RM3,000 kerana mendapat pingat perak dalam sukan Olimpik. Saudara Mohd. Nasihin mendapat pingat perak. Alasan yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan apabila kita minta perkara ini, ia harus digerakkan daripada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini kerana Mohd. Nasihin juga telah menyumbang pingat perak dalam sukan Paralimpik. Walaupun alasan yang diberikan dari segi mutu acara-acara untuk Paralimpik ini adalah pelbagai. Kalau untuk acara 100 meter misalnya, ia ada pelbagai disiplin untuk 100 meter, yang ada menggunakan kaki palsu, yang menggunakan ini, pelbagai.

Akan tetapi kategori dan pelbagai ini bukan menandakan bahawa kita tidak memberi pengiktirafan di atas kejayaan. Beliau juga telah turut mengharumkan nama negara. Pemenang pingat perak ini sekurang-kurangnya kalau kita tidak dapat RM3,000 sebulan, RM1,000 sudah memadai. Saya difahamkan walaupun ada pelbagai insentif seperti Rumah Mesra Rakyat yang diberikan. Akan tetapi saya ingin bertanya, adakah bantuan itu diberi percuma atau terpaksa dibayar bulanan seperti mana pinjaman-pinjaman yang lain yang terpaksa dibuat.

Begitu juga dengan kedudukan-kedudukan mereka dalam masyarakat, dunia pekerjaan dan lain-lain. Kemudian bantuan-bantuan biasiswa, bantuan-bantuan pengagihan zakat. Semuanya harus diberi perhatian yang sewajarnya kepada golongan yang walaupun golongan itu- tetapi mereka adalah sebahagian daripada rakyat kita, sebahagian daripada keluarga kita, sebahagian daripada yang memerlukan perhatian daripada kita yang sewajarnya.

Satu lagi, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian, 00701 - Sekolah Tunas Bakti. Saya ingin bertanya di sini Yang Berhormat, sekarang ini ada juga gejala yang saya ingat begitu banyak kumpulan yang terlibat iaitu anak-anak yang tidak terkawal, *beyond parental control,* dengan izin, Tuan Pengerusi. Anak-anak ini, sekarang ini mereka memerlukan satu tindakan pemulihan yang perlu dibuat oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat misalnya. Jadi setakat ini, untuk mendapatkan perintah bagi mereka mendapat pemulihan ini, perlu mendapat perintah daripada mahkamah dengan kehadiran ibu bapa, penjaga dan juga pegawai akhlak ataupun pegawai daripada JKM yang telah diberi tugas untuk menyiasat. Seterusnya, di bawa ke mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi keputusan ini.

Jadi sejauh ini, apakah tindakan yang telah dibuat bagi memastikan bahawa kita boleh mengadakan cara-cara yang lain daripada perintah mahkamah supaya memastikan bahawa anak-anak ini dapat terbela. Setakat ini, apakah *syllabus* ataupun modul yang diguna pakai oleh pihak JKM dalam mengendalikan masalah ini. Saya ingin bertanya juga, apakah prosedur kemasukan ke pusat pemulihan sekarang ini dan bidang-bidang kemahiran yang telah ditawarkan untuk mereka apabila mereka keluar nanti untuk berada di dalam masyarakat yang sebenar.

00701 - Sekolah Tunas Bakti. Saya tahu kerajaan sebenarnya komited tentang membendung gejala sosial yang melibatkan remaja sekarang ini. Terutamanya apabila kita lihat selain daripada NGO yang terlibat yang berfungsi untuk menjadi tempat selamat kepada remaja. Kita mohon juga untuk kerajaan membuat pusat-pusat sehenti misalnya, di semua Parlimen ataupun di semua daerah untuk kita mengawal selia mereka-mereka yang perlu diberi bimbingan dan juga diberi kawalan supaya sebelum mereka berada di dalam masyarakat yang sebenarnya. Jadi, setakat ini apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah gejala sosial yang melibatkan remaja yang begitu besar. Setakat ini, berapakah pusat-pusat yang telah ditubuhkan oleh JKM iaitu di seluruh negara dalam memberi perkhidmatan kepada anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun bagi mengelakkan mereka terus terlibat dalam gejala sosial ini. Selain daripada itu, Pusat Perlindungan Kanak-kanak (PAKK) ini, berapakah agensi-agensi yang terlibat yang turut memainkan peranan penting dalam menyelesaikan permasalahan ini...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah, penjelasan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Silakan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Arau. Menjaga OKU ini adalah satu cabaran yang cukup besar, bukan sahaja kepada masyarakat tetapi juga kepada keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang cacat ataupun kurang upaya. *It's a very big task*, perkara yang kita anggap remeh seperti memberi makanan, menyuap dan memandikan mereka ini adalah satu perkara yang amat berat. Bayangkan kalau mereka terpaksa menjalankan tugas-tugas ini sepanjang hayat.

Saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah sudah tiba masanya kerajaan membelanjakan wang ataupun memberi peruntukan kepada NGO-NGO yang khusus memperjuangkan hak ataupun menjadi lidah kepada OKU ini. Khusus kepada mereka kerana NGO ini agak *special* sedikit. Ia bukan NGO-NGO yang lain yang agaknya hanya memikirkan tentang *environment, human rights* atau masyarakat madani. Akan tetapi NGO yang ada kaitan dengan OKU ini mempunyai cabaran yang cukup berbeza kerana mereka terpaksa *hands on*.

■1640

Jadi pandangan Yang Berhormat, boleh kah kita minta daripada kerajaan untuk NGO yang ada kaitan dengan OKU ini bagi secara khusus duit peruntukan kepada mereka. Terima kasih.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, bahagi-bahagikan *time* itu. Saya tak bagi kebenaran, Yang Berhormat.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Saya ringkas sahaja. Boleh Yang Berhormat Arau...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya tinggal poin yang terakhir sahaja sebab itu saya bagi laluan.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Yang Berhormat Arau, boleh setuju tak dengan cadangan bahawa yang OKU ini automatik dapat bantuan daripada kerajaan, tak perlu melalui cadangan-cadangan dan sebagainya. Akan tetapi *medically certified that* dia OKU, automatik kadarnya RM500 ke RM300 ke daripada kerajaan. Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih kedua-dua rakan daripada Kota Belud dan Tumpat. Saya sebenarnya bersetuju sama sekali. Bukan setakat kerajaan memberi bantuan kepada NGO dan NGO memberi bantuan kepada mereka yang terlibat kerana kita lihat sekarang ini ada di kalangan ibu bapa dan penjaga contohnya mereka yang berpendapatan rendah, mereka sebenarnya tidak mempunyai masa dan ada setengah daripada OKU ini terpaksa dikurung dalam kurungan kerana kalau dibiarkan, makna anak-anak ini akan merayau-rayau dan juga boleh menyebabkan sesuatu keadaan ataupun bencana yang terjadi kepada mereka.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Arau, sikit sahaja. Yang Berhormat Arau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Jadi, justeru itu maka ....

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Nanti sekejap, sekejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat Arau dah habis Yang Berhormat.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Masa dah habis sebenarnya ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya nak ulaskan supaya kerajaan memberi perhatian yang serius sebenarnya. Bantuan bulanan amat dituntut. Selain daripada itu, pusat-pusat zakat terutamanya ataupun kalau mengikut agama lain, yang NGO-NGO lain, mereka harus memberi tumpuan yang sewajarnya untuk mengatasi perkara ini supaya kita lihat bebanan ibu bapa ini dapat kita kurangkan dan saya bersetuju kedua-dua ucapan Yang Berhormat tadi dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Gajah.

4.42 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan ringkas. Saya rujuk kepada Butiran 040000 – Kebajikan Masyarakat.

Sebelum saya mula ucapan, saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua pegawai di Jabatan Kebajikan yang sepanjang masa ini menghulurkan bantuan dan kerjasama kepada penduduk-penduduk kawasan saya dan kawasan-kawasan lain. Tuan Pengerusi, saya memang kagum dengan kakitangan dan pegawai dalam Jabatan Kebajikan sebab saya nampak tugas mereka memang tidak senang dan mereka adalah dengan izin, *closed service.* Saya dimaklumkan bahawa ia adalah satu jabatan di mana mereka tidak boleh dipindahkan ke kementerian atau jabatan yang lain, *closed service.*

Perkara yang saya ingin bangkitkan dalam butiran ini, saya pohon pihak kementerian boleh memberi sokongan tambahan kepada mereka sebab Laporan Audit tahun 2011 ini telah melaporkan penemuan bahawa ada di mana proses siasatan permohonan ada kelewatan tidak dapat selesai dalam tempoh piagam pelanggan yang sepatutnya dalam masa dua minggu. Namun Laporan Audit kata ada penemuan kelewatan lapan hari hingga 835 hari. Apabila permohonan telah dikemukakan, keputusan sepatutnya dimaklumkan kepada pemohon dalam masa satu bulan tapi Laporan Audit menemui kelemahannya di mana wujud kelemahan lapan hari hingga 910 hari.

Tuan Pengerusi, perkara ini bukan kali pertama. Laporan Audit dalam tahun 2009 iaitu dua tahun yang lalu juga membuat pengauditan Jabatan Kebajikan dan mendapati perkara yang sama di mana Laporan Audit 2009, kelewatan menjalankan proses siasatan selama enam hari hingga 1,322 hari dan maklumkan keputusan pada ketika tahun 2009 lewat enam hari sehingga 1,300 hari.

Walaupun ada sedikit pembaikan dalam segi jumlah hari yang lewat tapi saya ingin maklumkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya percaya di antara salah satu sebab di mana wujud kelewatannya untuk menjalankan siasatan dan maklumkan keputusan ialah pertama, beban kerja kakitangan. Ini juga ada dinyatakan dalam Laporan Audit ini di mana saya dimaklumkan pegawai di kawasan saya itu kebajikan seorang anggaran tidak kurang 300 kes satu masa di mana mereka kena kendalikan di mana Laporan Audit 2009 menyatakan standard antarabangsa nisbahnya adalah seorang pegawai untuk 35 kes pada satu masa. Namun Laporan Audit 2011 melaporkan di mana ada maklum balas daripada Jabatan kementerian Yang Berhormat menyatakan seorang pegawai ya Tuan Pengerusi, boleh sampai seorang pegawai kendalikan 200 kes hingga 600 kes dalam satu masa. Jadi beban tugas ini saya rasa jika boleh diringankan, saya percaya piagam pelanggan proses siasatan dan maklumkan keputusan ini kelewatannya dapat dikurangkan dan piagam pelanggan dapat dicapai di mana dalam masa sebulan, keputusan dapat dimaklumkan kepada pemohon.

Keperluan penambahan kakitangan, Tuan Pengerusi pernah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan pihak kementerian juga ada beri maklum balas dalam Laporan Audit tapi saya rasa salah satu perkara memang harap boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil perhatian adalah di mana dalam pengetahuan saya Tuan Pengerusi, ada ramai pegawai kontrak. Kalau tak silap dipanggil Pegawai Pembangunan Masyarakat Sambilan atau Kontrak di mana kontrak mereka perlu diperbaharui setiap tahun. Mungkin pegawai ini yang telah berpengalaman ini boleh diserap ke dalam sektor awam ini dan mereka boleh diberi satu *security* dengan izin, dalam kerja mereka. Saya tahu di mana ada pegawai-pegawai kontrak atau sambilan ini di mana setiap tahun mereka kena risau sama ada kontrak mereka dilanjutkan atau tidak dan juga faedahnya kurang berbanding dengan kakitangan awam, mereka telah meninggalkan Jabatan Kebajikan.

Jadi, mungkin aspek ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mungkin menambahkan kemudahan kepada mereka dan faedah dan menyerapkan mereka kalau mereka telah bertugas dengan baik sebagai pegawai kontrak dalam masa dua tahun, serapkanlah mereka dalam sektor awam dan berikan mereka faedah yang sewajarnya.

Perkara seterusnya adalah berkenaan kemudahan. Saya pernah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tentang kemudahan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan di Batu Gajah, Tuan Pengerusi. Saya pohon boleh diberikan sebuah kenderaan iaitu sebuah van agar apabila mereka keluar membuat lawatan atau siasatan, mereka ada satu kemudahan untuk melawat ke rumah-rumah pemohon dan juga setiap pegawai dibekalkan satu kamera. Apabila mereka kena menyiapkan dokumen fail untuk pertimbangkan permohonan, mereka kena ada dokumen dan kadang-kadang apabila sudah sampai rumah mereka buat lawatan itu, minta salinan IC, bil air, bil elektrik dan minta pemohon nanti serahkan kepada jabatan. Itu menyulitkan mereka lebih-lebih lagi kalau mereka menetap jauh dari jabatan tersebut.

Mungkin kalau pihak kementerian boleh pertimbangkan dengan peruntukan yang diberi tersebut, memberikan kemudahan setiap pegawai bagi kamera. Sekarang sangat senang Tuan Pengerusi, tangkap gambar bil elektrik sahaja dan balik ke pejabat mereka boleh *download*, dengan izin dan lepas itu boleh cetak keluar dan siapkan fail dengan kurangkan birokrasi dan kesulitan kepada pemohon. Pegawai Jabatan Kebajikan Batu Gajah masih tak ada talian asing untuk talian faks. *Phone and faks,* dengan izin, nombor yang sama. Mungkin boleh bagi satu talian tambahan kepada Jabatan Kebajikan Batu Gajah tersebut.

Memandangkan Projek Cari akan dikembalikan semula, saya meneliti dalam Butiran 090800 iaitu Projek Cari akan diperuntukkan RM4 juta. Saya nak tahu apakah perancangan pihak kementerian untuk menambahkan berapa lagi tambahan pegawai. Kita tidak ingin melihat masalah timbul seperti dalam penemuan Laporan Audit di mana masa itu ada Projek Cari dan pegawai dibebankan dengan tugas dan tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dan juga objektif seperti yang dinyatakan dalam piagam pelanggan seperti saya nyatakan tadi iaitu kelewatan siasatan dan maklum keputusan.

Akhirnya, mungkin pihak kementerian boleh sentiasa menghubungi jabatan-jabatan kebajikan daerah atau masyarakat kecil Tuan Pengerusi sebab setahu saya, ada permohonan di mana mereka telah lengkapkan siasatan dan dokumen, dengan secara lisan telah memaklumkan bahawa ini akan diluluskan tapi kerana peruntukan tak sampai lagi, peruntukan sedia ada telah habis, peruntukan tak sampai-sampai lagi.

■1650

Jadi mereka tidak boleh memaklumkan keputusan itu secara bertulis ya. Saya berpandangan ini mungkin salah satu faktor mengapa makluman keputusan tersebut lewat kerana peruntukan sedia ada telah habis dan peruntukan yang baru tidak sampai lagi. Mungkin pihak kementerian boleh sentiasa menghubungi jabatan, memastikan mereka apabila ada kekurangan peruntukan atau peruntukan telah berkurangan tetapi kes-kes masih bertambah boleh dipercepatkan penurunan peruntukan tambahan kepada jabatan agar pemohon tidak perlu menunggu.

Tuan Pengerusi, saya selalu membawa pemohon ke Jabatan kebajikan. Mereka akan tanya, *"mengapa tidak ada maklum balas, bukankah dalam masa sebulan atau dua bulan, mengapa tidak ada jawapan lagi?"* Saya tidak menyalahkan pegawai sebab saya tahu kadang-kadang ini adalah di luar kawalan mereka sebab mereka telah melaksanakan apa yang telah sepatutnya tetapi hanya perlu menunggu peruntukan daripada pihak kementerian. Saya rasa itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Parit Sulong.

4.51 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi maksud Butiran 020400 – Pembangunan Kapasiti. Saya hendak bangkitkan Program *Get Malaysian Business Online* kerana ada yang saya tanya di peringkat dasar tidak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di bawah program ini ada terdapat RM50 juta peruntukan dan sebanyak RM1,000 sebagai geran akan diberikan kepada 50,000 usahawan PKS terutamanya usahawan PKS wanita diletakkan di bawah tajuk pembangunan wanita.

GMBO ini adalah usaha sama di antara SME Corporation & *Google.* Jadinya, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah peranan kementerian di dalam program ini? Selepas itu adakah ada jaminan yang lebih 50 peratus daripada geran ini akan diperuntukkan kepada PKS wanita kerana GMBO ini pada matlamat awal ianya dibuka kepada semua tidak kira lelaki ataupun wanita sebab itulah kita hendak pastikan bahawa terdapat jaminan lebih daripada 50 peratus diperuntukkan pada PKS wanita.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kementerian, setakat ini berapakah jumlah usahawan wanita yang telah menerima geran, setiap seorang daripada mereka menerima RM1,000? Adakah selepas ini kementerian akan membuat satu kajian dan juga pemantauan mengenai kejayaan ataupun kesan kepada program GMBO ini. Adakah telah ada usahawan yang telah berjaya di bawah program ini dan bagaimanakah usahawan berjaya di bawah program GMBO ini boleh membantu usahawan-usahawan wanita yang lain, yang baru mahu terlibat di dalam perniagaan atas talian ini?

Seterusnya saya juga hendak bertanya kepada kementerian di bawah tajuk yang sama, adakah kementerian berhasrat untuk bekerjasama dengan enjin pencarian yang lain selain daripada *Google* kerana tujuannya adalah untuk mengelakkan monopoli sebuah syarikat. Jadinya, saya berharap pihak kementerian juga dapat memikirkan apakah yang sesuai untuk program GMBO ini.

Tajuk yang kedua yang saya hendak bangkitkan, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Batu Gajah. Jadinya tajuk ini adalah di bawah Butiran 040000 – Kebajikan Masyarakat. Terdahulu saya hendak ucapkan terima kasih dan juga tahniah kepada JKM Batu Pahat yang saya tengok sentiasa peka dan prihatin untuk membantu rakyat terutamanya mereka yang memerlukan bagi daerah Batu Pahat dan terutamanya saya hendak mengucapkan syabas kepada mereka kerana sekarang ini di kawasan saya terdapat 91 mangsa banjir di Pusat Pemindahan Parit Gantong yang mungkin pada hari ini akan ditutup pusat pemindahan ini tetapi JKM memainkan satu peranan dengan segera membantu mereka. Saya tengok mereka ini menunjukkan keprihatinan mereka Tuan Pengerusi.

Daerah Batu Pahat ini mempunyai empat Parlimen dan dari segi kedudukan dan daerah itu sendiri Daerah Batu Pahat ini adalah yang kedua terbesar selepas daripada Johor Bahru dan kepadatan penduduk ini juga menyumbang kepada penambahan kes-kes yang melibatkan bantuan-bantuan. Saya dimaklumkan oleh pihak JKM di daerah saya bahawa pada awal tahun 2000 ada lebih kurang 5,000 permohonan tetapi dalam waktu yang sama pada tahun ini terutamanya, mungkin di atas keprihatinan pegawai-pegawai, keprihatinan rakyat ataupun pemimpin setempat, di atas keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional itu sendiri. Maka kes-kes ini kita nampak telah meningkat kepada hampir 9,000 kes untuk Daerah Batu Pahat itu sendiri.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian. Berapakah sebenarnya nisbah pegawai JKM kepada bilangan kes yang disiasat? Kalau saya bagi perbandingan tadi daripada jumlah kes yang terdapat di Daerah Batu Pahat ini, seseorang pegawai penyiasat JKM itu, kalau Yang Berhormat Batu Gajah tadi lebih kurang 300 kes tetapi di Daerah Batu Pahat seorang pegawai JKM ini saya dimaklumkan dia terpaksa menyiasat 700 hingga 1,000 kes.

Jadinya kadang-kadang kes ini, proses siasatan ini menjadi lewat, ada yang tertunda. Ini tidak termasuk lagi apabila terdapat bencana alam. Daerah Batu Pahat ini adalah daerah yang kadang-kadang ataupun kerap kali disamakan dengan keadaan bencana banjir, jadi ini sudah semestinya memerlukan lebih ramai lagi pegawai-pegawai JKM yang sama dan waktu sekarang ini saya tengok orang yang sama juga yang buat siasatan. Orang yang sama juga yang membantu apabila terdapat mangsa-mangsa banjir. Jadinya, saya hendak tanya bilakah pegawai JKM Batu Pahat ini boleh ditambah? Ini kerana saya sudah tanya banyak kali, saya sudah mohon banyak kali, jadinya saya kira inilah waktu yang paling tepat sekali untuk pihak kementerian menambah pegawai-pegawai JKM di Daerah Batu Pahat ini. Saya harap ianya dapat disegerakan sebab program...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Rayuan, rayuan terakhir.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Ketawa]* Rayuan terakhir alamak tetapi memang kerajaan begitu prihatin melalui JKM, itu memang tidak saya nafikan.

Jadinya, saya ingin membantu mereka untuk menyegerakan, untuk memastikan tidak ada lagi kes-kes tertunda dan agar program-program bantuan kerajaan ini juga dapat dijalankan dengan lebih cekap dan lebih kesan. Semuanya hanya satu untuk kesejahteraan rakyat.

Yang terakhirnya Butiran 090800 – Projek Cari di bawah Butiran 090000 – *One-off,* ada RM4 juta. Jadinya, saya hendak tahu apakah pengisian Projek Cari yang terkini? *Last year* tidak ada, sebelum itu ada, jadinya kali ini pun ada. Jadi, apakah pengisian dia dan apakah kedudukan projek cari ini setakat ini? Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Raja.

4.58 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut membahaskan maksud B.48 Butiran 010000 – Pengurusan Dan Perancangan Dasar. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian, saya melihat bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini satu kementerian yang sangat besar. Saya merasakan bahawa seperti juga Yang Berhormat Arau tadi Jabatan OKU ini agak ketinggalan dalam perkembangannya. Kalau boleh saya hendak cadangkan bahawa ada pengkhususan maknanya kementerian kalau ada bajet dan sebagainya. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga adalah satu kementerian tetapi Kementerian Kemasyarakatan dan OKU itu pula di bawah satu kementerian yang lain memandangkan satu tanggungjawab yang sangat besar kepada Menteri. Mungkin boleh melapangkan satu lagi tempat kepada Menteri Wanita untuk kementerian seterusnya.

Saya ingin bertanya ataupun mencadangkan mengenai pelaksanaan Dasar sosial negara. Sejauh mana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berjaya meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini untuk menjadikan satu dasar semua pembangunan baru, kompleks baru, kompleks perniagaan, kompleks pejabat, kompleks dan institusi-institusi dan sebagainya diwajibkan ada pusat jagaan kanak-kanak.

■1700

Makna *facility* itu perlu ada, strukturnya mesti ada. Ini kerana apabila saya berbual dengan pemilik-pemilik ataupun pengurus-pengurus kompleks-kompleks perniagaan, mereka mengatakan bahawa ini tidak menjadi keperluan, kami orang perniagaan, kalau tidak ada undang-undang-undang, kami tidak buatlah seperti surau. Surau diwajibkan, ada surau di setiap kompleks sekarang ini ada surau tetapi *facility* untuk penjagaan anak ataupun taska tidak ada, nurseri tidak ada, *crash* tidak ada.

Jadi ini menyebabkan apabila mereka hendak melaksanakan maka mereka tidak boleh *comply*, tidak boleh ikut apa yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun PBT yang berkenaan kerana secara strukturnya *facility* itu tidak mungkin diadakan kerana hendak mengadakan satu pusat penjagaan kanak-kanak atau bayi, dia tidak boleh duduk di tingkat tinggi. Dia mesti diletak di tingkat rendah. Jadi apabila perancangan ini tidak ada pada mula, tidak difikirkan, tidak dirancang maka sekiranya mereka hendak buat menyusahkan dan menelan perbelanjaan yang banyak kepada perlu buat ubah suai.

Jadi kalau Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Kabinet menetapkan bahawa semua pembangunan baru, kompleks baru wajib ada tempat untuk *facility* untuk penjagaan anak-anak. Kita lihat bahawa ini penting kerana sebahagian besar daripada pekerja wanita terutamanya di kompleks-kompleks perniagaan, kompleks-kompleks pekerjaan 40 peratus, 50 peratus, 60 peratus perkeraniannya adalah daripada wanita. Jadi kalau tidak ada tempat, mereka hendak tinggal anak mereka di mana? Kadang-kadang mungkin ada di pusat-pusat komuniti tetapi dari segi hubungannya amat susah bagi mereka.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Kota Raja, Silam. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Pada pandangan Yang Berhormat Kota Raja, bersetujukah sekiranya di masa akan datang kementerian ini akan menetapkan ataupun bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyediakan sesuatu perkara yang wajib untuk setiap kompleks ataupun apa-apa premis yang melibatkan pekerja wanita itu supaya disediakan satu ruang khas untuk nurseri anak-anak mereka yang bekerja di kompleks sukan ataupun di mana-mana sahaja, mohon pandangan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang itulah maksud saya. Kita ada banyak peringkat. Ada nurseri untuk penyusuan, ada untuk anak-anak kecil dan kita ada juga taska. Jadi perkara ini perlu dibincangkan di antara kementerian. Saya hanya melontarkan kerana apabila mendapat maklum balas daripada rakyat, maka inilah yang diperlukan dan dipohon oleh rakyat.

Tuan Pengerusi, saya ingin ke 041000 - Kurang Upaya. Saya tidak pasti sama ada dalam ucapan dasar saya hari itu Menteri telah menjawab, tetapi saya hendak mengulangi kalau belum, kalau sekiranya saya minta maaf saya akan cari juga dalam hansard, tidak jumpa hari ini. Mengenai pendaftaran OKU, sekarang ini pendaftaran OKU adalah secara sukarela. Maknanya kalau ibu bapa daftar, namanya ada, ada kad OKU. Kenapa tidak pendaftaran OKU ini kita wajibkan terutamanya anak-anak yang dilahirkan dengan kecacatan. Ini boleh didiagnosis ataupun dikenal pasti di peringkat awal semasa anak-anak ini dilahirkan di hospital. Kita mewajibkan para doktor sekiranya mereka menjumpai ataupun apabila mereka merawat anak-anak yang belum didaftarkan, maka menjadi kewajipan bagi mereka untuk mendaftar anak-anak ini.

Ini adalah untuk orang yang dilahirkan dengan kekurangan ini tetapi saya lebih berat kepada mereka kerana mereka ini, pendaftaran ini penting kerana statistik, data anak-anak yang dilahirkan cacat, dengan kekurangan keupayaan mereka ini perlu dikesan lebih awal. Jadi apabila kita kesan lebih awal maka kita perlu untuk boleh merancang apakah pembelajaran, apakah yang diperlukan mereka, berapa orang yang cacat pendengaran, berapa orang yang cacat penglihatan, berapa orang yang cacat anggota dan sebagainya.

Jadi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa dalam bajet kali ini diperuntukkan untuk taska-taska OKU, saya memikirkan dari segi praktiknya bahawa adalah sukar untuk kita mewujudkan OKU untuk misalnya autisme, OKU untuk cacat penglihatan, OKU untuk cacat pendengaran. Maknanya berapa taska yang perlu kita ada selain daripada kalau kita ada taska, tetapi kakitangannya yang dilatih untuk menangani mereka ini.

Perkara yang pentingnya setiap negeri perlu ada apa kita panggil pusat di mana ibu, keluarga yang mempunyai anak-anak kurang upaya boleh pada peringkat awal pergi ke sana. Ini kerana kalau pergi JKM itu boleh, tetapi kadang-kadang tidak ada *specialization centre.* Maksud saya di mana mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat seterusnya apakah perancangan, apa hendak dibuat dengan anak-anak ini.

Keduanya saya ingin menyebut bahawa sama seperti yang dicadangkan oleh sahabat daripada Yang Berhormat Tumpat mengenai elaun OKU. Elaun RM350 mereka yang bekerja sebagai *top-up* kepada gaji mereka dan RM150 kepada OKU yang tidak bekerja di rumah memang tidak mencukupi. Kenapa tidak dasar kita terus apabila mereka mendaftar sebagai OKU, RM500 atau RM550 diberi secara automatik dan mereka ini tidak perlu- saya tidak tahu saya ingat setakat saya tahu setiap kali Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu setiap enam bulan begitu perlu memohon semula. Jadi kalau sudah kenal pasti mereka ini OKU dan tahap yang tidak ada pemulihan yang boleh dilakukan dengan bermakna maka terus diberi bantuan ini kepada mereka.

Ketiga mengenai Orang Kurang Upaya, saya ingin merayu supaya kita ada orientasi pada semua pihak termasuk kakitangan kerajaan bahawa pembangunan OKU ini perlu berlandaskan kepada hak dan tidak lagi kepada hanya belas kasihan, bantuan apabila mereka perlu untuk hanya menjalani hidup ini cukup makan sahaja. Kita hendak orang OKU kita berdiri sama tinggi, duduk sama rendah walaupun mereka ada kecacatan fizikal. Ini kerana dari segi mentalnya mereka tidak cacat kecuali dalam kategori terencat akal.

Jadi paksi ini perlu diubah kerana selagi kita tidak mengubah, maka selama itu rakyat akan hanya memberi belas kasihan, keluar bantuan apabila perlu tetapi tidak memikirkan bagaimana kita hendak mengupayakan OKU dan menjadikan mereka rakyat yang mandiri. Statistik menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 15 peratus daripada rakyat kita atau rakyat seluruh dunia adalah dari kalangan OKU.

Oleh itu, saya lihat Jabatan Orang Asli misalnya mempunyai jumlah Orang Asli yang kurang pada mereka ada satu jabatan yang kuat tetapi Jabatan OKU saya diberitahu oleh OKU sendiri bahawa ia adalah satu jabatan yang lemah di dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat, mungkin kerana Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu menangani banyak hal...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Satu perkara yang terakhir ialah...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan sedikit, boleh? Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tambah sedikit. Saya rasa dalam usaha kita untuk mengupayakan OKU...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ringkas Yang Berhormat. Ada satu minit lagi.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Ya, ringkas sahaja. Dalam usaha untuk mengupayakan OKU ini, saya rasa kerajaan memainkan peranan yang cukup berat. Jadi saya rasa bukan sahaja kita perlulah sediakan pendidikan untuk mereka tetapi sebagai kerajaan, mereka mestilah juga membekal peluang pekerjaan yang cukup banyak untuk OKU-OKU kita. Saya rasa walaupun kerajaan kita sudah komited, sudah beberapa kali mereka kata adalah komited untuk membekalkan 1 peratus penjawat awam kepada OKU-OKU tetapi sampai hari ini hanya saya rasa tidak lebih daripada 1,000 OKU yang kerja dalam sistem penjawat awam ini. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Kota Raja. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Sebenarnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya. Sebenarnya perkara ini telah saya bangkitkan sebelum ini dan saya cuma hendak minta penjelasan, apakah langkah-langkah seterusnya untuk memastikan kuota 1 peratus kakitangan awam daripada kalangan OKU ini dapat kita penuhi dan bila sasaran ini akan kita capai? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tangga Batu.

5.09 ptg.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 041000 berkaitan dengan OKU. Saya hendak kaitkan dengan Butiran 010400 - Hubungan Antarabangsa di mana di bawah WHO MSB iaitu *Malaysia Society for the Blinds,* kita mempunyai kumpulan orang-orang yang cacat penglihatan yang ahlinya di Malaysia kalau kita ada jumlah OKU seluruh negara lebih kurang 400,000, kita ada lebih kurang 16,000 orang-orang yang cacat penglihatan. Secara luarannya kita dapat lihat mereka ini kecekapan berfikir, kecekapan melaksanakan kerja lebih kurang sama cara, kemahuannya itu sama dengan orang-orang yang sihat Tuan Pengerusi.

■1710

Saya nampak Yang Berhormat Johor Bahru yang begitu *passionate* sekali dalam membantu kumpulan orang yang cacat pendengaran. Memang kita tahu orang yang cacat pendengaran perbandingannya dengan orang yang cacat penglihatan ialah kita tidak dapat membezakan secara fizikal. Kita lihat orang cacat pendengaran ini sama sahaja macam kita. Kita boleh mengetahui apabila kita cuba berkomunikasi dengan beliau Tuan Pengerusi, dan beliau tidak dapat mengeluarkan kata-kata cuma mengeluarkan kata-kata isyarat.

Jadi di sini apa yang saya ingin sebutkan ialah pembelaan terhadap mereka ini di bawah Butiran 041000 tadi iaitu *accessibility* kepada bangunan awam dan persekitaran lebih menekankan kepada kementerian.

Hari kalau kita lihat ukuran, sejauh manakah dalam bentuk prasarananya, dalam bentuk kemudahan-kemudahan awamnya, dalam bentuk kemudahan-kemudahan khusus kepada OKU-OKU ini di bawah bidang kuasa kementerian yang telah terlaksana?

Umpamanya ada negeri di dalam Malaysia ini telah pun diisytiharkan oleh OECD sebagai sebuah negeri maju. Bolehkah kementerian mengukur kemudahan-kemudahan khusus untuk OKU di negeri tersebut? Contohnya, jalan-jalan *pedestrian mall*, jalan-jalan untuk pejalan kakinya ada tidak disediakan jalan untuk orang yang menggunakan tongkat yang cacat penglihatan. Lampu-lampu trafiknya adakah membekalkan perkhidmatan menggunakan pendengaran untuk mereka cacat penglihatan ataupun mempunyai kawalan visual bagi mereka yang cacat pendengaran. Saya minta kementerian adakan satu ukuran di tahap mana, secara wajib, wajib mengadakan ukuran sejauh manakah pada hari ini kita berada dalam kaedah mengiktiraf kumpulan-kumpulan orang kurang upaya ini.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *I am honored sir, please*. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Johor Bahru.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu. Saya rasa bahawa mungkin cara yang paling cepat, sama ada Yang Berhormat bersetuju, untuk kita mengubahkan persepsi dan sikap masyarakat kepada golongan, umpamanya sebagai golongan OKU, orang kelainan upaya ini, ialah dengan memberikan atau meletakkan mereka kepada tempat yang agak *prominent* ataupun *visible* yang boleh dilihat. Umpamanya, kita pernah ada seorang Senator yang dilantik daripada seorang yang cacat penglihatan.

Bagaimana Yang Berhormat fikirkan kalau seorang yang daripada masyarakat pekak dilantik pula sebagai seorang Senator dan bukankah ini boleh membawa kepada satu transformasi persepsi masyarakat yang lebih luas apabila melihat seorang yang berjawatan senator bercakap dalam bahasa isyarat dan perlu pula ada seorang lain untuk memberi penterjemahan dan ini perlu dilakukan melalui media massa dan dengan sendirinya boleh membawa satu perubahan persepsi terhadap golongan orang pekak.

Kalau kita lihat kepada keperluan orang pekak, mungkin dari segi lampu isyarat kemalangan yang selalunya kedengaran digunakan untuk sebagai pendengaran, tetapi orang pekak dia tidak boleh dengar. Bunyian yang menandakan kecemasan tidak langsung akan membawa kepada satu reaksi yang sepatutnya. Jadi tidak akan membantu golongan ini. Apa pandangan Yang Berhormat jikalau seorang pekak umpamanya, dilantik sebagai Senator untuk kita cuba mengubahkan persepsi masyarakat? Tentunya sangguplah kita daripada semua pihak mengorbankan cita-cita kita pula untuk membenarkan seorang dilantik jawatan ini.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Alhamdulillah*, Tuan Pengerusi, kita pernah dapat melihat sebuah Braille yang digunakan oleh seorang cacat penglihatan sebagai Ahli Dewan Negara dan mungkin tidak lama lagi Yang Berhormat boleh bagi jaminan kalau dapat mereka yang mewakili kumpulan orang kelainan upaya ini terdiri daripada seorang yang cacat pendengaran, seorang yang pekak dan kita mempunyai penterjemah bahasa isyarat dan dalam masa yang sama kita tahu macam mana bunyi loceng itu diterjemahkan dalam isyarat. Kalau tepuk tangan kita tahu begini gayanya, Yang Berhormat Johor... *[Membuat isyarat tangan]* Kalau terima kasih, begini pula caranya... *[Membuat isyarat tangan]* Akan tetapi kalau bunyi loceng itu macam mana pula? Mungkin begini, Tuan Pengerusi?... *[Membuat isyarat tangan]*

Jadi kita dapat tahu dan merupakan satu penciptaan sejarah kepada Dewan Negara dan membawa saya kepada persoalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah pengganti kepada Ahli Dewan Senat yang mewakili kumpulan kelainan upaya ini boleh kita saksikan bersama?

Tuan Pengerusi, ini adalah satu yang saya kira membuktikan bahawa kerajaan kita benar-benar ke arah pengiktirafan kepada kumpulan-kumpulan orang kelainan upaya ini yang pada hari ini saya hendak bawa kepada Yang Berhormat Menteri boleh tidak Yang Berhormat Menteri menjamin satu mekanisme kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa tempatan di bawah satu tajuk besar iaitu *enforcement*?

Apakah bentuk-bentuk hukuman kepada kumpulan masyarakat yang tidak mengiktiraf kelebihan-kelebihan orang kelainan upaya ini, umpamanya jika mereka menggunakan tempat letak kereta orang kelainan upaya? Ya, mungkin hasrat kerajaan mengenakan satu hukuman yang begitu mahal harganya tetapi dari segi pelaksanaannya bolehkah Yang Berhormat mengeluarkan rekod, kalau tidak sekarang mungkin lain kali, berapakah jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan ke arah pembelaan orang-orang kurang upaya ini? Apakah bentuk hukuman pula bagi orang-orang yang normal yang menggunakan tandas-tandas, kemudahan-kemudahan khusus bagi orang kelainan upaya? Sejauh manakah pendidikan telah kita berikan kepada orang-orang normal bahawa tandas orang kurang upaya ini memang tidak langsung sesuai digunakan oleh orang-orang yang biasa seperti kita?

Tuan Pengerusi, dua perkara lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ringkaskan Yang Berhormat. Masa sudah habis sebenarnya.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ringkas, berkaitan dengan Parlimen Tangga Batu Yang Berhormat. Yang pertama ialah Sekolah Tunas Bakti. Saya ingin bertanya adakah pihak Yang Berhormat menyediakan program penambahbaikan bagi Sekolah Tunas Bakti yang telah berusia lebih daripada empat dekad, 40 tahun di kawasan Parlimen Tangga Batu?

Kedua, adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai maklumat tentang Rumah Seri Kenangan Cheng di Parlimen Tangga Batu yang dahulunya pernah saya memohon kepada pihak kementerian supaya membina sebuah model Rumah Seri Kenangan tidak lagi berkonsepkan sekolah-sekolah zaman selepas perang, tetapi berkonsepkan satu kaedah moden dibina di tepi laut dengan kemudahan-kemudahan canggih dan terkini, dengan kemudahan-kemudahan teknologi supaya warga tua ini merasa senang tinggal di Rumah-rumah Seri Kenangan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya ruang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi kalau hendak menjawab, lihat Artikel 45(2) Yang Berhormat, orang-orang yang boleh dilantik menjadi Senator oleh Yang di-Pertuan Agong. Ada syarat-syarat tertentu yang membolehkan. Sila Yang Berhormat Kuantan.

5.19 ptg.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Bekalan B.48, saya ingin membahaskan Butiran 020200 dan 020400 iaitu berkenaan dengan perancangan pembangunan wanita dan pembangunan kapasiti, berkenaan dengan jurang gender *(gender gap)* di Malaysia.

■1720

Dalam konteks ini Tuan Pengerusi saya amat gusar berkenaan dengan jurang gender *(gender gap)* di Malaysia. Gender gap di Malaysia antara yang tercorot di dunia. Akan tetapi di dalam perancangan pembangunan wanita dan juga pembangunan dasar kita tidak lihat program-program yang dapat membawa kepada mengurangkan jurang ini.

Saya ingin mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah program perancangan pembangunan wanita ini semuanya dijuruskan kepada Rumah Nur dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga. Rumah Nur di kebanyakan tempat menjadi rumah yang macam tidak bertuan. Talian Nur pun selalunya tidak ada orang yang menjawab dan juga Majlis Pembangunan Wanita dan keluarga digunakan untuk sebagai satu platform politik. Lantikan juga lantikan orang-orang politik dan sebenarnya bukan untuk membangunkan wanita seperti objektif meningkatkan kesedaran keupayaan dan kecekapan kaum wanita Malaysia supaya mereka dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara melalui perancangan dan pengendalian program secara sistematik dan berkesan.

Kenapa hanya Program Rumah Nur dan Program Majlis Pembangunan Wanita? Sedangkan seharusnya kementerian berfikir bagaimana hendak mengurangkan *gender gap* ataupun jurang gender ini di dalam konteks ekonomi, di dalam konteks pendidikan Selalunya apabila kita bercakap tentang pendidikan ramai akan berkata kita sudah ramai wanita yang graduan, lebih ramai daripada lelaki.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, apabila lebih ramai daripada lelaki yang jadi graduan, 60 peratus itu juga ada jurang gender. Ini kerana di Malaysia 50/50. Jadi kalau lebih ramai wanita daripada lelaki ada juga jurang gender di situ. Jadi kesaksamaan gender ataupun *gender equality* ialah untuk kita memberikan kesaksamaan kepada kedua-dua gender. Ini yang kita lantik. Saya tahu bahawa di setiap kementerian ada *gender focal point*. Akan tetapi *gender focal point* di setiap kementerian juga tidak berfungsi.

Tadi soalan Yang Berhormat Kota Raja berkenaan yang disambut oleh Yang Berhormat Lipis tadi saya rasa berkenaan *child care,* tempat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Yang Berhormat Lipis mencadangkan supaya kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kalau sekiranya *gender focal point* ini berfungsi isu ini tidak timbul kerana *gender focal point* itulah tugasnya di setiap kementerian untuk memastikan bahawa ada berlaku program-program yang boleh mengurangkan jurang gender ini.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, pohon jawab kenapa *gender focal point* ini dilantik di kalangan pegawai-pegawai yang paling tinggi yang terlalu sibuk, yang tidak ada masa dan selalunya tidak faham pun apa maksud *gender mainstreaming*. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kena tengok. Ini bukan setakat untuk meletakkan *gender focal point* itu sebab itu merupakan keperluan. Itu merupakan sesuatu yang *expected* dengan izin. Akan tetapi *gender focal point* ini ialah untuk memastikan berlakunya *gender mainstreaming* di setiap kementerian.

Berbalik kepada *gender responsive budget*. Setiap kali kita bercakap tentang *gender responsive budget*, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat gagal menjawab kenapa sehingga kini kita tidak boleh buat *gender responsive budget*. Antara jawapan yang kita terima ialah kita ada *outcome based budget*.

Yang Berhormat Timbalan Menteri seharusnya faham dan seharusnya boleh menyampaikan kepada yang lain bahawa *outcome based budget* bukan *gender responsive budget*, tidak sama. *It's not the same*. Apabila kita bercakap tentang *outcome based budget* dan apabila kita berkata ada sekian peruntukan untuk wanita, ada sekian peruntukan untuk pembangunan wanita, ada sekian peruntukan untuk *child care*, ada sekian peruntukan untuk latihan wanita itu bukan *gender responsive budget*. Itu peruntukan untuk wanita, bukan *gender responsive budget*.

Apabila saya bercakap tentang *sex disaggregated data* di dalam Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa Malaysia ada *sex disaggregated data*. Akan tetapi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selama ini gagal mendapatkan data yang kita perlukan. Apabila NGO meminta data-data yang berbentuk *sex disaggregated data* ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kata tidak ada. Akan tetapi Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata ada.

Contoh kita berikan *sex disaggregated data*. Katakanlah kita hendak meningkatkan pendapatan wanita Orang Asli, kita perlu tahu wanita Orang Asli ini di mana? Berapa orang? Berapa pendapatan dia? Di mana lokasi mereka? Berapa jumlah pendapatan isi rumah? Apa aktiviti ekonomi yang mereka buat dan bagaimana kita hendak tingkatkan pendapatan mereka? Itu *disaggregated data*.

Akan tetapi selama ini memang kita tidak dapat. Tanyalah NGO mana-mana memang tidak dapat *sex disaggregated data* tetapi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata tidak perlu ada. Bila saya bertanya berkenaan dengan *software* ataupun metodologi untuk kumpulkan data supaya kita dapat *sex disaggregated data* ini. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata tidak perlu, kita sudah ada. Akan tetapi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kalau ada kenapa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat gagal untuk gunakan?

Kenapa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat gagal untuk *promote propagate* dan pastikan *gender focal point* di setiap kementerian boleh bangun, bangkit dan sama-sama bekerja dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan bahawa kita ada *gender mainstreaming* supaya *gender gap* (jurang gender) itu kita kecilkan.

Ini paling ketara di peringkat Parlimen. Paling ketara. Kita boleh lantik di Dewan Negara, kerana lantikan itu boleh *make us look good* tetapi kita gagal untuk menyelesaikan masalah di peringkat Dewan Rakyat. Di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri harus lebih menunjukkan komitmen, menunjukkan kefahaman dan kesediaan untuk mengurangkan gender gap ini. Butiran 050000 berkenaan dengan NIEW ataupun...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ringkas Yang Berhormat. Dekat hendak habis sudah masa Yang Berhormat.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: *...Institute for the Empowerment of Women*. Saya juga ingin bertanya apa yang sedang dilakukan oleh institut ini dan bagaimana institut ini boleh membantu di dalam mengurangkan gender gap ini. Ini kerana setiap kali kita bercakap kepada UNDP. Saya menyampaikan kepada UNDP kenapa tidak bantu Malaysia. Kenapa UNDP bantu negara lain seperti *Cambodia,* Vietnam dan sebagainya. Sebab UNDP kata Malaysia negara maju, Malaysia juga mendabik dada kata Malaysia negara maju. Akan tetapi gender gap indeks Malaysia antara paling rendah lebih jauh ke belakang berbanding dengan Cambodia dan Vietnam. Akan tetapi kita kata kita sudah berjaya.

Saya rasa kita harus ikhlas kepada diri kita Yang Berhormat Timbalan Menteri dan jawab kepada seluruh wanita di Malaysia yang merupakan separuh daripada rakyat negara kita, kenapa kita gagal selama ini di dalam mengurangkan *gender gap*, di dalam melaksanakan *gender responsive budget* dan kenapa *gender focal point* gagal di setiap kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat Bukit Mertajam.

5.27 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuantan. Terlebih dahulu saya ingin mendapatkan satu penjelasan peruntukan untuk kementerian ini bagi tahun 2013 untuk pembangunan hanya dapat RM49 juta. Kalau berbanding dengan RM158 juta pada tahun ini. Mengapa dikurangkan dengan begitu banyak? Apakah sebabnya?

Saya hendak tambah sedikit dengan jurang gender. Gender Indeks 2012, Malaysia sudah turun dari 97 pada tahun 2011 kepada 100 untuk tahun ini dan itu pun sudah dijangkakan akan turun kerana khasnya di *political empowerment* bahawa penurunannya sebanyak lima tangga iaitu dari 115 pada tahun lepas sampai 120, tahun ini. *Out of 135 country,* kita di bawah. Di *South East Asia, Philippine* adalah di tangga nombor lapan, Singapura 55, *Thailand* 65, Vietnam 66, Brunei 75, Indonesia 97, Malaysia 100, *Cambodia* 103. Jadi di *South East Asia*, Malaysia hanya lebih baik daripada *Cambodia* sahaja.

Jadi saya rasa amat kecewa kerana saya sudah baca di dalam peruntukan untuk kementerian ini tidak kelihatan usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk mengurangkan *narrow the gender gap* dan juga tidak kelihatan *mainstreaming of gender* kerana *mainstreaming of gender* atau mengarusperdanakan gender ini ia akan membawa kesaksamaan gender. Akan tetapi saya tidak lihat dan saya lihat bahawa dalam objektif ini kesaksamaan gender sudah hilang dalam kementerian ini.

■1730

Apabila kementerian ini baru diwujudkan pada tahun 2001, memang ia menjadikan kesaksamaan gender itu satu objektif utama tetapi sekarang sudah tak lihat lagi. Strategi *number one-* memastikan perspektif gender diintegrasi dalam penggubalan dasar perancangan serta pelaksanaan program dilaksanakan di peringkat kementerian pembangunan wanita sahaja. Ia bukan di dalam keseluruhan kerajaan harus ada di*mainstream* di semua kementerian.

Tuan Pengerusi, setiap tahun apabila kita menyambut Hari Ibu ataupun Hari Wanita, kita lihat *contribution* ataupun sumbangan ibu diheboh-hebohkan. Ini ialah untuk tahun ini... *[Menunjukkan keratan akhbar yang berkenaan]* 13 Mei ya. Ini adalah *advertisement* dipaparkan di dalam surat khabar. Ia baca "*Happy Mother's Day. Your devotion and sacrifices towards family happiness are invaluable*". Ini Perdana Menteri sekarang sudah jadi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Di bawah sini, "*Working moms always close to our heart*". *Working moms*, ibu yang bekerja. Apakah keperluan ibu yang bekerja? Apabila ibu pergi kerja, anaknya perlu penjagaan. Saya tak lihat di dalam peruntukan di bawah kementerian ini atau di mana-mana kementerian ada peruntukan untuk mewujudkan lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak pada tahun depan. Jadi saya pohon sekiranya ada, selain daripada pusat penjagaan untuk OKU, anak-anak OKU.

Jadi, saya pohon supaya diberitahu pada tahun depan berapa pusat penjagaan kanak-kanak akan disediakan? Ini kerana setiap tahun ia akan apabila Yang Berhormat Alor Gajah menjadi Menteri Sumber Manusia, beliau pun berkata bahawa menyeru supaya *private sector industry* menyediakan pusat jagaan kanak-kanak untuk pekerja-pekerjanya. Pada tahun ini apabila Perdana Menteri menjadi Menteri Pembangunan Wanita, beliau pun membuat seruan yang sama yang dikatakan begitu penting. Pusat jagaan kanak-kanak begitu penting supaya wanita-wanita yang berpendidikan tinggi itu boleh keluar bekerja tetapi berapakah kata saya dan lihat.

Jadi saya pohon supaya dia diberitahu pada tahun yang akan datang berapa buah pusat jagaan kanak-kanak akan disediakan? Manakala untuk ibu khasnya suri rumah, *full time homemaker* atau *housewife* yang saya rasa *the least we can do* ialah memberikan penghargaan. Menghargai *devotion* dan *sacrifice* mereka. Saya rasa mereka berhak untuk mendapat SOCSO. Kita memberikan nilai ekonomi kepada kerja-kerja rumah atau kerja-kerja ibu. Jadi kita mewajibkan supaya mereka diberi SOCSO. Sekiranya keluarganya begitu miskin, kerajaan mungkin boleh memberikan satu jumlah yang kecil untuk menjadi pelindungan sosial.

Untuk Pakatan Rakyat, kita ada program Caruman Wanita Malaysia sekiranya kita menjadi kerajaan. Kita akan memberi RM50 sahaja satu bulan kepada suri rumah. Ini merupakan satu caruman untuk perlindungan wanita- Tabung Bantuan Musibah ataupun berlaku penceraian, suami hilang keupayaan bekerja dan kematian suami. Ini untuk beri perlindungan.

Jadi saya cabar supaya Perdana Menteri yang sekarang Menteri Pembangunan Wanita menunjukkan *sincerity*nya apabila beliau berkata bahawa "*your devotion and sacrifices towards family happiness are invaluable*". Ini *lips service* tak guna. Walaupun dialu-alukan tetapi apa dia buat untuk seorang suri rumah yang miskin apabila beliau kehilangan *dependence*nya, suaminya ataupun suaminya tak dapat menampung kehidupan keluarganya. Apa maksud? Tak ada maksud langsung. Jadi saya mencabar supaya Perdana Menteri menunjukkan *sincerity*nya dan *substantial*nya supaya memberikan sekurang-kurangnya SOCSO kepada suri rumah.

Saya ada beberapa pertanyaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey. Kita katakan di sini juga, di bawah aktiviti kanak-kanak. Ini hanya tertumpu kepada memberikan perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak diadakan di dalam bentuk kanak-kanak di rumah jagaan. Akan tetapi kepada kanak-kanak yang biasa yang mereka tidak duduk di dalam rumah jagaan kerana kita diberitahu bahawa hanya 3 peratus guru di taska, di tadika yang telah melalui latihan tetapi yang lain tak ada. Juga banyak tadika atau pusat jagaan kanak-kanak ini tidak mendaftar dan kita bimbang bagaimana dengan kualiti jagaannya. Jadi saya ingin bertanya, bagaimana kita boleh memberikan lebih jaminan kepada kanak-kanak kita ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, masa Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya bagi Yang Berhormat tanya soalanlah. Tak payah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya sekarang saya nak tanya soalan. Tuan Pengerusi, memang Kerajaan Barisan Nasional telah menubuhkan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasan. Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...*Cabinet Committee on Gender Equality* pada tahun 2004 dan ia dikatakan pada 2009, ia sudah diserapkan ke dalam Majlis Sosial Negara *under the* PPM. Jadi sekarang apakah status ini? Saya ingin diberitahu apakah status *Committee on Gender Equality* ini.

Tadi kita dengar bahawa ada kata gender *responsive budget*. Memang pada 2007 kita diberitahu bahawa ia sudah mula dengan lima kementerian. Jadi suka saya nak minta dimaklumkan apakah status sekarang. Adakah ia dilaksanakan kerana ia dikatakan pada 2003/2004, ia ada *five pilot project* di lima kementerian iaitu *Education Ministry, Health Ministry, Human Resources Ministry, Rural Development*- jadi di *Rural Development* hari itu saya lihat ada satu perkataan *gender mainstreaming* di dalam aktivitinya tetapi saya tak lihat di kementerian-kementerian yang lain. Jadi soalan saya ialah apakah status sekarang kepada *pilot project* ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya mohon Menteri menjawab pada hari Isnin. Lain itu saya akan benar menyoallah. Saya sudah dengar banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada wakil wanita, jadi cukuplah Yang Berhormat. Menteri menjawab ya. Yang Berhormat Menteri. Hari Isnin Yang Berhormat menjawab.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Hari Isnin? Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jadi datang sebelum pukul 11.30.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi hari Isnin, 5 November 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.44 petang.]